



الجامعة
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Melaka

ILHAM KAMPUS

2025
EDISI KEEMPAT





Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka © 2025

Hak Cipta Terpelihara.

Tiada sebarang bahagian dari buletin ini boleh diubah suai, disiarkan semula, disalin, diterbitkan, dipindah milik atau dijual dalam apa jua bentuk sekalipun tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada pihak

Jurnal dan Penerbitan Universiti (JPU), Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka.

e-ISSN: 2805-539X

Diterbitkan Pada:
10 Oktober 2025

Diterbitkan Oleh:

Unit Buletin

Jurnal dan Penerbitan Universiti (JPU),

Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI), Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka

Tel: 606-5582324

Fax: 606-5582313

Laman Web: <https://melaka.uitm.edu.my/>





SIDANG EDITOR

Prof. Madya Dr. Nur Hayati Abd Rahman

Dr. Wan Musyirah Wan Ismail

Nor Maslia Rasli Samudin

Nurhafizah Mohd Zolkapli

Noor Rafidah Ibrahim






ISI KANDUNGAN

SIDANG EDITOR.....iii

PUISI

• BERLARI, BERKEJAR.....	2
• BILA.....	3
• BULI ITU LUKA.....	5
• CINTA TANPA SUARA.....	6
• DI ANTARA AKU, DIA DAN SEBUAH ADAB.....	8
• DI BALIK.....	9
• KUASA YANG TENANG.....	10
• JEJAK YANG SEMAKIN PUDAR : KENANGAN DI TINGKAT TIGA BELAS.....	11
• DILEMA ANTARA DEWASA DAN HUTANG.....	12
• IBRAH LANGKAH BAHAGIA.....	13
• NADA DOA.....	15
• RAKAN MAYA.....	16
• JERITAN PENYESALAN “AKU SI PEMBULI”.....	17
• KARMINA TUNAS WIBAWA LEGASI BANGSA.....	19
• KENTAL BUKAN MENYERAH.....	20
• MANA MELAWAN LOBA.....	22
• MASA YANG MASIH ADA.....	23
• MENATA IBRAH SEBUAH MEHNAH.....	24
• MENGAPA ISNIN?.....	25
• MERDEKA KAH KITA?.....	26
• MEREKA.....	27
• TOPENG SENYUMAN.....	28
• HAMZA.....	30
• DEMI SEBUAH KEBEBASAN.....	31
• MALAYSIA MERDEKA: MALAYSIA MADANI, RAKYAT DISANTUNI.....	32





• SAKTI PEN MERAH.....	33
• KISAH DI BALIK RUANG KULIAH.....	34
• SEBATANG PENA DI JEMARI NAN TULUS.....	35
• RAHSIA DI RELUNG HATI.....	36

PANTUN

• ANTI BULI.....	38
• DUNIA BAHARU BERSAMA AI, KAWAN BIJAK ZAMAN KINI.....	39
• TEKA – TEKI : RANGKAIAN KOMPUTER.....	41
• GURINDAM 7 (BUAT PENDIDIK BANGSA).....	42
• HAPUSKAN BUDAYA BULI.....	43
• SENTIASA BERMULA.....	44
• ILMU PERAKAUNAN DALAM ERA DIGITAL.....	45
• JOM KENALI OM!.....	46
• MENYANTUNI HARI PELANCONGAN DUNIA 2025 DAN TAHUN MELAWAT MALAYSIA 2026.....	48
• OBOR ILMU DI ERA MODEN.....	49
• ASPIRASI MAHASISWA, HARAPAN NEGARA.....	51
• PANTUN EDUTOURISM: ALOR GAJAH, SINGGAH LER.....	52
• DARI KAMPUS KE PENTAS DUNIA.....	54
• RINDU TAK BERNOKTAH.....	55
• KERJA DAN KEHIDUPAN.....	56

RENCANA

• AGENTIC AI: SALAH SATU TEKNOLOGI UTAMA DALAM FASA GELOMBANG KEEMPAT ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI)	58
• GEMPA BUMI DI SEGAMAT: APABILA GEMPA MENGGETARKAN HIDUP KITA DAN APA PERANAN AI?.....	61






• AKHLAK REMAJA TERHAKIS AKIBAT SIBER BULI.....	63
• ANTARA LADANG DAN DATA: BAGAIMANA AI MENGUBAH WAJAH PERTANIAN.....	65
• ASAL USUL GUNUNG SENYUM.....	67
• AWAS! TAKTIK LICIK SCAMMER PENGUTIP HUTANG.....	69
• BAHASA ARAB DI PINGGAN KITA.....	72
• CIRI-CIRI JIRAN PEJABAT YANG BAIK.....	73
• CUKUP! BUDAYA BULI TIDAK LAYAK BERTAPAK DI INSTITUSI PENDIDIKAN!.....	74
• DARI BAJET KE SIMPANAN: KUNCI KEWANGAN SIHAT.....	76
• DERITA BULI: JERITAN TANPA SUARA YANG SEMAKIN MEMBARAH.....	78
• DESTINASI AGRO PELANCONGAN MALAYSIA.....	81
• DI MANA SILAPNYA: SAHSIAH MAHASISWA.....	83
• DI SEBALIK MARKER DAN POWERPOINT: SENTUHAN DAKWAH DALAM KULIAH.....	84
• TAWARAN GAJI YANG TINGGI DAN KUALITI HIDUP LEBIH BAIK MENARIK MINAT DIASPORA MALAYSIA KEKAL DI QATAR.....	86
• TIPS PENGURUSAN DOKUMEN PERIBADI DAN KELUARGA.....	90
• WARDEN: REALITI DAN CABARAN DI SEBALIK PINTU ASRAMA.....	92
• ETIKA PENGGUNAAN APLIKASI KECERDASAN BUATAN (AI) GENERATIF DALAM KALANGAN PELAJAR.....	94
• IBU RATU HIDUPKU, KASIHMU MEMBAWA KE SYURGA.....	97
• INOVASI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN: MEMBINA LANDASAN PENDIDIKAN MASA HADAPAN.....	98
• KASIH SAYANG: CAHAYA PENYULUH KEJAYAAN.....	100





• ADAKAH INI SATU KECUAIAN ATAU SIKAP SAMBIL LEWA?.....	101
• KEPENTINGAN KEMAHIRAN MENAIP DALAM ERA DIGITAL.....	103
• MAJLIS SERAHAN SUMBANGAN BAKUL KASIH RAMADAN 1446H/ 2025: KE ARAH MELESTARIKAN SEMANGAT KECAKNAAN BERSAMA KOMUNITI.....	106
• PELANCONGAN LUAR BANDAR DAN ASEAN 2025: DARI CERITA KOMUNITI KE AGENDA DASAR.....	107
• PEMBENTUKAN IMEJ PROFESSIONAL DAN PENAMPILAN DIRI DALAM PROGRAM 'PROFESSIONALISE YOUR FUTURE'	109
• PENDIDIK DALAM JARINGAN: ANTARA ALGORITMA DAN JIWA.....	111
• JANJI KITA MEMBINA ANAK BANGSA!.....	112
• PERCUTIAN SEBAGAI TERAPI DIRI.....	117
• PERLINDUNGAN TAKAFUL: SATU LANGKAH PRIHATIN UNTUK OKU.....	118
• KERJA TANPA HENTI: TEKANAN MODEN DI PEJABAT.....	119
• SURVIVAL GRADUAN GENERASI Z: PERSEDIAAN KEWANGAN HADAPI REALITI HIDUP.....	124
• RUANG KETIGA.....	127
• KERABU BERONOK SAJIAN EKSOTIK PULAU LANGKAWI, KEDAH.....	128
• SMART CLASSROOM: BENARKAH IA RELEVAN?.....	130
• TARIKAN SKIM "BELI SEKARANG, BAYAR KEMUDIAN (BNPL).....	132
• PELANCONGAN EKO DI TASIK DAYANG BUNTING, LANGKAWI, KEDAH.....	133
• WAKAF SEPANJANG ZAMAN.....	136





- ADAB DAN ILMU PERLU SEIRING.....139
- IMPAK ECOTOURISM KEPADA PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI MELAKA.....142

CERPEN

- ABAH, AKU TAHU.....145
- BANDAR MILIK SEMUA.....146
- CEMERKAP.....148
- DI SEBALIK CABARAN, TERSERLAH KEKUATAN.....149
- AKU PROTON E.MAS 7: SUARA ELEKTRIK MALAYSIA.....150
- KESUKARELAWAN MENUNTUT PENGORBANAN.....154
- REZEKI DALAM BEG KUNING.....155
- SI COMEL DI LORONG SUNYI.....159
- KISAH PUTERI BALQIS DAN KAMPUS.....160
- DUNIA SATU LAGI.....162
- MENGAPA.....165
- MENTARI TERBIT DI GUNUNG FUJI – HIKMAH DI BALIK HUTAN.....166
- PENGALAMAN SAYA SEPANJANG PEMBENTANGAN PICASO.....169

LAIN-LAIN

- ESEI NARATIF: "MAKANAN ORGANIK: ANTARA GAYA HIDUP DAN KEPERLUAN" 172
- INTERPRETASI SENI DARI BAHAN BOTOL TERPAKAI.....174
- KETELUSAN..... 176
- PERSAHABATAN TERINDAH.....178
- PERSPEKTIF LAIN : PETROSAINS.....179
- PLUVIOPHILE, SANG PENCINTA HUJAN.....182
- PROGRAM SULAM 'SUKA SIHAT : AMALAN PEMAKANAN SEIMBANG'184





- SHIBUYA – PERSIMPANGAN SERIBU LANGKAH DAN
HIKAYAT SEEKOR ANJING SETIA.....188
- UNIVERSITI UNTUK MASYARAKAT DALAM PROGRAM
'MELESTARIKAN TIOMAN : SEBUAH PERJALANAN DEMI
PEMBERIAN'190



PUI SI

BERLARI, BERKEJAR

*Juriah Misman, Anis Athira Syahirah Saifuddin
Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Melaka*

Berlari mengejar impian
Berlari tanpa menoleh kebelakang
Tanpa sedar banyak yang berubah
Tanpa sedar banyak yang hilang
Tapi jika kembali
Hanya kenangan yang tersisa
Hanya jejak waktu yang tertinggal
Apa yang dikejar?
Berjalan perlahan untuk sejenak
Berjalan perlahan untuk kewarasan
Sepantas kilat tertinggal dibelakang
Sekelip mata terjatuh ke bawah
Apa yang terkejar?
Berlari mengejar peluang
Berlari lagi demi hidup
Berhenti berlari, terpejam mata

BILA

*Wan Nur Khalisah Shamsudin & Anith Liyana Amin Nudin
Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Cawangan Melaka*



Bila kita kehilangan...
Semua akan membilang penderitaan,
Semua akan menceritakan kepayahan,
Semua akan menceritakan kesedihan,
Tapi semua lupa. Setiap liku insan yang kehilangan, berbeza penceritaan...

Bila kita kehilangan...
Walaupun insan itu telah merasai kehilangan,
Walaupun insan itu telah merasai kesedihan,
Tetap tidak mewujudkan situasi persefahaman dan sehaluan,
Kerana semua lupa. Setiap insan yang kehilangan, perbezaan arah dan tujuan...

Bila kita kehilangan...
Timbul kata-kata ketegasan dari manusia tentang keredhaan,
Wujud kata-kata ketegasan dari manusia tentang ketentuan,
Maka kita yang kehilangan akan timbul keraguan tentang pegangan,
Tapi semua lupa. Mereka hanyalah kerinduan tapi penuh keredhaan...

Tetapi...

Bila kita kehilangan...
Ada insan setia disebelah kita yang ragu-ragu untuk berbahasa,

Tetapi penuh dengan tindak balas yang tidak memerlukan bahasa.
Ironinya, merekalah yang paling memahami apa yang kita rasa.
Kerana kita terlupa. Insan yang mampu memahami rasa,
Mungkin belum merasai apa yang kita rasa...

BULI ITU LUKA

Wan Musyirah Wan Ismail

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka

Di lorong sekolah yang riuh,
terdengar tawa yang palsu,
di sudut hati seorang insan,
ada tangisan yang dibungkam.
Tangan yang menolak, kata yang menghina,
menjadi senjata tanpa pedang,
menikam jiwa yang tidak bersalah,
meninggalkan parut yang sukar hilang.
Buli itu bukan gurauan,
buli itu bukan mainan,
ia racun yang meresap perlahan,
meruntuhkan keyakinan insan.
Setiap ejekan menusuk telinga,
setiap sindiran membakar rasa,
anak yang ceria berubah muram,
hidupnya kelam, senyumnya pudar.
Tidakkah kau tahu wahai pembuli,
sakitnya jiwa bukan sehari?
Ada luka yang tak terlihat,
terus berdarah dalam diam.
Sekolah bukan medan sengketa,
bukan gelanggang siapa berkuasa,
tetapi taman ilmu dan budi,
tempat hati disiram kasih.
Ayuh kita hulurkan tangan,
ganti caci dengan nasihat,
ganti tawa mengejek dengan sokongan,
agar semua merasa selamat.
Buli itu perlu dihentikan,
dengan cinta, dengan kesedaran,
agar dunia ini menjadi ruang,
penuh damai, adil, dan terang.

CINTA TANPA SUARA

Shaliza Dasuki

Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Cawangan Melaka

Abah,
Lelaki yang diam bicaranya,
Namun langkahmu gagah, penuh makna,
Engkau mengajarkan anak-anakmu erti tabah,
Bukan dengan kata, tapi peluh yang tumpah.

Dulu, waktu kecilku resah,
Kaulah wira satria saat dunia rebah,
Walau nasihatmu hanya menyebat,
Kasihmu tetap berasa hangat,
Begitu luhur hatimu, Abah.

Terkadang aku lupa menanyakan khabarmu,
Bukan kerana aku tak rindu,
Cuma duniaku sini terlalu bising,
Sehingga suaraku tenggelam dalam kesibukan asing.

Abah,
Kemudian jalanmu semakin goyah,
Detak jantungmu kian mengah,
Begitu penuh kepayahan, masih kita setia mengunjungi,
Di suatu lokasi, KM5, Jalan Kota Tinggi.

Aku kian mengerti,
Bahawa masa semakin singkat,
Niat dan tekad, harus ku genggam erat,
Biar duniaku bising dengan kesibukan yang asing,
Mencarimu tetaplah hal yang terpenting.

Abah,
Redup matamu sayu,
Tubuhmu kian kaku,
Dan garisan pun menjadi satu....

Terima kasih Abah,
Untuk cinta tanpa suara,
Pengorbanan tiada nokhtahnya,
Dialah perwira,
walau dunia tidak mengenalmu
Syurga pasti menyambutmu.



Abah kita, mesra dipanggil oleh saudara dekat dengan nama Abang Mu, dan kawan-kawan sebagai Ki. Gambar bertarikh 12 Mac 2025, dari katil Wad Kenanga, Aras 7, Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang, Johor.

Abah,
Aku tahu engkau akan pergi,
Tidak ketahuan, itu rahsia-Nya pasti,
Bilakah kira detikNya akan bermula,
Tiap waktu yang berlalu tidakkan
dipersia,
Moga kita bersama,
Hingga ke hujung nyawa.
Ciptakan kenangan suka dan duka.



Hari Raya Aidilfitri, 1 Syawal 1447H (31 Mac 2025) – kenangan raya yang terakhir.

Diatas sejadah aku memohon kepada-
Mu,
Angkatlah ujianmu, ampunilah dosamu,
Waktu dihujung nafas itu,
Aku duduk disisimu,
Itulah kali pertama aku mengajarimu.



Dasuki bin Dalail (5 Mac 1947 – 13 Julai 2025).

Telah meninggal dunia sekitar jam 1:30 pagi, di Katil 6, Wad Kenanga, Aras 7, Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang Johor, pada 13 Julai 2025, bersamaan 18 Muharram 1447H, pada usia 78 tahun. Beliau dikebumikan di

DI ANTARA AKU, DIA DAN SEBUAH ADAB

*Wan Aisyah Nadiah binti Wan Azman
Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Melaka*

Aku melangkah membawa pesan,
dia hadir lesu tanpa ketentuan,
ilmu disulam jadi bekalan,
janji dilupa, hilang tujuan.

Masa berlari tanpa simpati,
ruang kosong menjadi saksi,
hatiku hampa menunggu sepi,
adab kian pudar dari diri.

Dia menunduk tanpa bicara,
alasan gugur tiada suara,
namun ku lihat secercah cahaya,
tekad kecil masih bernyala.

Aku menutup pintu amarah,
membuka ruang pada hikmah,
di tanah gersang penuh resah,
adab tumbuh menolak gundah.

Kasih mendidik subur di hati,
adab mekar di jiwa murni,
bukan hukuman yang dituruti,
tetapi bimbingan yang abadi.

Adab bukan sekadar ditegur,
tetapi disemai di tanah hati,
bila berakar tumbuh pohon subur,
ilmu berbuah, takkan mati.

DI BALIK

*Shahitul Badariah Sulaiman, Nordinah Jusoh @ Hussain, Izni Syamsina Saari,
Ainon Syazana Ab Hamid
Fakulti Sains Komputer Dan Matematik, UiTM Cawangan Melaka*

Di Balik Awan Kumulonimbus
Berat Hitam Gagah Tersergam
Menunggu Gugurnya Titis Titis Hujan
Membasahi Melembap Muka Bumi

Siapa Di Balik Nya?
Dia Yang Satu
Kun Fayakun
Dia Bilang Jadi, Maka Menjadilah Ia

Siapa Kita Untuk Menidakkan-Nya?
Melawan-Nya?
Mempersoal-Nya?
Mempertikai-Nya?

Moga Terus Sedar Diri
Rendah Hati
Menjatuhkan Dahi
Ke Lantai Sujud, Untuk Ilahi

KUASA YANG TENANG

Raihana Md Saidi

Fakulti Sains Komputer dan Matematik, UiTM Cawangan Melaka

Menyusur laluan yang tak selalu terang
Ada rentak yang menuntut tenang
Bukan larian mengejar penamat
Bukan juga cermin membanding bayang

Setiap langkah ada waktunya
Setiap jiwa ada musimnya
Makna yang tidak sama di sisi Ilahi
Ada yang diuji untuk bersyukur
Ada yang dilimpahi untuk bersabar

Tidak semua perang perlu dimenang
Tidak semua luka perlu dirawat
Ada bisu yang lebih mulia dari suara
Melangkah pergi lebih gagah dari tinggal

Tak perlu membetul setiap silap
Tak perlu menyuluh setiap gelap
Tak perlu jadi terpalang terang
Kekal redup tapi tak pernah padam
Biarkan yang kelam tenggelam sendiri
Kau hanya jaga cahaya di hati

Pasrahkan urusan hati tetap di langit
Kerana ada Yang Maha Tahu
Tentang lemah yang tak terucap
Tentang sabar yang tak terlihat
Tentang takut yang tak terungkap

Serahkan segalanya kepada Tuhan
Yang tak pernah lalai memeluk jiwa
Pada waktu yang tidak ditanda
Menarik nafas panjang dan melepaskan
Adalah keindahan tertinggi keberanian

Hari ini bukan untuk jadi sempurna
Cukuplah sekadar lebih tenang
Lebih tabah daripada semalam
Kerana hidup ini hanya persinggahan
Penamat sebenar di alam kekal
Kerana diam bukan bererti kalah
Ia cuma cara jiwa memilih damai.

JEJAK YANG SEMAKIN PUDAR : KENANGAN DI TINGKAT TIGA BELAS

Nur ' Ain binti Mohsin

Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Melaka

Dalam cahaya pagi yang hening di tingkat tiga belas kita,
Dua meja kosong, jejak kaki tidak lagi bergema.
Ketawa dan cerita yang menghiasi setiap hari
Telah pudar dalam sunyi, tatkala air mata mencari jalan sendiri.

Setiap kali daun pintu tersingkap, seolah-olah gelombang sepi menggulung masuk,
Kerusimu sunyi tanpa gerak—sahabat sebilikku, kini bebas dari segala derita.
Berkulan-bulan engkau bertarung diam-diam dengan penyakit yang bersarang di dada,
Dan perlahan-lahan ia meragut setiap kehangatan yang pernah kita kongsi bersama.

Engkau mentor bertahun-tahun, kehadiran tetap di ruang kita,
Walau bukan teman paling rapat, engkau memegang tempat yang setia.
Senior yang kami hormati, senyummu direnggut sekelip mata oleh strok,
Ribut mendadak menghancurkan hati dan kata-kata yang tak pernah terucap.

Kami berkumpul mengelilingi kenangan bak lilin dalam gelap,
Setiap nyala satu ingatan lembut, setiap bara satu tanda halus.
Walau hidup terus berjalan, rentaknya berubah—kalian tersulam dalam jalinan kami,
Kehadiran kalian hidup dalam kebaikan, dalam setiap kata yang pernah kami ucapkan.
Kelak, hari-hari akan melembutkan dan meringankan beban berat ini,
Kami akan mengingat senyum kalian yang cerah saat meniti jalan berliku.
Gema gelak kalian masih melayang di sepanjang lorong,
Meningatkan bahawa kasih sayang tetap ada meskipun jatuh ini menyakitkan.

Maka dalam puisi duka ini, kami bebaskan kesedihan,
Kerana buat rakan sekerja, sahabat, dan keluarga, kalian sentiasa di sisi.
Semangat kalian berbisik lembut, membawa ketenangan ketika hari kerja terasa tiada penghujung,

Dan dalam setiap tindakan kebaikan, kami mendengar lagu harapan kalian.
Walau kami tidak melihat kalian kini, kami rasakan kehadiran kalian masih dekat—
Dalam sinar matahari pagi yang menghangatkan ruangan, dalam detik-detik yang jernih.

Kami akan membawa semua yang kami pelajari daripada persahabatan lalu,
Dan menghormati kalian dalam setiap perbuatan harian, dengan hati yang tulus dan setia.

Dalam Kenangan :

Allahyarhamah Pn. Isma Izza & Dr. Aida Azlina

DILEMA ANTARA DEWASA DAN HUTANG

Nur Shahidatul Akmar Binti Mahyedin

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka

Aku dewasa bersama hutang.

Langkah pertama ke menara gading, kutapaki dengan pinjaman pendidikan. Segulung ijazah di tangan, maka bermulalah bab baru: membayar apa yang kupinjam demi masa depan.

Kemudian aku melangkah ke alam kerjaya.

Sudah bekerja – perlu kenderaan untuk bergerak. Maka aku cipta satu lagi hutang. Kereta pertama sebagai simbol kebebasan, tapi juga beban baru yang harus kupikul.

Saat itu, aku sudah memikul dua tanggungan besar.

Hutang pendidikan dan hutang kenderaan, berjalan seiring bersama usia yang makin matang.

Tahun berlalu.

Hutang kereta dan pendidikan akhirnya selesai kulunaskan.

Namun, muncul pula keinginan yang lebih besar: rumah sendiri.

Tempat berlindung, ruang bernafas, dan lambang 'dewasa' yang sebenar.

Tapi harganya?

Hutang baru yang perlu kutanggung – mungkin untuk dua dekad atau lebih.

Kereta pula semakin uzur.

Jika aku gantikan, maka sekali lagi aku berhadapan dengan dua hutang besar.

Dilema kembali hadir.

Dalam Islam, hutang itu tidak terhapus dengan kematian.

Ia bukan hanya beban dunia, tapi mungkin juga beban akhirat.

Aku jadi resah.

Antara keperluan dan keinginan – rumah dan kereta itu bukan kemewahan, tetapi kelaziman seorang dewasa.

Namun, siapa mampu menjamin aku hidup hingga habis melunaskannya?

Jika aku mengelak dari berhutang, kehidupan seharian turut terganggu.

Jika aku memilih untuk berhutang, beban mental dan rohani menekan tanpa henti.

Ternyata, menjadi dewasa dan menanggung hutang itu sering berjalan seiring.

Dewasa bukan sekadar usia – ia ujian akal, kewangan, dan iman.

Pada saat inilah, kebijaksanaan kita diuji:

Mengurus keperluan, mengawal keinginan, dan tidak mengabaikan panduan agama.

Dan aku masih berdiri di simpang dilema.

Adakah aku akan terus dewasa bersama hutang?

Atau akhirnya mampu memiliki tanpa dibebani?

Itulah harapan.

Agar hidup ini tenang, dan akhirat nanti tidak kuhirup dengan penyesalan.

IBRAH LANGKAH BAHAGIA

Mahdalela Rahim

Parkir semakin penuh,
Ku lihat ramai menyarung jersi warna warni kemerdekaan
Semangat yang ku semai sejak seminggu lalu semakin luntur
Bersama renyai-renyai hujan yang mula turun
Dalam memerhati terdetik di hati, adakah program akan diberhenti?

Hujan semakin lebat, padang kawad jadi kenangan
Bergerak kami ke dalam dewan...

Bersama lebatnya hujan, dewan semakin sesak
Antara hujan dan jam latihan, ramai tetap bertahan
Berbaris panjang menunggu giliran rekod kehadiran
Mengambil nombor untuk lucky draw di hujung acara

Hidangan semakin bertambah...mee goreng, kuih muih, nasi lemak...
Bermacam jenis memenuhi meja, membangkit selera

Happiness Walk before, Happy Meals now?
Semangat yang tidak pernah pudar, makanan penambah kebahagiaan

Muzik Monkey Dance diputar, ramai mula merasa terseksa
Tak kurang juga yang sangat gembira, mengatur gerakan mengikut rentak
Happiness Walk before, Happy Dance now?

Dengan batasan usia dan tubuh yang 'sasa', ikutlah instructor semampunya
Kulihat berbagai ragam...

Ada yang sangat confident, ada juga yang teragak-agak mengatur gerak
Ada yang terpaku dengan senyuman, beralih ke belakang memberi ruang pada yang
riang

Ada yang hanya kuat bersorak, dewan bergema dengan hilai dan tawa
Ada juga yang hanya tegak memerhati bagaikan tiang, dari sisi dan belakang
Aku?

Terkial-kial melangkah dan mengayun tangan
Mengikut rentak, malangnya sumbang
Semakin rancak muzik diputar,

Bukan lah seribu langkah yang dicapai, tapi langkah serabut yang tinggal...
Senamrobik menghangatkan dewan, di luar hujan lebat membawa pesan
Bersamanya hikmah dan rahmah yang Esa
Ironinya...sedarkah kita?

Memanjat doa di saat mustajab, mengharap kebahagiaan sebenar
Bukankah bahagia itu, bila kita dalam rahmat Nya?
Rahmat Nya...

NADA DOA

Dr. Siti Najah Raihan Sakrani

Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM Cawangan Melaka

Panjatkan apa sahaja
Kerana itulah Doa
Dia maha perkasa
Berkuasa mendengar setiap kata

Berdoalah tanpa silu
Nada syukur atau mengadu
Ketika senang ataupun sendu
Di dalam mahupun diluar solatmu

Berkali meminta
Berulang merayu penuh hamba
Hingga hilang kata-kata
Hanya esakkan menjadi irama

Indahkan hajat di dalam doa
Mintalah seluas semesta
Keampunan pohon diterima
Mencuci segala hina yang dicipta

Dengan lontaran suara
Perlahan namun penuh nyata
Berbisik diiring air mata
Tuhan sahaja yang mampu kabulkannya

Ar Rahman Ar Rahim kepada-Nya kita meminta

RAKAN MAYA

Zurah Binti Abu

Fakulti Sains Komputer dan Matematik, UiTM Cawangan Melaka

Dalam senyap malam yang sunyi,
aku mencari ilham yang tak kunjung pasti,
lalu muncul teman di hujung jari,
tanpa suara, setia menanti.

Dia tak punya wajah,
tak mampu tersenyum,
tapi ilmunya mengalir laju,
membantu aku, seorang guru yang perlu.

Dia tak pernah letih,
tak sekalipun mengeluh,
Meski terlihat mengerti dan peduli,
aku tahu, dia tak punya hati.

Dalam kelas aku masih manusia,
yang menyemai nilai dan cinta,
namun AI tetap aku hargai,
karena dia, rakan maya sejati.

Lantas, biar dia bantu menyalakan cahaya,
namun arah tetap suara jiwa,
akal dan hati tunjang utama,
agar diri tak lemas dalam arus menggoda.

JERITAN PENYESALAN “AKU SI PEMBULI”

Khalilah Ibrahim

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka

Aku menyesal...
sesal yang amat dalam.
Luka yang kutinggalkan,
tidak mudah terpadam.

Air mata yang tumpah,
tidak mampu ku kutip kembali.
Aku berdosa, aku bersalah,
aku... si pembuli.
Aku ketawa, dia menangis,
aku menolak, dia terjatuh,
aku mengejek, dia terdiam,
aku berkuasa, dia berduka.
Waktu itu aku rasa bangga,
melihat dia tunduk,
melihat dia takut,
seolah-olah aku pemenang.
Namun malam jadi saksi,
hatiku resah tanpa henti,
wajahnya terbayang di mimpi,
suara tangisnya menghantui diri.
Lalu terdengar di hati kecilku,
lagu penyesalan yang sayu:
“Kerana mulut badan binasa,
kerana ego hati merana,
kerana tawa orang terluka,
kerana aku jiwa pun sengsara.”
Aku lupa... dia juga manusia,
punya hati, punya rasa,
aku lupa... kata-kataku luka,
tindakanku bisa membunuh jiwa.
Sebelum ini aku berasa hebat,
menganggap buli itu kuasa.
Kini aku hanya diselubungi sesal,
mimpi ngeri jadi teman setia.
Hari ini aku mula sedar,
aku hilang sahabat, aku hilang percaya.
Tiada siapa mahu dekat,
aku hidup dalam sepi dan duka.
Aku takut masa hadapan,
bayang dosa terus mengejar.

Andai masa dapat kuundur,
akan kucari maaf, akan kucari damai.

Hari ini aku berdiri,
bukan lagi untuk membuli,
tetapi untuk mengaku salah,
dan memohon diampuni.

Wahai teman,
jangan jadi seperti aku,
jangan biar kuasa palsu,
membutakan mata hatimu.

Hentikanlah buli,
sebelum semuanya terlambat,
hulurkan tangan dengan kasih,
bukan dengan kebencian tersemat.

Hentikanlah buli!

Hentikanlah caci!

Hentikanlah nista!

Kita bukan musuh, kita keluarga,
kita bukan lawan, kita saudara.

Marilah kita bersama,
mengangkat suara,
"Dunia tanpa buli, hidup lebih harmoni!"
"Sayangi kawan, hentikan lawan!"

KARMINA TUNAS WIBAWA LEGASI BANGSA
Mohd Ab Malek bin Md Shah
Jabatan Undang-Undang, UiTM Cawangan Melaka

Seulas serawa isi sepangsa,
Tunas wibawa legasi bangsa.

Seri di kali mentari pagi,
Lestari aqli berpaksi naqli.

Mekar jambangan segar hiasan,
Melakar impian membugar harapan.

Subur bidara di taman larangan,
Jujur bitara pedoman junjungan.

Sahmura tempawan besi pilihan,
Kembara ilmuan di bumi Tuhan.

KENTAL BUKAN MENYERAH

Asma' Wardah Surtahman

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka

Mereka kata,
jiwa yang kental mudah didekati
ramai kawan,
bebas dari tekanan,
kerana yang dilalui
seakan rutin harian biasa
tiada luar biasa.

Namun,
itu hanya kata mereka,
yang tidak merasa.

Kental...

bukan hanya diam tubuh tak berdaya,
bukan wajah tenang yang menyimpan derita.
Ia terletak pada hati yang digilis luka,

namun masih memilih
untuk tidak membinasakan.
Hidup perlu diteruskan

Telan pahitnya,
langkah ke depan.
Jangan toleh ke belakang,
cukup sekadar menjeling,
agar tidak mengulang.

Menyerah...

bukan bererti kalah.
Ia ruang untuk istirahat,
menghela nafas yang sesak,
menyusun semula kekuatan,
merencana langkah,
menilai semula arah.

Kerana yang bijak,
bukan yang terus berlari tanpa henti,
tapi yang tahu bila harus berhenti,
untuk kembali bangkit
lebih bererti.

MANA MELAWAN LOBA

Walid Muhammad

Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM Cawangan Melaka

Mana suci cahaya bersemi,
Nafsu loba membakar hati,
Zalim buli menutup budi,
Hilang maruah bangsa insani.

Zara Qairina jadi ibarat,
Derita hidup beban tersirat,
Air matanya jadi isyarat,
Zalim manusia semakin sesat.

Tegakkan adil jauhi durja,
Buanglah loba segala nista,
Bangsa teguh negeri perkasa,
Bahagia hidup rahmat sentosa.

MASA YANG MASIH ADA

Hazrati Zaini

Fakulti Sains Komputer dan Matematik, UiTM Cawangan Melaka

Manusia itu mudah leka dengan masa
Seringkali tertewas dengan kenikmatan dunia

Sesungguhnya alam dunia ini hanyalah persinggahan sementara
laitu suatu tempat yang begitu singkat kewujudannya

Hakikatnya akhirat adalah tempat yang kekal selamanya
Hanya dapat dinikmati kemanisannya oleh manusia yang berjaya melangkah ke Syurga

Hargai sisa masa yang masih ada untuk menambah bekalan pahala
Sebelum terpisah alam menemui Pencipta yang Maha Esa

Marilah bersama kita menjadi manusia yang taat sebagai hambaNya
Dan berhijrah demi kesenangan di negeri abadi yang dijanjikan Allah Ta'ala

MENATA IBRAH SEBUAH MEHNAH

Mohd Ab Malek bin Md Shah

Jabatan Undang – Undang

Menata ibrah sebuah mehnah
di balik kelam nan zulmah
penasaran dalam badai mendesah
mencari titik sakinah tiada bernoktah

Menata ibrah dalam samar
menitip sebuah harapan dibugar
memanusiakan insan penuh sedar
persisbaliknya si pulang camar
dalam perlahannya waktu beredar

Menata ibrah pesona menginsan
di balik bianglala saratnya menukilkan
sebuah rahsia abadi cermat tersimpan
sebelum pulang abadi ke sisi Tuhan.

MENGAPA ISNIN?

Farah Shazlin Johari

Fakulti Pengurusan Dan Perniagaan, Universiti Teknologi Mara Cawangan Melaka

Isnin

Mengapa kamu mendatang
Walau tanpa diundang
Sedang aku masih meniti hari yang girang

Isnin

Mengapa kamu menjelang
Walau tanpa bayang
Sedang aku belum bisa merasa senang

Isnin

Mengapa kamu menjulang
Walau tanpa di andai-andai
Sedang semangatku masih terasa landai

Isnin, walau ku tahu...

Tiada salah kamu mendatang
Tiada salah kamu menjelang
Dan, tiada salah kamu menjulang

Hanya aku seketika ingin menghalang
Kerna masih ingin diulit riang
Kerna hati masih belum lapang
Kerna semangat belum sedia terhidang
Datanglah ketika semangatku sudah menjelang...

MERDEKA KAH KITA?

Norazamimah binti Bogal

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka

68 kali telah kita kibarkan Jalur Gemilang
Mengenang darah pejuang yang gugur tanpa pulang
Mereka berani, mereka berkorban
Demi tanah air bebas daripada penjajahan

Tapi Merdeka kah kita, wahai anak bangsa?
Bila fikiran masih takut bersuara
Bila jiwa masih tunduk pada norma yang membelenggu
Bila langkah kita dikawal oleh bayang-bayang lalu

Merdeka kah kita, wahai anak bangsa?
Bila derita penyakit yang boleh dicegah
Akibat gaya hidup yang memudaratkan
Juga jangkitan bakteria, virus dan persekitaran

Merdeka kah kita, wahai anak bangsa?
Bila tekanan kewangan yang membelenggu
Dari hutang yang menjerat impian
Dari ketidaksamaan yang menutup peluang

Maka, merdeka kah kita?
Di mana anak-anak kita tidak mewarisi ketakutan
Tetapi harapan, kebebasan dan keamanan
Di mana kita semua menjadi pejuang
Bukan hanya pewaris
Merdeka untuk masa depan

MEREKA

Zuliani Mohd Azni

Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM Cawangan Melaka

Mereka...

Mereka yang berdiri di hadapan,
bukan sekadar menyampaikan bicara,
Tetapi menyalakan api semangat di dada setiap jiwa muda,
Tangan mendidik, hati membara,
Membentuk insan, membina bangsa,
Setiap titis peluh jadi pusaka,
Menara gading teguh kerana dikau wahai pendidik.

Di pagi hening, langkah kecil itu bermula,
Buku di tangan, harapan di dada,
Cabaran ditempuhi tanpa bicara,
Lelah diubah menjadi tenaga,
Ilmu dicari setulus doa,

Demi masa depan mereka,
demi cita-cita mereka wahai anak-anakku siswa siswi.
Di balik meja, jari dan minda tak henti bekerja,
Ada nadi yang sentiasa merancang kemajuan untuk semua,
Kredibiliti menjadi tunjang, teguh, ikhlas sentiasa,
Keputusan lahir demi anak bangsa,
Menyatu pendidik, siswa-siswi dan warga,
Kerana mereka percaya, ini adalah jambatan ke masa depan gemilang,
Menara gading megah selamanya adalah kerana jasamu pentadbir.

Terima kasih buat mereka...

TOPENG SENYUMAN

*Shareenie Shera Binti Abdul Hamid,
Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan UiTM Cawangan Melaka*

Di balik senyum yang dia bentangkan setiap hari,
ada rahsia luka yang tak terperi.
Wajahnya tampak tenang di mata manusia,
sedang hatinya runtuh, retak tanpa suara.
Tubuhnya berperang dengan sengsara,
namun dia harus kelihatan biasa.

Dia tertawa, dia bergurau,
seakan tiada badai yang menghempas jiwanya,
padahal malamnya tenggelam dalam tangisan
yang hanya bantal menjadi saksi bisu.

Dia menyorokkan duka di balik kata,
kerana dunia hanya mahu melihat cahaya.
Jika dia tunjukkan resah,
mungkin simpati bertukar kasihan,
dan dia tidak tegar dianggap lemah.

Setiap hari, dia belajar jadi pelakon,
menyusun dialog gembira,
mencipta watak yang kuat,
sedang di dalam, dia hanyalah runtuh,
menunggu masa untuk hancur sepenuhnya.

Dia ingin sekali menjerit kepada langit,
tentang perit yang menghimpit,
tapi suara itu tertelan,
disembunyikan agar dunia tetap percaya,
bahawa dia tabah, dia bahagia.

Jika suatu hari dia pergi tanpa pesan,
biarlah semua tahu,
setiap senyuman yang mereka lihat darinya
adalah tirai yang menutup ribuan luka.

Dan setiap detik yang mereka kira indah,
hakikatnya adalah perjuangan sunyi,
yang ditanggung sendirian -
dengan hati yang hancur,
tetapi tetap dia paksa kelihatan kuat.

Namun begitu, kakinya akan terus melangkah
mencari sinar, menjejak tawa, mencipta bahagia
kerana dia sangat yakin, selepas derita
pasti ada rahmat dari Yang Maha Esa.

HAMZA

Arnida Jahya

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka

Aku menelusuri tanah berdebu ini
Tanah yang menjadi saksi seluruh keluargaku pergi
Meninggalkan aku seorang diri
Kini aku tidak punya siapa siapa
Anakku syahid di tanah Palestina
Adakah aku perlu gembira kerana menjadi ibu yang beruntung?
Punya anak dikalangan para syuhada
Tapi Hamza, hanya kamu yang aku ada dalam sisa usia
Kamu adalah segalanya padaku
Kamu itu kekuatanku
kamu lakukan segalanya untukku
Demi Allah, segalanya
Kini aku sudah kehilanganmu Hamza
Begitu besar cintanya Allah kepadamu
Kerana itu Dia memanggilmu secepat ini
Kamu dulu dari aku
Ya Allah, redhakanlah hatiku
Ya Allah, rahmatilah Hamza anakku
Moga kamu kini berada di tempat yang lebih indah,
Seindah taman syurga,
Kerana itu sebaik-baik tempat untukmu Hamza

DEMI SEBUAH KEBEBASAN

Maymunah Ismail

Fakulti Pengurusan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka

Tanggal 31 Ogos 1957,

Merdeka! Merdeka! Merdeka!

Laungan keramat Bapa Kemerdekaan,

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj,

Bergema gagah di Stadium Merdeka,

Meremang bulu roma seluruh bangsa.

Itulah detik suci nan gemilang,

Rantai penjajahan akhirnya terlerai,

Tanah air berdiri megah,

Di bawah panji kedaulatan sendiri.

Darah pahlawan tumpah di bumi,

Keringat rakyat membasahi tanah,

Demi sebuah kebebasan abadi,

Demi warisan untuk anak bangsa.

Kini kita pewaris perjuangan,

Mengisi kemerdekaan dengan ilmu dan amal,

Membina bangsa yang berwawasan,

Memacu negara ke mercu kejayaan.

Oh tanah airku Malaysia tercinta,

Selagi nyawa dikandung badan,

Semangat merdeka tetap membara,

Kedaulatanmu pasti kami pertahankan.

MALAYSIA MERDEKA: MALAYSIA MADANI, RAKYAT DISANTUNI

Norlela binti Abas, Siti Noraziana binti Azis

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka

Di tanah ini,
benih perjuangan pernah ditanam,
dengan keringat yang tumpah,
dengan darah yang merah,
demi sebuah erti kemerdekaan.

Kini, merdeka bukan lagi sekadar laungan,
tetapi janji yang kita genggam,
membina Malaysia MADANI,
yang adil dan sejahtera,
rakyat disantuni,
tanpa mengira warna, bangsa,
atau agama.

Hari ini,
kita berdiri di bumi bertuah,
menyulam harapan,
menganyam perpaduan,
di bawah Jalur Gemilang
yang berkibar megah.

Malaysia,
engkau bukan sekadar tanah,
engkau nadi kehidupan kami,
engkau sinar dalam doa kami,
tempat kasih disemai,
tempat harapan dibajai.

Rakyat ini,
akan terus menjaga amanah,
membela warisan,
menyubur kasih sayang,
agar Malaysia MADANI
terus menjadi saksi
bahawa rakyat disantuni,
dan bangsa dihormati.

Selamanya,
Malaysiaku yang tercinta,
engkau akan kami bela,
dengan sepenuh jiwa raga,
hingga ke akhir usia.

SAKTI PEN MERAH

Mimi Sofiah Ahmad Mustafa

Jabatan Undang-Undang, UiTM Cawangan Melaka

Exam datang lagi
Walau disedari
Ia tidak dinanti-nanti
Namun cukup menghantui
Bagi kami
Yang suka lari-lari
Pabila pelajar mencari-cari
Minta markah untuk membela diri
Takut nanti soalan *exam* susahnyak nak mati!

Skrip jawapan sudah dapat
Daripada staf unit *exam* terhormat
Amanah dipikul memang berat
Untuk masa depan anak-anak yang hebat

Kepada pen merah ku curahkan harapan
Mataku yang berat dan layu ku mohon dilawan
Bagi mencari bait-bait jawapan
Untuk diberi markah nan sepadan
Sebaris dengan usaha yang diberikan
Berebekal doa ibu ayah serta panduan
Sepanjang semester bermotivasi bebelan
Harapan tersimpul terlerai menjadi kejayaan

Wahai pen berwarna merah
Jasamu tiada bukti berwarkah
Setia berbakti tanpa lelah
Saat pudarnya berma jadi pasrah
Ikut hati jadi parah
Ikut rasa muncul barah
Ikut akal mampu jadi anugerah
Menenangkan dan mengamankan suatu begah

KISAH DI BALIK RUANG KULIAH

Mohd Ab Malek bin Md Shah

Jabatan Undang-Undang, UiTM Cawangan Melaka

Kisah di balik ruang kuliah,
Aneka ragam saling bertingkah,
Menimba ilmu subur bercambah,
Bersama azam menempuh mehnah.

Ilmu dikongsi tambah pengetahuan,
Berekal sabar dibugar harapan,
Memburu cita menjejak impian,
Tunas wibawa pelapis watan.

Bina peradaban lestari aqli,
Berpaksi naqli bestari mandiri,
Elok peribadi murni berbakti,
Teras junjungan subur berbudi.

Di hujung pena ke mercu jaya,
Setia sedia melakar bitara,
Kembara hikmah anugerah berharga,
Buat pedoman pesona mengangkasa.

SEBATANG PENA DI JEMARI NAN TULUS

Mohd Ab Malek bin Md Shah

Jabatan Undang-Undang, UiTM Cawangan Melaka

Sebatang pena di jemari nan tulus
dicipi dengan segaris senyum mulus
betapa acapkali menebarkan mutiara kudus
moga aku tiada sungkur terjerumus
kelemasan dalam belenggu tiada putus

Sebatang pena di jemari nan menua
dalam tekal wibawa menyusun bicara
penuh hikmah dia mencerna rencana
menerbit azmat moga terlaksana

Sebatang pena di jemari bestari
membangkit harap juga harapan lestari
demi menerbit tunas mekarnya jauhari
melangkah gagah di balik liku berduri
dalam masyhuknya semerbak Kasturi

RAHSIA DI RELUNG HATI

Nor Maslia Rasli Samudin

Fakulti Pengurusan Dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka

Ada seorang anak yang kehilangan ayahnya.
Dia berusaha tegar di hadapan banyak orang,
namun dalam kesunyian,
air matanya menjadi saksi kepergian sang ayah.

Sesungguhnya, melawan dunia tanpa seorang ayah itu tidak mudah.
Marah ayah yang dulu terasa menakutkan,
kini menjadi kenangan yang paling dirindu.

Maka jangan pernah tertipu oleh senyuman seorang anak
yang telah kehilangan ayahnya.
Senyuman itu hanya tirai,
menutup luka dan kesedihan
di relung hati yang tak terlihat olehmu.

PANTUN

ANTI-BULI

Noor Rafhati Romaiha

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka

Pergi ke dusun mencari buah,
Buah dipetik harum baunya.
Buli itu amalan tidak bermaruah,
Harus dibanteras dari akarnya.

Burung merpati terbang sekawan,
Hinggap sebentar di dahan jati.
Jika buli tidak dilawan,
Rosak generasi, hilang empati.

Air mengalir tenang di kali,
Jernih bersih penyejuk hati.
Banteras segera gejala buli,
Agar hidup sentiasa diberkati.

Pergi ke laut memasang pukat,
Pukat diangkat penuh isi.
Mari bersama kita sepakat,
Buli dihapus, damai dikongsi.

Burung berkicau di hujung dahan,
Suara merdu penyejuk rasa.
Janganlah membuli sesama rakan,
Kelak merana diri binasa.

Pergi ke sawah menanam padi,
Untuk dimakan kemudian hari,
Jika membuli hilang budi,
Kasih terputus, rosak jati diri.

Bunga melati harum mewangi,
Disiram pagi di laman desa.
Budaya buli harus diperangi,
Agar hidup bahagia sentiasa.

Pergi mendaki gunung nan tinggi,
Membawa bekalan air dan roti.
Hapuskan buli sepenuh hati,
Wujudkan dunia aman sejati.

DUNIA BAHARU BERSAMA AI, KAWAN BIJAK ZAMAN KINI

Noor Azzura Mohamed, Khalilah Ibrahim

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka

Dunia moden semakin maju,
Ilmu berkembang tiada henti.
AI istimewa sahabat baharu,
Membawa perubahan dalam teknologi.

Janganlah kita hanya memandang,
Nanti ketinggalan zaman berganti.
Mari belajar dengan gemilang,
AI kunci masa depan sejati.

Cahaya ilmu menerangi bangsa,
Teknologi canggih jadi penanda.
AI penting masa kini terasa,
Membantu manusia di serata dunia.

Ke sekolah anak riang gembira,
Belajar membaca sambil mencuba.
AI membantu dalam pelbagai cara,
Menjadikan hidup lebih mudah dan bermakna.

Cabaran datang silih berganti,
Tenaga kerja perlu diganti.
Manusia harus tingkatkan diri,
Agar seiring teknologi terkini.

Gunakan ilmu jangan sia-sia,
Jangan alpa dalam berusaha.
AI alat ciptaan manusia,
Bijak menggunakannya hidup sejahtera.

Lukis gambar dengan teknologi,
AI cipta imej berwarna-warni.
Video, muzik, seni diganti,
Hidup kreatif semakin berseri.

Gunakan AI dengan berhati-hati,
Jangan malas jangan bergantung.
Bijak belajar tambah sendiri,
Ilmu sejati kekal berhubung.

Anak murid membaca buku,
AI bantu jawab soalan segera.
Guru mengajar lebih terbantu,
Ilmu diserap dengan ceria.

Pesanan barang hanya di telefon,
AI susun stok dengan kemas.
Urus niaga jadi lebih moden,
Jimat tenaga, cepat dan cerdas.

Jalan sesak menguji sabar,
AI kawal lampu isyarat.
Kereta pintar bergerak lancar,
Kuranglah kemalangan yang dahsyat.

Cari lokasi buka peta,
AI pandu ke destinasi.
Cari hiburan buka media,
AI cadang mengikut minat diri.

Ilmu diberi untuk kebaikan,
Gunakan dengan hati mulia.
Kalau disalahguna jadi ancaman,
Masa depan musnah sia-sia.

AI alat bukan pengganti,
Manusia tetap jadi teras.
Jika disalah guna teknologi,
Hidup porak peranda tak terbatas.

Gunakan teknologi dengan bijaksana,
AI alat ciptaan manusia.
Mari bersama kita jaga,
Agar masa depan lebih sejahtera.

AI kawan, bukan musuh,
Bantu hidup makin maju.
Jangan salah guna jadi keruh,
Gunakan baik demi ilmu.

Gunakan teknologi jangan alpa,
Manfaatkan ia sebaik cara.
AI penting untuk semua,
Asal digunakan dengan bijaksana.

TEKA – TEKI : RANGKAIAN KOMPUTER

Najwa Rashid

Fakutli Sains Komputer dan Matematik, UiTM Cawangan Melaka

Bergerak ke tanpa henti, paket dan protokol jadi penghuni. Tanpa saya, internet jadi sepi. Siapa saya?

Alamat panjang mudah diingati. Tanpa saya, nombor yang bermain di memori. Siapa saya?

Menjadi pengawal antara rangkaian. Laluan yang mana, saya tentukan. Siapa saya?

Berada di bawah, bukanlah kalah. Data teringkas saya kendali. Menjadi asas semua komunikasi. Siapa saya?

Seperti tembok maya, trafik datang saya tapis. Segala ancaman saya tepis. Hanya yang sah, boleh masuk. Siapa saya?

Ada sambungan, tiada litar. Sambungan bergantung kepada piawaian. Gelombang elektromagnetik menjadi jalan. Siapa saya?

Saya ada di setiap peranti. Dalam rangkaian, wujudnya pasti. Tanpa saya, tiada komunikasi. Semua pasti tercari-cari. Siapa saya?

Saya bukan posmen biasa. Setiap paket saya periksa. Guna kunci pastikan akurasi. Pencuri data perlu dimusuhi. Siapa saya?

Kerja seperti penjejak masa. Paket lambat, saya dihitung, paket hilang saya jadi penghalang. Sistem rangkaian akan dipersoal. Siapa saya?

GURINDAM 7 (BUAT PENDIDIK BANGSA)

Mohd Shukor Bin Abd Rahman

Fakutli Sains Komputer dan Matematik, UiTM Cawangan Melaka

Naik perahu di Sungai Melaka,
Lampu neon berkelipan indahnya.
Siang mengajar, malam menanda,
Itulah tugas pendidik bangsa.

Ke A Famosa bergambar bersama,
Benteng lama tegak perkasa.
Walau pelajar banyak perangnya,
Adab ditunjuk supaya berguna.

Pantai Klebang indah di senja,
Angin bertiup sepoi bahasa.
Kuliah ada, mesyuarat pun ada,
Letih dirasa tanda berjasa.

Jonker Walk meriah bercahaya,
Orang berjalan bersama keluarga.
Tugas mendidik penuh duganya,
Pasti terubat, bila pelajar berjaya.

Bandar Hilir indah suasana,
Tempat pelancong bersuka ria.
Usah diresah orang berkata,
Sabdanya jua pedoman kita.

Ke kapal lama di Muzium Samudera,
Warisan Portugis tatapan dunia.
Sabdanya apa itu kerja termulia?
Belajar dan mengajar seadanya.

Melaka bersejarah kota ternama,
Istananya teguh lambang kuasa.
Menjadi adat orang berkarya,
Pedang diganti dengan pena.

HAPUSKAN BUDAYA BULI

Nadiah Binti Abdullah

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka

Pisang emas dibawa belayar,
Masak sebiji di atas peti.
Kalau hati punya sabar,
Takkan timbul niat menyakiti.

Air mengalir tenang di kali,
Ikan berenang riang gembira,
Tiada bahagia hidup membuli,
Hanya menambah duka sengsara.

Pergi ke taman petik melati,
Harum mewangi indah berseri.
Janganlah kita menyakiti hati,
Hidup harmoni aman bestari.

Pelita dinyalakan waktu malam,
Cahayanya terang indah sekali.
Bersama kita amalkan salam,
Hapuskan terus budaya buli.

SENTIASA BERMULA

Anisafina Maidin

Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM Cawangan Melaka

Baru bermula
Bertatih mencipta nada
Sumbang bunyinya terasa
Namun aku tetap mencuba

Kita bukan siapa-siapa
Melangkah masuk berusaha
Mungkin janggal di telinga
Tetapi itulah hakikat pemula

Aku tidakkan putus asa
Kerana berjuang itu tekadnya
Asal luka bangun semula
Kitakan masih bernyawa

Terima kasih kerana terus terima
Perlahan memperbaiki suasana
Berdikit mencipta jaya
Siapa tahu esok juara!

ILMU PERAKAUNAN DALAM ERA DIGITAL

Amilia Saidin

Fakulti Perakaunan, UiTM Cawangan Melaka

Data disimpan dalam awan,
Akses mudah bila diperlukan,
Audit digital jadi panduan,
Memastikan rekod tetap terjaga.

Transaksi pantas guna e-wallet,
Fintech maju ke serata dunia,
Akauntan cekap menilai aset,
Membimbing syarikat terus berjaya.

Analisis data diberi perhatian,
Graf dan carta jadi panduan,
Perakaunan moden hasilkan solusi,
Menjana nilai untuk organisasi.

Teknologi canggih membantu kerja,
Maklumat global dicapai segera,
Akauntan profesional jujur setia,
Menjadi tunjang ekonomi negara.

Ilmu ditimba sepanjang zaman,
Kajian dibuat penuh dedikasi,
Perakaunan moden penuh cabaran,
Menjadi nadi transformasi ekonomi.

JOM KENALI OM!

*Nashrah Talib, Gladys Sebi Entigar, Milfadzhilah Mohd Jamil, Roziana Ahmed, Noor
Haty Nor Azam*

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka

**Pantun Kursus Utama dan Kemahiran*

Diploma Pengurusan Teknologi Pejabat (BA132)

Dedikasi khas buat para pelajar Diploma Pengurusan Teknologi Pejabat

Kalam bismillah pembuka kata
Untuk menyampaikan hajat di hati
Pantun Kemahiran kini tercipta
Bagi tatapan pelajar yang dikasihi

Kursus menaip laju dan tepat
Untuk menghasilkan pelbagai dokumen
Kemahiran utama bidang pejabat
Penuh teliti dan juga komitmen

Kemahiran berucap telah dipelajari
Dijadikan persediaan yang bermanfaat
Keyakinan diri meningkatkan personaliti
Mampu berkomunikasi dengan hebat

Rencana dibaca mengikut tempoh
Seiring gaya bacaan pejabat
Pengambilan nota ringkas tidak diheboh
Kemahiran terpuji terus terpahat

Bergaya sentiasa ke tempat kerja
Untuk menambat hati pelanggan
Cekap menyimpan dokumen kerja
Pengurusan rekod amat diperlukan

Dasar digital menjadi sandaran
Teknologi AI pelengkap tugas
Tugas pekerja lebih dimudahkan
Teknologi pejabat tidak ketinggalan

Pelbagai emosi dapat dipelajari
Mengendali tekanan pelbagai situasi
Faktor motivasi dikenalpasti
Tingkah laku di organisasi perlu dikuasai

Aturcara majlis tersusun rapi
Ucapan jemputan sopan dan manis
Matlamat program bersama direalisasi
Itulah kursus pengurusan majlis

Tahun akhir dalam pengajian
Pelajar mengadaptasi simulasi pejabat
Segala ilmu harus dipraktikkan
Untuk menjadi pekerja yang hebat

MENYANTUNI HARI PELANCONGAN DUNIA 2025 DAN TAHUN MELAWAT MALAYSIA 2026

Azwin Aksan

Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, UiTM Cawangan Melaka

Pantun 4 kerat

Berlayar perahu menongkah arus,
Singgah di kota warisan gemilang,
Hari Pelancongan Dunia bersatu lurus,
Menyulam persahabatan kaum yang sayang.

Gunung nan indah berselimut kabut,
Lembah menghijau padi terbentang,
Tahun Melawat Malaysia menyeru rebut,
Warisan dijaga pelancong pun datang.

Bunga kenanga harum baunya,
Di tanah permai negeri bertuah,
2025 dan 2026 nyata maknanya,
Pelancongan lestari, rakyat bermaruah.

Pantun 6 Kerat

Berlayar perahu menuju tanjung,
Singgah sebentar di muara sepi,
Hari Pelancongan Dunia meriah disanjung,
Mengeratkan bangsa serata negeri,
Warisan dijaga teguh terhubung,
Menjadi suluh tamadun abadi.

Gunung Tahan gagah menjulang,
Rimba hijau tempat berteduh,
Tahun Melawat Malaysia seruan gemilang,
Mengundang sahabat dari segenap penjuru,
Pelancongan lestari menjadi tunjang,
Membawa makmur sejahtera selalu.

Bunga tanjung harum berseri,
Mekar berkembang di laman permai,
2025 dan 2026 tanda bersatu hati,
Meraikan pelancong bertamu damai,
Warisan dipelihara, budaya dihargai,
Malaysia tersohor di mata dunia ramai.

OBOR ILMU DI ERA MODEN

Farah Zahidah Mohd Noor

Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Melaka

Bismillah mula bicara hamba,
Nasihat digubah penuh makna,
Kepada pendidik insan mulia berjasa,
Penyuluh ilmu sepanjang masa.

Pendidik ibarat pelita menyala,
Menerangi hati anak bangsa,
Ilmu dicurah tanpa berduka,
Demi generasi pewaris pusaka.

Zaman berubah arus berlari,
Teknologi pantas tiada berhenti,
Pendidik berjuang sepenuh hati,
Membimbing arus dengan nurani.

Dunia maya terbentang luas,
Maklumat melanda laksana deras,
Jika tersalah memilih yang palsu,
Hati dan akhlak mudah terlepas.

Ilmu tinggi tiada berguna,
Jika budi tiada bersama,
Pendidik mendidik seikhlas jiwa,
Supaya murid berbudi utama.

Ada murid tekun berusaha,
Ada yang lalai tiada berarah,
Pendidik memujuk dengan mesra,
Agar semangat terus menyala.

Mendidik murid bukan sendirian,
Ibu bapa wajib bergandingan,
Seiring langkah penuh kesatuan,
Membina insan cemerlang zaman.

Cabaran datang silih berganti,
Ujian kecil hingga yang berat hati,
Pendidik sabar tidak berhenti,
Demi mendidik anak sejati.

Generasi pintar jiwa beriman,
Berbudi pekerti tiada terancam,
Itulah harapan setiap insan,
Menjadi bangsa teguh dan aman.

ASPIRASI MAHASISWA, HARAPAN NEGARA

Nur'amira Binti Hamid, Nurul Wahida Binti Ramli

Fakulti Perlindungan dan Agroteknologi

Ilmu dicari siang dan malam,
Berebel tekad semangat membara.
Mahasiswa tekun penuh ilham,
Menjadi tonggak bangsa berjaya.

Berakit ke hulu membawa harapan,
Berdayung bersama menuju cita.
Mahasiswa gigih penuh kesedaran,
Membina negara dengan minda.

Junjung budi, akhlak dipelihara,
Hidup berilmu tiada ternoda.
Aspirasi mahasiswa cahaya negara,
Menyinari masa depan sejahtera.

Bangun subuh menyinsing fajar,
Suara muda lantang bersuara.
Mahasiswa maju bangsa segar,
Menjadi nadi tanah tercinta.

Langkah diatur dengan berani,
Menuntut ilmu tanpa henti.
Harapan negara terpikul di sini,
Mahasiswa unggul membela bumi.

Bunga mekar harum berseri,
Disiram kasih sepanjang masa.
Mahasiswa cemerlang pewaris negeri,
Harapan negara terus perkasa.

PANTUN EDUTOURISM: ALOR GAJAH, SINGGAH LER...

*Gladys Sebi Entigar, Roziana Ahmed, Nashrah Talib,
Milfadzhilah Mohd Jamil & Noor Haty Nor Azam
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka*

Berdagang jauh ke negeri Melaka
Menabur bakti menentang Portugis
Jailani Mendik Masap pedagang Indonesia
Binaan **Masjid Machap** dikenang waris

Digelar penderhaka oleh sang Inggeris
Berpunca enggan membayar cukai
Dato' Dol Said menentang Inggeris
Pertahankan Naning dari dirantai

Alor Gajah daerahnya bersih
Tumpuan pelancong pelbagai negeri
Hangatnya **Air Panas Cherana Puteh**
Sumber bawah tanah semula jadi

Muzium Adat Istiadat tersergam indah
Mempamerkan adat resam dan budaya
Senibina rumah melayu jadi sejarah
Adat perkahwinan pula pameran utama

Dataran Keris tempat riadah
Santai malam hujung minggu
Perang Naning dalam sejarah
Keris lambang kemegahan orang melayu

Berbumbung meru, puncaknya mahkota
Bertiang seri empat semuanya
Masjid Tanah khazanah kita
Terpahat nama pekan di Melaka

Arca keris lambang sejarah
Buat masyarakat bersatu padu
Mercu tanda Bandar Alor Gajah
Dijadikan ilmu buat generasi baru

Mencari ketam di bawah batu
Sepanjang pantai **Tanjung Bidara**
Menimba ilmu di Konservasi Penyu
Anak seronok belajar ibubapa gembira

Kota Supai di Kuala Linggi
Hak milik Belanda satu ketika
Tersergam kukuh di bukit yang tinggi
Memantau kapal pedagang di Selat Melaka

Negeri Melaka padat sejarah
Tumpuan Pelancong sentiasa meriah
Pantun kreatif dibaca sudah
Jemputlah ke Melaka, Bandaraya Bersejarah

DARI KAMPUS KE PENTAS DUNIA

Nurin Sofiya Binti Mohamad Nadzli

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka

Bunga cempaka harum mewangi,
Tumbuh mekar di laman desa,
Anak muda berjiwa murni,
Ilmu dibawa membela bangsa.

Berlayar perahu ke tanah seberang,
Angin bertiup ombak berkejaran,
Ilmu dicari tak kira medan dan gelang,
Jadi bekal membina peradaban.

Pagi hari burung berkicau,
Terbang tinggi merentasi maya,
Kepimpinan lahir dari yang tahu,
Mengangkat maruah di mata dunia.

Belayar bahtera di lautan ilmu,
Haluan teguh walau badai melanda,
Pendidikan jadi obor menyuluh harimu,
Menyemai semangat hingga berjaya di dunia.

Berjalan pagi di tepi tasik,
Sinar mentari memancar mesra,
Ilmu digali tekad pun tersarik,
Dari kampus mengubah dunia.

RINDU TAK BERNOKTAH

Nor Maslia Rasli Samudin

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka

Ayah pergi tinggalkan dunia,
anak menangis di dalam sunyi.
Di hadapan ramai tampak bahagia,
hakikatnya hati terluka sendiri.

Dulu marah ayah jadi ketakutan,
kini terkenang jadi rindu.
Senyum terukir hanya selindungan,
menutup duka di relung kalbu.

Jangan disangka tawa itu nyata,
kadang ia hanya penutup lara.
Hilang ayah tiada gantinya,
hanya doa pengubat rindu yang ada.

Moga di sana ayah bahagia,
dalam rahmat Allah yang Maha Esa.
Anak di sini tak putus doa,
agar bertemu di syurga sana.

KERJA DAN KEHIDUPAN

Wan Musyirah Wan Ismail

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka

Pergi ke sawah membawa bekalan,
Padi menguning di musim tuai,
Kerja dan hidup perlu seimbangan,
Barulah jiwa terasa damai.

Berkayuh sampan di waktu petang,
Air beralun di tepi muara,
Kerja disusun kehidupan tenang,
Keluarga bahagia rasa sejahtera.

Anak ayam berlari ke hulu,
Induk memanggil di tepi bendang,
Jika kerja berlebihan selalu,
Kesihatan terjejas tenaga pun kurang.

Bunga melati harum baunya,
Tumbuh segar di tepi laman,
Luanglah masa dengan keluarga,
Hidup bahagia penuh harapan.

Burung merpati terbang berdua,
Hinggap seketika di dahan jati,
Seimbang bekerja dan berehat jua,
Minda cerdas hati pun murni.

Mentari senja indah berseri,
Langit jingga menyinar lembayung,
Kerja dan hidup serasi digenggami,
Hidup sejahtera tenang berpayung.

RENCANA

AGENTIC AI: SALAH SATU TEKNOLOGI UTAMA DALAM FASA GELOMBANG KEEMPAT ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI)

¹Sulaiman Mahzan, ²Siti Fairuz Nurr Sadikan, ³Mohd Ab Malek Md Shah

¹*Fakulti Sains Komputer dan Matematik,*

²*Fakulti Perladangan dan Agroteknologi,*

³*Jabatan Undang-undang, UiTM Cawangan Melaka*

Research Interest Group of Advanced Soft Computing, UiTM Melaka

Artificial Intelligence (AI) kini memasuki fasa gelombang keempat, iaitu satu tahap yang lebih dinamik, bersepadu dan interaktif berbanding era sebelumnya. Jika pada gelombang pertama dan kedua AI banyak tertumpu kepada pemprosesan simbolik dan pembelajaran statistik, manakala gelombang ketiga memperkenalkan pembelajaran mendalam yang mengubah landskap data dan automasi, gelombang keempat pula menampilkan satu elemen baharu yang lebih dekat dengan sifat manusia iaitu *Agentic AI* atau Agen AI.



Gambarajah 1: Antara fungsi secara autonomus yang boleh dilakukan oleh AI Agen.
(Sumber: <https://www.softwebsolutions.com/>)

Untuk memahami konsep agen AI, kita boleh mengambil contoh daripada agen semula jadi dalam pekerjaan manusia. Bayangkan seorang setiausaha peribadi yang menjadi agen kepada ketuanya yang menguruskan jadual ketuanya seperti menjawab panggilan, menyusun mesyuarat, mengingatkan tugas penting dan menapis maklumat yang sampai kepada ketuanya. Ataupun, seorang pemandu pelancong yang menjadi agen kepada pelancong yang bukan sahaja menunjukkan arah kepada pelancong, tetapi juga menerangkan sejarah tempat, memberikan cadangan makanan tempatan, dan memastikan kumpulan pelancong daripada tersesat. Dalam kedua-dua contoh ini, agen manusia berperanan sebagai perantara yang proaktif, membuat keputusan kecil dan bertindak secara autonomi bagi pihak individu lain untuk mencapai sesuatu matlamat.

Agen AI berfungsi dengan prinsip yang hampir sama, cuma ia berlaku dalam dunia digital. Sebagai contoh, sebuah agen AI boleh menguruskan e-mel pengguna, mengenal pasti mesej penting, menjadualkan tindak balas automatik, atau malah meramal keutamaan berdasarkan tabiat pengguna. Agen ini bukan sekadar alat yang menunggu arahan, tetapi lebih kepada 'pembantu pintar' yang boleh mengambil inisiatif berdasarkan data dan matlamat yang ditetapkan. Jika agen semula jadi manusia menguruskan rutin pejabat atau lawatan pelancongan, agen AI pula menguruskan dunia maya—daripada transaksi kewangan, penjadualan perubatan, hinggalah pemantauan keselamatan siber.

Fasa gelombang keempat AI ini menjadikan teknologi lebih 'hidup' dan bersifat kolaboratif dengan manusia. Ia tidak lagi sekadar menjalankan pengiraan kompleks di belakang tabir, tetapi muncul dalam bentuk sokongan harian yang menyesuaikan diri dengan tingkah laku dan kehendak pengguna. Seperti mana kita mempercayai seorang setiausaha untuk menjaga agenda penting, atau seorang pemandu pelancong untuk memimpin perjalanan, begitu jugalah agen AI dipercayai untuk mengatur maklumat, membuat cadangan pintar, dan bahkan mengambil keputusan awal sebelum campur tangan manusia diperlukan.

Kemunculan agen AI membuka ruang besar kepada produktiviti dan inovasi. Bayangkan seorang doktor yang dibantu agen AI untuk menapis ribuan rekod pesakit, seorang guru yang dibantu agen pintar untuk mengenal pasti kelemahan murid, atau seorang usahawan yang menggunakan agen untuk meramalkan trend pasaran masa depan. Teknologi ini menjadi jambatan antara manusia dan dunia data yang kompleks, dengan sifat autonominya menjadikan ia seakan 'rakan sekerja digital'.

Namun, seperti agen semula jadi manusia, keberkesanan agen AI juga bergantung pada kepercayaan. Seorang pekerja hanya boleh mewakili majikan jika diberi mandat dan garis panduan yang jelas, sama seperti agen AI yang memerlukan kerangka etika, keselamatan data, dan kawalan manusia. Justeru, cabaran dalam fasa gelombang keempat bukan sekadar membina agen yang cerdas, tetapi juga memastikan agen itu bertanggungjawab, telus, dan tidak disalahgunakan.

Dengan analogi agen semula jadi dalam pekerjaan manusia, masyarakat dapat memahami bahawa agen AI bukanlah satu konsep asing. Ia adalah kesinambungan daripada peranan 'pembantu' yang sudah lama wujud dalam kehidupan kita, cuma kali

ini dalam bentuk digital yang beroperasi pada kelajuan data. Gelombang keempat AI menandakan era di mana manusia dan agen—baik semula jadi mahupun buatan—akan bergandingan, saling melengkapi, dan bersama-sama mencipta cara kerja yang lebih cekap, pintar dan berdaya saing.

GEMPA BUMI DI SEGAMAT: APABILA GEMPA MENGETARKAN HIDUP KITA DAN APA PERANAN AI?

¹Sulaiman Mahzan, ²Siti Fairuz Nurr Sadikan, ³Mohd Ab Malek Md Shah

¹*Fakulti Sains Komputer dan Matematik,*

²*Fakulti Perlindungan dan Agroteknologi,*

³*Jabatan Undang-undang, UiTM Cawangan Melaka*

Research Interest Group of Advanced Soft Computing, UiTM Melaka

Gempa bumi yang berlaku di Segamat baru-baru ini telah mengejutkan ramai pihak kerana ia jarang sekali berlaku di kawasan tanah rendah di Semenanjung Malaysia. Walaupun gegaran itu dilaporkan tidak begitu kuat berbanding bencana di negara lain tetapi perasaan cemas dan kebimbangan masyarakat jelas menunjukkan bahawa kesedaran terhadap risiko bencana alam masih rendah. Situasi ini mengingatkan kita bahawa Malaysia tidak terkecuali daripada ancaman fenomena alam dan kita perlu bersedia dengan pendekatan terkini yang lebih proaktif.

Di sinilah kepentingan kecerdasan buatan atau Artificial Intelligence (AI) muncul sebagai satu teknologi yang mampu membantu manusia bukan sekadar dalam dunia perniagaan dan pendidikan, tetapi juga dalam menghadapi bencana alam. Bayangkan sistem AI yang mampu mengesan pergerakan kerak bumi secara lebih awal dengan menganalisis data seismik dalam masa nyata. AI boleh menapis berjuta-juta data daripada sensor gempa di seluruh dunia lalu mengenal pasti corak tertentu yang memberi isyarat kemungkinan gegaran berlaku. Dengan cara ini, amaran awal dapat diberikan kepada masyarakat setempat, sekali gus memberi ruang untuk langkah keselamatan diambil.

Selain itu, AI juga berperanan besar dalam menguruskan maklumat selepas berlakunya bencana. Contohnya, sistem pintar boleh menilai tahap kerosakan bangunan melalui imej satelit atau rakaman dron dan seterusnya membantu pihak berkuasa membuat keputusan pantas tentang lokasi mana yang perlu diberi tumpuan segera. Teknologi ini jauh lebih efisien berbanding kaedah manual kerana ia dapat menjimatkan masa, kos, dan tenaga kerja. Malah, data yang diproses AI juga boleh digunakan untuk merangka pelan jangka panjang dalam mengukuhkan infrastruktur dan mengurangkan risiko bencana berulang.

Bagi Malaysia, langkah ini sejajar dengan usaha kerajaan untuk memacu transformasi digital negara. Dalam Pelan Tindakan AI Nasional, kerajaan telah menekankan kepentingan membina kepakaran tempatan dalam teknologi AI yang bukan hanya terhad kepada sektor ekonomi, tetapi turut merangkumi keselamatan dan kesejahteraan rakyat. Peristiwa di Segamat ini boleh dijadikan pengajaran bahawa pelaburan dalam teknologi pintar bukanlah satu pilihan, tetapi satu keperluan. Malaysia mempunyai potensi besar untuk membangunkan sistem ramalan bencana berasaskan AI, apatah lagi dengan sokongan institusi penyelidikan, universiti, serta kerjasama antarabangsa.

Dalam konteks masyarakat pula, penerimaan AI perlu dipupuk dengan memberi kefahaman bahawa teknologi ini bukan menggantikan manusia, tetapi melengkapi peranan kita. Sama seperti anggota bomba yang dibantu oleh sensor haba ketika menyelamatkan mangsa kebakaran, atau petani yang menggunakan dron pintar untuk menilai keadaan sawah, AI dalam konteks bencana alam berfungsi sebagai "agen sokongan" untuk meningkatkan keupayaan manusia. Dengan kata lain, ia ibarat rakan kerja yang sentiasa berjaga-jaga walaupun ketika kita sedang tidur.

Gempa bumi di Segamat telah membuka mata ramai bahawa tiada tempat yang benar-benar selamat daripada ancaman alam. Justeru, kesungguhan Malaysia dalam membangunkan teknologi AI wajar digerakkan dengan lebih serius, bukan sahaja untuk meningkatkan daya saing global, tetapi juga untuk melindungi rakyat daripada risiko yang tidak diduga. Dalam dunia yang semakin kompleks, AI bukan sekadar teknologi canggih, tetapi satu bentuk pelindung baharu yang boleh membantu kita hidup lebih selamat dan lebih bersedia menghadapi apa jua cabaran alam semula jadi.

AKHLAK REMAJA TERHAKIS AKIBAT SIBER BULI

Khairunnisa' Binti Yussof

Siti Musliha Mohd Idris

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka

Keperluan kepada Teknologi pada masa kini tidak dapat dinafikan. Bermula dari pandemik, penggunaan kepada teknologi semakin mendapat tempat di mana hampir keseluruhan aktiviti harian dapat di jalankan melalui atas talian. Sebagai contoh, pembelajaran atas talian, urusan jual beli dan lain-lain lagi. Terdapat banyak kebaikan di didalam penggunaan teknologi. Ia dapat melancarkan segala urusan kerja seperti penghantaran dokumen serta pembayaran dengan pantas dan mendapatkan informasi terkini dengan lebih cepat. Namun, pada masa kini di dapati teknologi memberi implikasi yang buruk apabila di salah guna dan tidak terkawal. Semakin hebat teknologi, semakin kurangnya akhlak di kalangan para pelayar internet. Ini dapat dilihat daripada paparan sosial media sedia ada seperti tiktok, facebook, twitter dan Instagram. Antaranya kerap didapati pelayar melontarkan pendapat yang sinis dan keras secara terbuka. Selain itu, ada juga melakonkan semula dengan tujuan merendah-rendahkan seseorang. Ini juga memberi kesan kepada cara komunikasi mereka dengan orang sekeliling. Perbuatan ini merujuk kepada sikap siber buli.

Menurut Kajian yang di jalankan oleh Digi's 2018 Yellow Heart Cyberbullying and Youth Disposition Survey 2018, kanak-kanak dibuli dalam talian adalah sebanyak 20.5%. Selain itu, hampir 50 % mangsa siber buli mengetahui siapa yang membuli mereka. Angka peratus ini menunjukkan kebimbangan dan semakin menular di dalam masyarakat kita. Hasil dapatan kajian oleh UNICEF perbuatan buli dikalangan rakyat Malaysia terutama belia menduduki tangga kedua di Asia. Ini menunjukkan trend siber buli semakin meningkat. Justeru itu, keadaan ini memberi impak negatif kepada nilai moral individu itu sendiri. Pembuli akan menerima pelbagai persepsi dari rakan-rakan dan masyarakat sekeliling. Kesan kepada mangsa buli siber pula, akan menyebabkan ketidak yakinan pada diri mereka. Selain itu, kemurungan juga akan berlaku dan berterusan bertahun-tahun lamanya bukan sahaja kepada anak remaja malahan golongan dewasa juga.

Kesan penggunaan teknologi kepada institusi pendidikan, pelajar mudah untuk hilang fokus tentang hala tuju pembelajaran, penghasilan kualiti kerja khusus kurang bermutu serta merendahkan prestasi pelajar. Selain itu, komunikasi yang tidak berkesan di kalangan antara pelajar dan pendidik adalah dilihat sangat membimbangkan. Kesan kepada pelajar, mereka mungkin tidak menerima apa yang di ajar dengan baik dan kemungkinan ada salah faham berlaku.

Ini jelas lah menunjukkan teknologi ada baik dan buruknya. Jika kita terus alpa dan leka, adab akan terus pudar. Pemantapan sahsiah diri anak-anak perlulah di garap dari rumah seterusnya dikembangkan ke peringkat lebih tinggi. Antara tindakan proaktif boleh dilakukan adalah sentiasa pastikan anak-anak yang melayari internet menggunakan platform sosial media dengan betul dan baik. Pastikan anak-anak sentiasa mendapatkan perhatian yang cukup. Ini untuk mengelakkan anak-anak mencari kepuasan di sosial media. Apabila menyedari anak-anak atau rakan sekeliling menjadi mangsa buli atau

pembuli di atas talian, perlulah kita mengambil pendekatan yang membawa kepada keadaan lebih baik dengan bertanyakan perihal semasa mereka. Perlulah diingatkan, semua pihak perlu memainkan peranan yang holistik untuk memacu peradaban berkualiti terutamanya dikalangan anak muda yang bakal menjadi pemimpin pada masa hadapan.

ANTARA LADANG DAN DATA: BAGAIMANA AI MENGUBAH WAJAH PERTANIAN

¹Siti Fairuz Nurr Sadikan, ²Sulaiman Mahzan, ³Mohd Ab Malek Mohd Shah, ⁴Mohd Rasdi Zaini

^{1,4}Fakulti Perladangan dan Agroteknologi,

²Fakulti Sains Komputer dan Matematik,

³Jabatan Undang-Undang, UiTM Cawangan Melaka

Research Interest Group of Advanced Soft Computing

Apabila kita menyebut tentang pertanian atau perladangan, bayangan yang muncul biasanya pokok-pokok yang terbentang luas, petani berpeluh di bawah matahari, dan kerja-kerja fizikal yang tidak pernah berhenti. Tetapi hari ini, realitinya semakin berbeza. Pertanian moden bukan lagi semata-mata tentang cangkul dan tanah, tetapi juga tentang data, algoritma, kecerdasan buatan (AI), dan teknologi pintar seperti Internet of Things (IoT). Dunia ladang semakin rapat hubungannya dengan dunia digital, sehinggakan istilah “AloT” atau Artificial Intelligence of Things kini menjadi topik besar dalam sektor agro.

Pertanian kini bukan lagi bergantung pada pengalaman semata-mata, tetapi berpaksikan data yang dikumpul, dianalisis, dan diterjemahkan menjadi keputusan tepat. Kalau dulu seorang petani boleh meneka hasil tuaian hanya dengan memerhati warna daun atau merasai kelembapan tanah, kini kerja itu boleh dibuat lebih cepat dan lebih tepat dengan bantuan AI dan IoT. Bayangkan drone yang terbang rendah di atas kebun sawit, mengambil ribuan gambar dan menghantarnya terus ke komputer. Dari gambar itu, sistem AI mampu mengesan pokok yang sakit atau tidak produktif. Manakala sensor kecil yang terdapat dalam aplikasi system IoT pula, dapat memberi maklum balas tentang tahap kelembapan, pH, atau baja, terus ke aplikasi telefon pintar. Apabila sensor IoT ini disambungkan dengan sistem AI (AloT), keputusan boleh dibuat secara automatik, contohnya, sistem pengairan akan terus diaktifkan apabila tanah kering, tanpa perlu menunggu arahan manusia. Antara ladang dan data, hubungan ini semakin rapat sehingga apa sahaja yang berlaku di kebun dapat diketahui dan diuruskan hanya melalui skrin.

AI kini berfungsi sebagai mata dan telinga baharu ladang. Teknologi ini membolehkan kesihatan pokok dipantau dengan lebih teliti, malah mampu mengesan penyakit seperti Ganoderma pada sawit lebih awal daripada mata kasar manusia. Dengan imej satelit atau drone, algoritma dapat menandai kawasan bermasalah lalu tindakan awal boleh diambil. Terdapat banyak kelebihan AI dan AloT dalam pertanian khususnya pemantauan ladang. Teknologi ini mampu mengesan penyakit lebih awal berbanding mata kasar manusia. Dalam perancangan hasil pula, AI ini boleh meramal jumlah tuaian dengan mengambil kira data cuaca, hujan, dan kesuburan tanah yang dikumpul oleh sensor IoT. Di beberapa ladang besar di Johor, robot penuaian sudah mula diuji untuk menggantikan kerja-kerja berat. Di samping itu, sistem pintar berasaskan AloT boleh mengatur penggunaan baja dan air dengan lebih efisien, menjimatkan kos sambil mengurangkan pencemaran alam sekitar.

Di Malaysia, FELDA dan MPOB (Lembaga Minyak Sawit Malaysia) gigih menjalankan pelbagai kajian yang berkaitan dengan teknologi termasuklah penggunaan AI dalam ladang. Manakala, terdapat beberapa syarikat seperti syarikat Aerodyne Group menggunakan teknologi drone untuk pemetaan ladang, manakala beberapa syarikat rintis (startup) tempatan sedang menguji IoT sensor untuk sawah padi bagi memantau paras air dan serangan perosak. Penyelidik dari Fakulti Perladangan dan Agroteknologi sendiri turut aktif menjalankan penyelidikan berkaitan ramalan hasil pertanian menggunakan pembelajaran mesin, selain membangunkan sistem IoT untuk tanaman seperti hidroponik dan system fertigasi. Jika teknologi ini dapat diperluas, pekebun kecil termasuklah komuniti juga akan mendapat manfaatnya.

Namun begitu, cabaran dalam melaksanakan teknologi ini termasuklah kos permulaan yang agak tinggi bagi pembelian peralatan IoT, drone, atau sistem AI. Pekebun kecil mungkin merasakan teknologi ini masih terlalu “mahal”. Tambahan pula, tidak semua pekerja ladang mahir menggunakan aplikasi digital. Jurang literasi digital ini boleh melambatkan penerimaan teknologi. Di samping itu, isu pemilikan dan keselamatan data ladang juga perlu diberi perhatian. Ini kerana data daripada ribuan sensor ini sangat berharga, dan perlu diuruskan dengan baik.

Walaubagaimanapun, penggunaan teknologi seperti AI, IoT, dan AIoT tidak dapat menggantikan manusia sepenuhnya, sebaliknya menjadi rakan baharu peladang. Dengan gabungan teknologi ini, keputusan lebih tepat, kerja lebih mudah, hasil lebih lumayan, dan alam sekitar lebih terjaga. Malah, ia sejajar dengan agenda kelestarian global yang menekankan penjagaan alam sekitar, termasuklah kurang penggunaan racun, kurang pembaziran air, dan kurang pencemaran.

Bayangkan sepuluh tahun dari sekarang, seorang pengurus ladang di Melaka hanya perlu memegang telefon pintar untuk tahu keadaan ribuan pokok, menjadualkan tuaian, atau meramal harga pasaran dunia. Semua ini mungkin kerana hubungan erat antara ladang dan data. Untuk itu, Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, UiTM Cawangan Melaka dapat memainkan peranan besar dalam menjadikan gambaran ini realiti, melalui penyelidikan inovatif, latihan pelajar, dan kolaborasi bersama komuniti setempat.

Kesimpulannya, pertanian kita sedang berada di ambang revolusi. Dari sawit hingga padi, daripada pekebun kecil hingga syarikat gergasi, semua berpotensi meraih manfaat daripada AI, IoT, dan AIoT. Dengan AI, kita bukan sahaja dapat meningkatkan hasil, malah mampu menjaga alam sekitar dan memberi nilai tambah kepada generasi akan datang. Inilah wajah baharu pertanian, iaitu wajah yang dibentuk oleh data, digerakkan oleh algoritma, diperkukuh oleh sensor pintar, dan dijayakan oleh manusia yang berani berubah.

ASAL USUL GUNUNG SENYUM

¹Mashita binti Abdul Jabar, ²Mohd Shafiq bin Abdul Jabar

¹Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, UiTM Cawangan Melaka

²Pusat Bahasa Moden, Universiti Malaysia Pahang Sultan Abdullah

Gunung Senyum terletak di Felda Jengka 25, Jengka, Pahang, dan menjadi salah satu tarikan semula jadi yang unik di negeri ini. Dengan ketinggian sekitar 486 meter (1,594 kaki), ia merupakan sebahagian daripada Hutan Lipur Gunung Senyum yang merangkumi sekitar 794 hektar dalam Hutan Simpan Jengka 1–4. Selain landskap batu kapur, gunung ini menjadi penting dari segi geologi, arkeologi, dan warisan budaya.

Gunung Senyum merupakan bukit batu kapur (limestone) yang terbentuk melalui pemendapan organisma laut purba dan proses geologi panjang. Berdasarkan kajian geologi, batuan sekitar 3,000 tahun, dengan kawasan rendah terdiri daripada mudstone dan shale berusia kira-kira 2,100 tahun. Banyak gua mengalami pembentukan stalaktit dan stalagmit yang berterusan, mencerminkan aktiviti geosfera yang dinamik.

Gunung ini dikelilingi oleh hutan Dipterokarp Bukit dan menyimpan pelbagai flora herba berkhasiat perubatan. Gua-gua dan hutan sekitarnya merupakan habitat penting dalam aspek biodiversiti dan juga untuk kajian sains serta pemuliharaan. Kajian arkeologi mengesahkan adanya jejak kehidupan manusia sejak zaman Mesolitik di kawasan ini. Relik Zaman Mesolitik, seperti alat batu Paleolitik, telah ditemui, membuktikan Tapak Gunung Senyum menjadi pusat aktiviti manusia kuno. Ini menunjukkan kepentingan kawasan ini dalam menyelidik sejarah awal populasi manusia di Pahang.

Sementara itu, asal usul nama Gunung Senyum bermula dimana menurut versi yang paling popular, ketika Sultan Pahang (disebut dalam beberapa versi sebagai Sultan Ahmad) sedang melalui Sungai Pahang, baginda melihat gunung ini dan bertanya namanya. Bagaimanapun, para pembesar yang mengiringinya tidak mengetahui dan hanya tersenyum. Sultan pun berseloroh menamakan lokasi itu sebagai “Gunung Senyum”. Ini menjadi salah satu naratif utama dalam asal-usul nama.

Cerita popular lain mengenai Gunung Senyum melibatkan seorang lelaki bernama Tok Long. Menurut legenda, Tok Long berkahwin dengan seorang puteri bunian (makhluk halus) dan dikenakan syarat berkait dengan tiga gua utama:

1. **Gua Kolam Tujuh** – tempat puteri bunian mandi; terdiri daripada tujuh kolam bertingkat yang dikatakan akan dipenuhi air semasa musim hujan
2. **Gua Angin** – tempat dia mengeringkan badan melalui hembusan angin semulajadi
3. **Gua Terang Bulan** – gua yang diterangi cahaya bulan pada malam tertentu

Selepas melanggar syarat (tidak kembali tepat pada masanya dan menceritakan kewujudan bunian), sedemikian rupa Tok Long kehilangan isterinya. Beliau dikatakan bertafakur dan meninggalkan satu gua yang kini dikenali sebagai **Gua Makam Tok Long**.

Gunung Senyum mula diwartakan sebagai **Hutan Lipur** pada **14 Julai 1989** dan diuruskan oleh Jabatan Perhutanan Temerloh, Pahang. Tambahan pula, **Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM)** telah menjadikan puncak gunung ini sebagai **pusat origin koordinat negeri Pahang**, kerana lokasinya yang strategik.

Kerana kombinasi geologi unik, nilai biodiversiti, jejak arkeologi, dan kisah legenda yang hidup, Gunung Senyum menjadi destinasi pelancongan penting di Pahang. Ia menarik minat:

- **Pencinta alam dan penyelidik** – meneroka gua dan hutan.
- **Pelancong tempatan dan antarabangsa** – tertarik oleh suasana semula jadi dan elemen mistik tempatan.
- **Sejarahwan dan ilmuwan** – mempelajari jejak zaman Mesolitik dan kearifan tempatan.

Kawasan rekreasi ini turut menyediakan kemudahan asas untuk pengunjung meneroka secara selamat namun masih mengekalkan nilai misteri dan keaslian warisan budaya.

Gunung Senyum bukan sekadar bukit batu kapur di Jengka, Pahang. Ia merupakan simbol persilangan antara **fakta saintifik**, **warisan budaya**, dan **legenda masyarakat tempatan**. Dari pembentukan geologi purba hingga cerita mistik Tok Long, Gunung Senyum tetap menjadi entiti yang menyimpan pelbagai lapisan makna. Ia wajar dilestarikan, dikaji, dan dipelihara sebagai warisan semulajadi dan sejarah negeri Pahang.

AWAS! TAKTIK LICIK SCAMMER PENGUTIP HUTANG


Ekmil Krisnawati Binti Erlen Joni

Jabatan Undang-undang, UiTM Cawangan Melaka

Terdapat pelbagai kaedah licik *scammer* pengutip hutang yang menghubungi mangsa melalui panggilan telefon atau pesanan mesej melalui WhatsApp, malah ada juga mangsa yang menerima notis palsu kononnya daripada pihak peguam atau mahkamah. Kebiasaannya, mereka menyamar sebagai pegawai institusi kewangan, pegawai mahkamah, peguam atau polis untuk mengutip hutang lapuk. Mereka bertindak sedemikian untuk menekan-nekan mangsa bertujuan mendapatkan pulangan lumayan dengan memaksa mangsa membayar segera hutang yang diklasifikasikan sebagai hutang lapuk.

Mangsa, Sherry (bukan nama sebenar), menceritakan, dia menerima pesanan di bawah melalui WhatsApp yang memaklumkan bahawa penama yang merupakan bekas suaminya mempunyai hutang. Sherry juga menerima panggilan telefon daripada individu bernama Mr. Wong yang mendakwa sebagai seorang peguam. Mr. Wong memaklumkan bahawa Sherry perlu membayar hutang bekas suaminya yang berjumlah RM18,000 sebelum jam 4 petang, 18 Jun 2025, kerana kononnya Waran Sita Barangan Mudah Alih (WSS) sudah dikeluarkan. Mr. Wong juga mengugut Sherry jika Sherry gagal membayar hutang tersebut, dia akan datang ke rumah Sherry bersama dengan pegawai polis untuk menyita semua harta benda Sherry dan melelongnya. Apabila Sherry menjelaskan bahawa alamat tersebut adalah rumah ibunya, dan harta tersebut tiada kena mengena dengan bekas suaminya, Mr. Wong dengan tegas berkata itu adalah alamat yang didaftarkan oleh bekas suaminya, oleh itu mereka akan mengambil tindakan ke atas rumah tersebut.

Keesokan harinya, Sherry mendapati ada seorang lelaki yang berkeliaran di hadapan rumah dan memanggil Sherry dari luar rumah. Walau bagaimanapun Sherry tidak membuka pintu kerana ketakutan. Sherry turut memaklumkan bahawa dia kerap menerima mesej yang sama berulang kali serta menerima banyak panggilan telefon daripada nombor yang berbeza yang mendesaknya untuk membuat pembayaran hutang dengan segera. Apabila Sherry menghubungi saya, saya menasihatkan Sherry membuat laporan polis dan menyekat semua nombor telefon yang menghubunginya.



Gambar: Mesej yang diterima mangsa (Sherry) melalui WhatsApp

Mesej di atas merupakan satu taktik penipuan *scammer* pengutip hutang kerana tidak menunjukkan butiran yang sah serta maklumat terperinci seperti nombor akaun, nombor kes rujukan, nombor rujukan mahkamah, jumlah hutang keseluruhan serta jumlah hutang yang masih belum dibayar. Proses undang-undang sebenar adalah melalui tuntutan sivil di mana peguam atau firma guaman akan menghantar surat tuntutan dengan mengandungi maklumat jelas berkaitan hutang melalui pos berdaftar bukan melalui email atau SMS.

Bagi proses sitaan barang-barang pula hanyalah boleh dilaksanakan selepas proses undang-undang yang sah dan melalui perintah mahkamah. Dalam kes ini, Sherry boleh meminta daripada Mr. Wong perintah mahkamah (*order number*) untuk memastikan bahawa kebenaran dakwaan tersebut. Walau bagaimanapun dalam kes ini, pihak institusi kewangan atau Mr. Wong tidak mempunyai sebarang *locus standi* terhadap Sherry kerana penama hutang tersebut bekas suaminya, dan bukannya Sherry. Oleh itu mereka tidak boleh menuntut apa-apa bayaran terhadap Sherry atau menyita barang-barang di dalam rumah. Ini merupakan satu taktik kotor yang dilakukan oleh *scammer* pemungut hutang untuk mendesak mangsa membayar hutang dengan segera.

Sherry memaklumkan bahawa hutang itu merupakan hutang pinjaman kereta yang berlaku 18 tahun yang lalu, sebelum dia berkahwin dengan bekas suaminya. Dalam kes ini hutang tersebut dikategorikan sebagai hutang lapuk. Ini adalah kerana institusi kewangan perlu menuntut hutang tersebut dalam tempoh 6 tahun dari tarikh hutang perlu dibayar. Kegagalan pihak institusi kewangan membuat tuntutan dalam tempoh 6 tahun, menyebabkan hutang tersebut tidak dapat dituntut kerana tertakluk dengan Akta Had Masa (Limitation Act) 1953. Contohnya, jika seseorang itu gagal melunaskan hutang berdasarkan kontrak pada 10 Januari 2019, pihak yang menuntut (institusi kewangan) mempunyai sehingga 10 Januari 2025 untuk mengambil tindakan undang-undang. Oleh kerana itu, kesempatan ini digunakan oleh *scammer* pemungut hutang, untuk meraih keuntungan lumayan dengan cara memaksa mangsa membayar hutang tersebut.

Apa yang anda perlu lakukan?

1. Tidak panik atau berkomunikasi

Apabila anda menerima mesej seperti di atas, jangan panik dan sebaiknya anda tidak membalas mesej atau menghubungi nombor yang tertera di mesej tersebut. Taktik *scammer* menghantar mesej tersebut untuk memastikan nombor telefon anda masih aktif. Biasanya, wakil mahkamah atau peguam tidak akan menelefon anda atau datang ke rumah untuk menuntut hutang. Sekiranya benar barangan rumah anda akan dilelong, anda pasti akan menerima dokumen rasmi atau surat-menyurat yang sah daripada peguam, lengkap dengan cop rasmi mahkamah.

2. Merujuk dengan peguam

Sekiranya anda menerima sebarang notis daripada mana-mana pihak, anda boleh merujuk dengan peguam lain sama ada notis yang anda terima adalah sah atau tidak. Anda juga boleh menyemak nombor kes, nombor saman, nombor pendaftaran badan peguam Malaysia yang membuat tuntutan (Bar Council number), alamat pejabat dan nombor telefon mereka. Kebiasaannya, *scammer* pengutip hutang tidak dapat memberikan nombor kes, nombor saman serta nama penuh peguam dan pejabat mereka.

3. Menyemak status hutang

Anda boleh menyemak status hutang dengan menghubungi nombor telefon rasmi institusi kewangan yang tertera di laman web yang sah bagi menyemak status hutang atau hadir sendiri ke institusi kewangan tersebut. Anda juga boleh menyemak rekod anda di CTOS dan CCRIS untuk mengesahkan sebarang hutang tertunggak.

4. Membuat laporan polis

Anda perlu membuat laporan polis kerana terdapat unsur penipuan atau ugutan. Anda perlu menyimpan segala bukti dan menyertakan salinan mesej, tangkap skrin, nombor telefon pengirim mesej, nombor telefon individu yang menghubungi anda dan butiran lain sekiranya ada. Anda juga boleh mengambil gambar atau melampirkan rakaman CCTV *scammer* pengutip hutang tersebut jika mereka datang ke rumah anda (sekiranya ada).

5. Melaporkan ke Bank Negara Malaysia

Dalam situasi di atas, laporan kepada Bank Negara boleh dibuat terhadap institusi kewangan yang terlibat kerana adalah menjadi kesalahan di bawah undang-undang institusi kewangan membuat tuntutan tanpa melalui proses undang-undang sah, seperti menggunakan pengutip hutang yang tidak beretika.

BAHASA ARAB DI PINGGAN KITA

Ijlal Saja

Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Melaka

Setiap kali kita sebut “Bismillah” sebelum makan, kita sebenarnya sedang menggunakan Bahasa Arab. Tapi rupanya banyak perkataan Arab yang digunakan di meja makan.

Antara yang paling dekat dengan hati kita ialah perkataan nikmat. Dalam Bahasa Arab, ia disebut نِعْمَةٌ (ni‘mah) yang membawa maksud anugerah, kurniaan, dan apa jua kebaikan yang Allah beri tanpa syarat. Nikmat ini bukan sekadar nasi dan lauk. Ia merangkumi kesihatan, masa lapang, kasih sayang, dan juga ilmu.

Allah menyebut dalam al-Quran:

“Dan jika kamu menghitung nikmat Allah, nescaya kamu tidak dapat menghitungnya.”
(Surah Ibrahim, 14:34)

Sebab itu kita diajar untuk bersyukur setiap kali makan, bukan hanya kerana kenyang, tapi kerana kita diberi nikmat dan salah satu cara bersyukur adalah dengan faham apa yang kita sebut.

Kita biasa dengar istilah halal, yang bermaksud sesuatu yang dibenarkan syarak. Tetapi Islam tak berhenti di situ. Dalam al-Quran, Allah menyebut agar kita makan yang halalan toyyiban, bukan sekadar halal, tetapi juga baik, bersih dan menyihatkan.

Kita juga kerap sebut perkataan rezeki. Hakikatnya, rizq (رِزْق) dalam Bahasa Arab membawa makna luas, bukan hanya material atau nasi di pinggan, tetapi juga kasih sayang, sihat tubuh badan, dan setiap nikmat harian.

Pernah juga dengar barakah? Kita doa makanan itu “berkat”. Dalam Arab, barakah (بَرَكَة) bermakna kebaikan yang melimpah. Sebab itulah, walau sedikit nasi, kalau berkat, ia cukup buat semua orang kenyang dan bahagia.

Belajar Bahasa Arab bukan hanya untuk hafal kitab, tapi juga untuk lebih menghargai nikmat hidup, termasuk di dapur.

Makan dengan doa, faham dengan bahasa. Itu lebih mengenyangkan hati.

CIRI-CIRI JIRAN PEJABAT YANG BAIK

Juriah Misman

Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Melaka

Dalam suasana kerja, “jiran” kita bukan lagi jiran sebelah rumah, tapi rakan sekerja atau orang yang duduk berhampiran meja kita di pejabat. Satu persoalan, apakah ciri-ciri jiran pejabat yang baik? Kenapa ianya penting bagi kita menjadi jiran pejabat yang baik, terutamanya dalam dunia kerja yang makin sibuk dan penuh tekanan? Jiran pejabat yang baik ialah seseorang yang menghormati ruang orang lain, ringan tulang bila diperlukan, dan sama-sama bantu mewujudkan persekitaran kerja yang selesa, serta positif.

Pertama, mengekalkan perasaan saling hormat-menghormati sangat penting. Ini termasuk menjaga suara bila bercakap di telefon, tidak mengganggu rakan sekerja lain waktu mereka fokus di pejabat, dan menghormati privasi serta ruang kerja masing-masing. Contohnya, jiran pejabat yang baik tidak akan memasang bunyi kuat dari laptop atau berbual terlalu kuat bila orang lain sedang sibuk. Selain itu, jika kita menjalankan sesi konsultasi bersama pelajar atau rakan sekerja, kita perlu saling pesan-memesan untuk tidak meninggikan suara secara melampau hingga mengganggu privasi jiran pejabat kita. Bila wujud rasa hormat, suasana kerja akan menjadi lebih tenang dan semua orang boleh buat kerja dengan lebih baik.

Kedua, jiran pejabat yang baik juga sedia membantu bila diperlukan. Kadang-kadang bukan soal kerja pun— kita tolong carikan charger bila laptop kehabisan bateri, tunjuk arah ke bilik mesyuarat, atau teman makan tengah hari bila nampak rakan kita keseorangan. Selain itu, apabila terjadi kes-kes kecemasan pun penting untuk kita bantu-membantu—contohnya, kalau kita nampak rakan pejabat lain sedang stres, mungkin cukup sekadar bertanya dan menyapa, “Okay tak?” dan kita boleh mendengar celoteh atau keluhan mereka seketika. Benda-benda kecil ni sebenarnya boleh menjadikan hari seseorang itu lebih baik.

Pendek kata, hubungan baik dengan jiran pejabat bukan saja boleh menjadikan suasana kerja kita bertambah seronok, tapi juga boleh meningkatkan aura positif, semangat, serta produktiviti. Dalam dunia kerja yang penuh tekanan, jiran yang prihatin dan positif memang satu nikmat yang tak ternilai.

CUKUP! BUDAYA BULI TIDAK LAYAK BERTAPAK DI INSTITUSI PENDIDIKAN!

*Azrina binti Abu Bakar
Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Melaka*

Sebagai seorang pendidik dan juga ibu, emosi saya sudah remuk bagai kaca yang pecah, tiada yang utuh lagi. Setiap laporan kes buli yang dibaca menghadirkan rasa sakit dan pilu yang sukar diungkap dengan kata-kata. Sesak dada saya membacanya.

Sejak kebelakangan ini, kita sering disajikan dengan pelbagai isu buli yang berlaku dalam institusi pendidikan negara sama ada di peringkat sekolah mahupun universiti. Isu ini semakin berleluasa dan mencetuskan keresahan dalam kalangan ibu bapa, pendidik serta masyarakat. Institusi pendidikan seharusnya menjadi tempat yang selamat untuk menimba ilmu, membina sahsiah, dan memupuk nilai kemanusiaan, bukannya medan kekerasan yang menindas jiwa atau, lebih tragis lagi, meragut nyawa!

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, buli merujuk kepada perbuatan mendera atau mempermainkan seseorang, lazimnya individu yang lebih lemah bagi tujuan menggertak, mencederakan, menakutkan, atau memaksa mereka menyesuaikan diri dengan suasana baharu. Secara ringkas, buli melibatkan sebarang tindakan yang bersifat penderaan, sama ada secara fizikal mahupun mental, terhadap individu lain, khususnya dalam kalangan pelajar.

Pelbagai kes buli telah mendapat liputan meluas di media. Antaranya, pada Disember 2024, seorang pelajar lelaki berusia 21 tahun menjadi mangsa buli oleh 12 pelajar lain di kolej kediaman sebuah universiti tempatan. Lebih memilukan, mangsa mengalami kecederaan serius akibat dipukul, ditendang, dan diserang dengan objek tumpul. Insiden ini hanyalah satu daripada ribuan kes yang berlaku setiap tahun yang meninggalkan parut yang mendalam, bukan sahaja pada tubuh, tetapi juga pada jiwa mangsa.

Menurut Pakar Psikologi dan Kaunseling Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof. Madya Dr. Fauziah Mohd Sa'ad, insiden buli yang terus berlaku mencerminkan wujudnya budaya senioriti yang toksik di sekolah, kelemahan dalam pemantauan emosi pelajar, serta kegagalan sistem sokongan psikososial yang menyeluruh.

Isu buli merupakan masalah serius yang perlu dibendung sejak daripada peringkat awal. Jika dibiarkan, ia berpotensi merosakkan generasi akan datang serta mencetuskan ketidakstabilan emosi dan mental yang berpanjangan.

Justeru itu, institusi pendidikan perlu mempergiat usaha mendidik pelajar tentang kesan-kesan buruk buli serta memupuk nilai saling menghormati sebagai asas kehidupan bermasyarakat. Dalam masa yang sama, tindakan tegas juga perlu diambil terhadap pelaku buli dengan mengenakan hukuman yang setimpal, tanpa sebarang kompromi.

Sekalung tahniah diucapkan kepada kerajaan kerana telah menguatkuasakan Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2025 dan Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2025 pada 11 Julai 2025. Langkah ini amat penting dalam usaha mengatasi isu buli yang semakin parah, terutamanya di kalangan kanak-kanak dan remaja.

Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA), Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki juga patut diberi pujian atas keberanian dan ketegasan beliau dalam menangani isu buli yang berlaku di Institusi Pendidikan MARA (IPMA), termasuk Maktab Rendah Sains Mara (MRSM). Prinsip #YouTouchYouGo memberi impak yang sangat penting dalam menangani isu ini.

Ibu bapa, penjaga dan masyarakat juga perlu memainkan peranan aktif dalam mendidik generasi muda untuk menanamkan nilai-nilai empati dan tanggungjawab sosial. Semoga isu buli ini dapat diatasi dengan segera, demi melahirkan insan yang berbudi pekerti luhur dan saling menghormati.

Sudah tiba masanya semua pihak, termasuk ibu bapa, para pendidik, Kementerian Pendidikan, masyarakat, bangkit dengan satu suara “Cukup! Budaya buli tidak layak bertapak di institusi pendidikan!”. Kita mesti bertindak tegas demi memastikan generasi akan datang membesar dalam persekitaran yang selamat, beradab, dan penuh kasih sayang.

DARI BAJET KE SIMPANAN: KUNCI KEWANGAN SIHAT

Wan Musyirah Wan Ismail

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka

Pengurusan kewangan yang baik merupakan asas penting dalam kehidupan setiap individu. Ia bukan sahaja membantu seseorang memenuhi keperluan harian, malah memberi jaminan kestabilan pada masa hadapan. Tanpa pengurusan kewangan yang teratur, seseorang mudah terjebak dalam masalah hutang, tekanan emosi, dan kesukaran hidup.

Pengurusan kewangan bermula dengan kesedaran tentang pendapatan dan perbelanjaan. Setiap ringgit yang diperoleh perlu diurus dengan bijak agar tidak melebihi kemampuan. Membuat catatan kewangan bulanan adalah salah satu cara mudah untuk menilai pola perbelanjaan.

Selain itu, perancangan bajet adalah langkah utama dalam mengawal kewangan. Dengan bajet, seseorang dapat membezakan antara keperluan dan kehendak. Keperluan seperti makanan, tempat tinggal, dan pendidikan harus diutamakan berbanding kehendak seperti hiburan dan barangan mewah. Bajet yang lebih lengkap boleh dibuat dengan kaedah menggunakan penyata pendapatan (income statement), kunci kira-kira (balance sheet) dan bajet tunai (cash budget). Ini dapat membantu individu merancang, menilai duit keluar masuk dan meneliti penambahbaikan yang patut dilakukan untuk masa akan datang.

Menabung juga merupakan aspek penting dalam pengurusan kewangan. Wang simpanan berfungsi sebagai perlindungan ketika menghadapi kecemasan seperti sakit, kehilangan pekerjaan, atau bencana. Amalan menyimpan sekurang-kurangnya 10% daripada pendapatan setiap bulan boleh memberi kesan positif untuk jangka panjang. Simpanan yang terbaik adalah apabila mempunyai simpanan 3-6 bulan gaji kerana dapat membantu sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini seperti kehilangan pekerjaan, sakit dan sebagainya.

Di samping menabung, pelaburan yang bijak turut memainkan peranan besar. Pelaburan dalam unit amanah, hartanah, atau saham syariah dapat membantu menambah nilai kekayaan. Namun, pelaburan harus dilakukan dengan ilmu dan berhati-hati agar tidak terjerumus dalam skim penipuan. Pelaburan melibatkan risiko dan pulangan yang tidak tentu. Secara umumnya, risiko yang tinggi dapat memberi pulangan yang tinggi. Sebaliknya risiko yang rendah dapat memberi pulangan yang rendah. Oleh itu, pengurusan pelaburan yang efektif sangat lah penting.

Pengurusan hutang juga tidak boleh diabaikan. Hutang yang terlalu banyak boleh menjejaskan kewangan seseorang. Oleh itu, elakkan berhutang untuk perkara yang tidak perlu. Sekiranya perlu, pilih hutang yang produktif, misalnya pinjaman pendidikan atau rumah, yang memberi manfaat jangka panjang. Membuat hutang perlulah dari sumber yang betul, iaitu bank. Pastikan tidak terlibat dengan berhutang dengan agensi yang menawarkan jumlah yang besar walaupun individu tidak layak membuat hutang sejumlah

itu dan dikatakan tidak bergantung kepada ccis (Central Credit Reference Information System) dan ctos (Credit Tip-Off Service). Ini kerana, agensi seperti ini boleh menjerat individu dengan hutang Ah long.

Disiplin diri sangat penting dalam menguruskan kewangan. Seseorang perlu tegas terhadap bajet yang ditetapkan dan tidak mudah terpengaruh dengan gaya hidup mewah. Kawalan diri ini akan membantu mengelakkan pembaziran dan membina tabiat kewangan yang sihat. Selain itu, individu juga boleh menggunakan khidmat penasihat kewangan untuk membantu dalam pengurusan kewangan yang lebih efektif dan cekap.

Ilmu kewangan juga perlu ditingkatkan dari masa ke masa. Membaca buku kewangan, menghadiri seminar, atau mengikuti kursus dalam talian dapat menambah pengetahuan tentang cara mengurus wang dengan lebih baik. Semakin banyak ilmu yang dimiliki, semakin bijak seseorang membuat keputusan kewangan. Selain itu, pengurusan kewangan yang baik bukan sahaja memberi kesan kepada individu, tetapi juga kepada keluarga dan masyarakat. Keluarga yang stabil kewangan akan hidup lebih harmoni, manakala masyarakat yang celik kewangan dapat mengurangkan kadar kemiskinan dan hutang.

Pengurusan kewangan yang baik adalah kunci kesejahteraan hidup. Hati yang tenang dan jiwa yang tenteram jika dapat menguruskan kewangan dengan baik. Dengan merancang bajet, menabung, melabur, dan mengawal hutang, seseorang mampu mencapai kestabilan ekonomi. Oleh itu, setiap individu perlu mengamalkan pengurusan kewangan yang bijak agar masa depan lebih cerah dan terjamin.

Secara keseluruhannya, pengurusan kewangan yang baik bukanlah sesuatu yang berlaku secara spontan, tetapi hasil daripada kesedaran, disiplin, dan usaha yang berterusan. Setiap individu perlu mengambil langkah kecil bermula dengan merancang perbelanjaan, menabung secara konsisten, serta berani melabur dengan ilmu yang betul. Dalam dunia moden yang penuh dengan cabaran ekonomi, kemelesetan, dan kos sara hidup yang semakin meningkat, keupayaan untuk mengurus kewangan dengan bijak boleh menjadi perisai yang melindungi daripada tekanan hidup. Justeru, amalan ini bukan sahaja memberi manfaat kepada diri sendiri, malah turut menyumbang kepada kesejahteraan keluarga dan kestabilan masyarakat. Dengan kewangan yang tersusun, kita dapat mengejar impian tanpa terbeban oleh hutang, membina masa depan yang lebih terjamin, serta hidup dengan lebih tenang dan bermakna.

DERITA BULI: JERITAN TANPA SUARA YANG SEMAKIN MEMBARAH

¹Zainab Hj Mohd Zain, ²Sapiyan Kandong, ³Noraini Ismail

¹Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Melaka

²Kolej Matrikulasi Melaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, Melaka

³Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Perlis

Kes kematian menggemparkan arwah adik Zara Qairina Mahathir pada 17 Julai 2025 di Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu, Sabah telah mengejutkan seluruh rakyat Malaysia dan mendapat perhatian dunia. Sehari sebelum itu, arwah dijumpai tidak sedarkan diri di kawasan longkang berhampiran asrama Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Tun Datu Mustapha, Papar pada jam 4 pagi. Keadaan arwah amat menyedihkan yang mana kecederaan teruk organ dalaman, kaki dan kepala yang dialami oleh arwah.

Media massa di luar negara banyak melaporkan pelbagai versi punca kematian pelajar tingkatan 1 ini kepada rakyat mereka. Netizen Malaysia pula melahirkan rasa simpati, amarah dan kegeraman mereka di atas peristiwa bersejarah yang tidak diraikan ini. Ramai netizen percaya insiden tragis ini berlaku disebabkan oleh buli secara fizikal keterlaluan di asrama sekolah yang telah berakar umbi sejak dulu lagi. Tanggapan awal juga mengaitkan kematian arwah disebabkan jatuh dari tingkat 3 asrama. Teori yang lebih panas adalah arwah dikatakan mati kerana telah dimasukkan ke dalam mesin basuh selama beberapa jam. Setelah bedah siasat ke atas mayat arwah dilengkapkan oleh pasukan forensik, laporan rasmi Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman melaporkan bahawa punca kematian adalah kecederaan otak yang disebabkan kekurangan oksigen dan aliran darah ke otak.

Sehingga hari ini, masih belum ada tangkapan yang dibuat jika benar kematian arwah Zara disebabkan oleh buli. Bagaimana mungkin kejadian buli fizikal secara keterlaluan boleh berlaku di asrama sekolah berasaskan agama dan dilakukan oleh pelajar perempuan? Jika benar berlaku buli, apakah perasaan si pembuli ketika melihat arwah meraung menahan kesakitan diperlakukan sedemikian rupa? Tiadakah rasa kasihan dan empati dalam diri si pembuli? Kenapa perkara ini berlaku? Mengapa ia boleh terjadi? Apa yang boleh kita pelajari dari kejadian ini? Banyak benar soalan yang terbit dalam fikiran. Semua persoalan ini perlu dicari jawapannya dan langkah proaktif perlu diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia supaya tiada lagi peristiwa Zara 2.0 berlaku pada masa hadapan.

Kejadian ini menyedarkan kita bahawa perhatian yang sewajarnya perlu diberikan terutama kepada anak-anak kita. Syukur perkara sebegini tidak berlaku kepada anak-anak kita setakat ini. Tetapi perkara ini tidak mustahil jika berlaku suatu hari nanti. Sanggupkah kita membiarkan traedi ini terjadi kepada keluarga kita?

Kes buli membuli ini berlaku di mana sahaja. Anak saya yang berumur lima tahun yang kini belajar di salah sebuah tadika pernah beberapa kali mencari alasan untuk tidak mahu ke tadika. Apabila diselidik, katanya ada kawan yang suka mempengaruhi kawan-kawan lain untuk jangan berkawan dengannya. Ini membuatkan dia tidak gembira dan tidak bersemangat untuk ke tadika. Ada juga pernah sekali selepas pulang dari tadika dia berkata dia tidak suka ada kawan kelas dia yang bercakap pasal kahwin-kahwin. Tersentak saya mendengarnya. Anak-anak seawal 5 hingga 6 tahun sudah tahu bercakap mengenai kahwin-kahwin? Dalam menahan rasa terkejut, saya secara santai bertanya lagi, “mereka cakap apa pasal kahwin-kahwin ini”? Dia menjawab dengan selamba, “tak tau lah tapi saya tak suka la mama”..

Apa yang saya hendak utarakan di sini, secara sedar atau tidak, sikap membuli ini sudah pun berlaku sejak dari awal persekolahan lagi. Ia umpama budaya negatif tidak diundang yang telah berlaku tanpa sedar dan separa sedar dalam kalangan para pelajar sekolah. Budaya ini perlu dibendung dari awal. Jika tidak, pembuli akan terus membuli dan merasakan membuli itu tidak salah dan seumpama gurauan kasar yang telah dibudayakan. Lebih parah lagi jika dirasakan ianya satu hak individu. Dari sekolah rendah, pembuli akan meneruskan sifat dan sikap membuli itu sehingga ke sekolah menengah dan tidak mustahil sehingga melarat seterusnya ke peringkat yang lebih tinggi. Dan tidak terkejut juga jika perkara ini tidak dibendung, si pembuli sengaja membawa sikap membuli itu ke alam pekerjaan.

Ini amat merunsingkan kerana memang berlaku tabiat membuli sesama pekerja di pejabat. Kajian oleh *Workplace Bullying Institute* (WBI) pada tahun 2021 melaporkan bahawa hampir 30 % pekerja di seluruh dunia pernah menjadi mangsa buli di tempat kerja, manakala 19% lagi menjadi saksi kepada perlakuan tersebut. Di Malaysia pula, kajian Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 2019 mendapati hampir 40% pekerja sektor awam dan swasta mengaku pernah mengalami buli dalam pelbagai bentuk, termasuk tekanan mental, gangguan emosi, serta layanan diskriminasi.

Buli di tempat kerja bukan sahaja melibatkan penghinaan secara terbuka atau gurauan kasar, tetapi juga wujud dalam bentuk halus seperti penyisihan sosial, penyalahgunaan kuasa oleh pihak atasan, pemberian tugas yang tidak munasabah dan memutarbelit fakta untuk membuatkan mangsa merasa lemah atau tidak berkemampuan.

Kesan buli di tempat kerja amat serius. Mangsa boleh mengalami tekanan perasaan, kemurungan, hilang motivasi, dan akhirnya memilih untuk berhenti kerja. Dari sudut organisasi pula, ia menurunkan produktiviti, meningkatkan kadar pertukaran pekerja (turnover), serta mencetuskan suasana kerja toksik yang menjejaskan imej institusi.

Lebih membimbangkan pembuli merasakan diri mereka kuat kerana mereka berada secara berkumpulan atau mendapat naungan orang atasan atau orang yang berpengaruh. Mereka mungkin merasakan bahawa mereka akan dilindungi oleh pihak-pihak tertentu. Akibat merasakan kekebalan ini, sikap membuli terus bercambah di dalam diri mereka. Hanya tindakan undang-undang yang berat sahaja yang dapat menghentikan sikap pembuli ini. Kesedaran perlu dipupuk sejak dari awal bagi memberitahu masyarakat tentang bahayanya membuli itu. Membuli adalah salah dan jika disabitkan kesalahan boleh dibawa ke mahkamah. Oleh itu, undang-undang khusus anti-buli perlu diperketat dan dikuatkuasakan bagi mewujudkan polisi sifar toleransi terhadap buli.

Akhirnya, buli bukan sahaja berlaku di tempat kerja malahan di sekolah juga. Dari tadika hingga ke alam pekerjaan, sikap buli ini jika tidak dibendung, akan terus menjadi barah dalam kalangan masyarakat di negara tercinta ini. Hentikan Buli!!!!

Apa yang perlu kita semua ketahui?

DESTINASI AGRO PELANCONGAN MALAYSIA

Noraishah Kamarolzaman & Khalilah Ibrahim

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka

Agro pelancongan semakin mendapat perhatian dikalangan rakyat Malaysia berbanding pelancongan biasa. Destinasi agro pelancongan ini memberi peluang kepada pengunjung untuk menikmati keindahan alam semulajadi dan berpeluang melihat sendiri hasil pertanian dan ternakan yang diusahakan.

Terdapat dua destinasi agro pelancongan yang boleh dilawati oleh pengunjung terutama bagi mereka yang telah berkeluarga iaitu pusat agro pelancongan dan pembelajaran Farm Fresh UPM di Serdang, Selangor dan Nabila Agrofarm di Seremban, Negeri Sembilan.

Farm Fresh UPM merupakan sebuah puast agro pelancongan dan pembelajaran kolaborasi antara Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Syarikat Farm Fresh Milk Sdn. Bhd. Farm Fresh @UPM menjadi tarikan kerana ia memberi peluang kepada pengunjung untuk melihat ladang tenusu, mengenali proses penghasilan susu segar secara organik dan rekreasi untuk keluarga. Antara aktiviti yang disediakan ialah berinteraksi dengan haiwan, jelajah ladang dengan menaiki traktor, menikmati makanan dan produk segar di café, bergambar di sudut lanskap yang cantik dan membeli-belah untuk produk ladang dan cenderamata.

Manakala Nabila Agrofarm menampilkan konsep ladang moden dan mesra pengunjung. Nabila Agrofarm menjadi lokasi pendidikan yang sesuai untuk kanak-kanak dimana kanak-kanak berpeluang untuk belajar tentang haiwan dan alam sekitar disamping pengalaman “healing” suasana kampung. Antara aktiviti yang disediakan seperti berkuda, memanah, petting zoo, melawat taman mini haiwan, menaiki train joy ride dan menaiki ATV.

Kehadiran destinasi seperti ini membuktikan bahawa sektor pertanian bukan sahaja menyumbang kepada makanan dan ekonomi negara, tetapi juga mampu menjadi daya tarikan pelancongan yang unik serta memberi nilai tambah kepada komuniti setempat. Sebagai pengunjung kita dapat menggalakkan gaya hidup yang sihat dan menghargai dunia pertanian.



DI MANA SILAPNYA: SAHSIAH MAHASISWA

Mahdalela Rahim

Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Melaka

Kelas jam 4 hingga 6 petang bersama pelajar semester dua semester lepas membuatkan saya berfikir panjang tentang masalah sahsiah rupa diri pelajar. Bangunan di KPP3 petang itu sudah agak tenang disebabkan banyak kelas yang telah selesai lebih awal. Petang itu saya lihat terdapat pelajar yang berpakaian sopan dan formal, tapi ada juga pelajar perempuan yang berpakaian agak daring, ketat dan singkat. Petang itu juga beberapa pelajar lelaki hanya memakai t-shirt berleher bulat serta berselipar.

Saya teringat modul ADAB yang dibekalkan kepada pensyarah sebagai rujukan dalam menasihati pelajar. Saya terus bertanya mengapa mereka memilih untuk berpakaian sedemikian. Di antara alasan yang diberikan - tidak sempat menukar pakaian sebab mereka baru kembali daripada outing. Ada di antaranya yang diam seribu bahasa, ada juga yang hanya tersenyum bila ditanya.

Pelajar perempuan yang ditegur pada awal semester kerana mewarnakan rambut perang juga masih belum mengembalikan warna rambut ke asal. Begitu juga pelajar yang bertindik hidung, sudah ditegur - beberapa hari dibuka tapi selepas beberapa hari, dipakai semula. Pelajar yang sama ini terus menerus melakukan pelanggaran disiplin berpakaian ke kuliah. Bukan semua, tetapi hanya segelintir sahaja...anehnya, mengapa pelajar yang sama?

Persoalan yang sering bermain di fikiran saya ini mungkin juga sering difikirkan oleh pensyarah lain. Di manakah silapnya?

Adakah garis panduan terlalu sukar difahami, atau dianggap kolot oleh generasi kini? Adakah pengaruh media sosial tentang fesyen buat mereka rasa cool bila melanggar aturan?

Adakah mereka inginkan keseronokan dalam mempamerkan kedegilan dan keberanian?

Adakah mereka menganggap sopan itu nerdy?

Adakah mereka sudah lali kerana dibebel dan dinasihati sejak di sekolah lagi?

Adakah mereka ingin dilihat berbeza daripada pelajar lain?

Atau mereka lihat universiti sebagai tempat "kebebasan mutlak", berpakaian sesuka hati?

Persoalan yang sehingga kini masih lagi saya amati dalam memahami hati pelajar Gen Z. Ketika ditanya adakah mereka pernah disaman kerana melakukan pelanggaran disiplin begini - mereka mengaku pernah disaman dan terpaksa membayar saman yang dikenakan. Pengulangan pelanggaran disiplin walaupun telah disaman...adakah tindakan ini berkesan? Adakah kita perlu rebrand cara mendidik sahsiah berpakaian supaya lebih relevan, bukan hanya menghukum? Sekadar hanya rm30 - rm50 untuk setiap saman mungkin hanyalah sandiwara bagi sesetengah pelajar. Mungkin sudah masanya untuk sama-sama kita fikirkan cara terbaik mendidik Gen Z tentang sahsiah hari ini. Satu pendekatan supaya pelajar bahawa pakaian bukanlah sekadar fesyen, tetapi cerminan harga diri dan identiti mereka sebagai seorang mahasiswa.

DI SEBALIK MARKER DAN POWERPOINT: SENTUHAN DAKWAH DALAM KULIAH

Muaz Hj Mohd Noor

Akademi Pengajian Islam dan Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka

Benih Dakwah di Bilik Kuliah

Apabila menyebut perkataan pensyarah, gambaran yang sering muncul di fikiran ialah seseorang yang berdiri di hadapan kelas, memegang marker, menulis di papan putih, atau mengawal alat kawalan jauh untuk menukar slaid PowerPoint. Bagi kebanyakan orang, tugas pensyarah hanyalah menyampaikan ilmu akademik agar pelajarannya lulus peperiksaan dan berjaya menamatkan pengajian. Namun, hakikatnya, peranan seorang pensyarah jauh lebih besar daripada itu. Di sebalik marker dan PowerPoint yang kelihatan seakan rutin, tersembunyi sentuhan dakwah yang mampu mengubah hati dan kehidupan seseorang pelajar.

Dakwah dalam konteks seorang pendidik tidak semestinya berbentuk ceramah panjang atau kuliah agama yang formal. Ia boleh hadir dalam bentuk paling sederhana – setiap ucapan “Assalamualaikum” di awal kelas adalah benih dakwah, doa sebelum memulakan kelas, atau sekadar kesabaran melayan pelajar yang masih keliru dengan topik yang diajar. Inilah seni dakwah yang halus tetapi berkesan, kerana ia lahir daripada hati yang ikhlas. Pelajar mungkin lupa semua isi slaid yang dipaparkan, tetapi mereka jarang lupa cara seorang pensyarah memperlakukan mereka.

Pensyarah Sebagai Murabbi

Di dalam bilik kuliah, dakwah itu kadangkala tersembunyi di sebalik teguran lembut. Apabila pelajar datang lewat, ada pensyarah yang hanya menegur dengan senyuman sambil mengingatkan, “Ilmu itu lebih mudah masuk kalau kita hargai masa.” Teguran kecil seperti ini bukan sekadar peringatan disiplin, tetapi juga tarbiyah halus tentang nilai amanah waktu. Begitu juga ketika pelajar berputus asa dengan tugas yang rumit, seorang pensyarah yang memilih untuk memberi kata-kata semangat sebenarnya sedang berdakwah kepada jiwa yang lemah.

Dakwah dalam kuliah bukanlah pada jumlah hadis atau ayat yang disebut, tetapi pada nilai yang dibawa. Ada pensyarah yang menutup kelas dengan doa ringkas, ada juga yang menyelitkan pesanan moral di hujung perbincangan. Walaupun kelihatan remeh, hakikatnya ia menyuntik nilai murni yang berkekalan dalam diri pelajar. Kata orang bijak pandai, ilmu itu cahaya, dan cahaya itu hanya akan terus bersinar jika disertai dengan keberkatan.

Di sebalik marker yang menulis rumus matematik atau slaid PowerPoint yang penuh dengan teori komunikasi, ada sesuatu yang lebih berharga: sentuhan dakwah seorang pendidik. Mungkin tidak semua pelajar menjadi cemerlang dalam peperiksaan, tetapi jika seorang sahaja berjaya terbuka hatinya untuk berubah menjadi insan yang lebih baik,

maka dakwah itu telah pun berhasil. Bukankah itu sebahagian daripada pahala yang berpanjangan, sebagaimana sabda Nabi SAW bahawa apabila seseorang menunjuki kepada kebaikan, dia akan mendapat ganjaran seperti orang yang melakukannya?

Maka jelaslah, seorang pensyarah bukan sekadar tenaga pengajar. Beliau adalah murabbi yang membentuk jiwa, mursyid yang membimbing akhlak, dan qudwah yang menjadi teladan. Bilik kuliah bukan hanya tempat melahirkan graduan, tetapi juga medan melahirkan insan. Dan di sebalik marker dan PowerPoint itu, ada sentuhan dakwah yang mungkin tidak disedari, tetapi tetap hidup dalam hati pelajar yang pernah merasainya.

TAWARAN GAJI YANG TINGGI DAN KUALITI HIDUP LEBIH BAIK MENARIK MINAT DIASPORA MALAYSIA KEKAL DI QATAR

Suraya Hamimi Mastor

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka

Qatar, sebuah negara kecil di rantau Arab Teluk terkenal dengan sejarah pembangunannya yang pesat dalam tempoh hanya beberapa dekad kebelakangan ini. Ia terdahulu merupakan sebuah negara di Teluk Parsi yang hanya bergantung kepada aktiviti tradisional seperti perikanan dan penyelaman mutiara, namun kini muncul sebagai antara negara terkaya di dunia hasil daripada penemuan minyak pada tahun 1940-an dan gas asli pada 1970-an. Pertumbuhan ekonomi yang pesat ini telah mendorong pembangunan infrastruktur moden, termasuk sistem pengangkutan canggih metro, lapangan terbang bertaraf antarabangsa serta bandar pintar – sejajar dengan Qatar National Vision 2030, yang menjadikan Doha sebagai pusat tumpuan global. Ini ditambah pula dengan kejayaan Qatar menghoskan Kejohanan Bola Sepak Piala Dunia FIFA pada tahun 2022, sekali gus melonjakkan lagi reputasinya di arena global serta merancakkan lagi kepesatan pembangunan infrastruktur moden berskala besar. Dari sudut sosiologi, masyarakat tempatan Qatar masih mengekalkan identiti Arab-Islam yang kuat, namun pada masa yang sama dinilai lebih terbuka kepada kepelbagaian budaya melalui kehadiran jutaan ekspatriat asing dari seluruh pelusuk dunia, termasuk Malaysia. Perpaduan antara tradisi dan modenisasi inilah yang menjadikan Qatar sebuah destinasi menarik, bukan sahaja untuk pembangunan kerjaya tetapi juga sebagai ruang interaksi sosial bagi diaspora Malaysia di sini. Untuk rekod, meskipun berpopulasi keseluruhan sekitar 3.1 juta orang, rakyat tempatan Qatar hanya berjumlah sekitar 330,000 orang iaitu hanya sekitar 10.6 peratus daripada keseluruhan populasi manakala bakinya adalah ekspatriat luar dan ahli keluarga. Warganegara luar tertinggi jumlahnya di Qatar adalah rakyat dari India yang dianggarkan sebanyak 21.8 peratus, diikuti Bangladesh 12.5 peratus, Nepal 12.5 peratus, Mesir 9.35 peratus, Filipina 7.36 peratus, Pakistan 4.70 peratus, Sri Lanka 4.35 peratus dan selebihnya warganegara lain yang tidak melebihi 2 peratus setiap satunya.

Diaspora Malaysia di Qatar kini berjumlah sekitar 6,200 orang dan terdiri daripada gabungan profesional berkelulusan tinggi serta pekerja mahir dalam pelbagai sektor. Ramai daripada mereka bekerja dalam bidang minyak dan gas, penerbangan, pembinaan, telekomunikasi, penyiaran, pendidikan dan penjagaan kesihatan, dengan sebilangan besar mereka berkhidmat sebagai jurutera, juruterbang, pakar teknikal, doktor perubatan serta pensyarah universiti. Di sektor minyak dan gas, ramai rakyat Malaysia menempatkan kerjaya mereka di syarikat multinasional seperti QatarEnergy (sebelum ini dikenali Qatar Petroleum), QatarEnergy LNG (dahulunya QatarGas), North Oil Company serta penyedia perkhidmatan kesihatan dan kejuruteraan seperti Hamad Medical Corporation, Sidra Medicine, McDermott, dan Shell Qatar. Dalam bidang telekomunikasi dan penyiaran, syarikat seperti Ooredoo dan Al-Jazeera Media Network menjadi pilihan profesional Malaysia yang memiliki kemahiran kejuruteraan teknikal dan pengurusan dalam digital dan 5G. Bagi sektor penerbangan, syarikat Qatar Airways merupakan tempat ramai jurutera, teknikal dan juruterbang Malaysia berkhidmat. Bagi sektor

pembinaan dan infrastruktur serta pembangunan rakyat, Ashgal Public Work Authority, Qatar Foundation dan pelbagai lagi firma pembinaan tempatan menjadi platform kerjaya penting bagi profesional Malaysia dalam bidang kejuruteraan, saintis dan pengurusan projek. Manakala rakyat Malaysia yang terlibat dalam bidang pendidikan iaitu pensyarah dan pegawai penyelidik biasanya akan berkhidmat dengan Qatar Universiti dan Hamad Bin Khalifa University. Terdapat ramai diaspora Malaysia yang telah menetap di Qatar melebihi 15 tahun dan ada yang sehingga mencecah 40 tahun. Rata-rata mereka akan menetap di Qatar selama 5 hingga ke 7 tahun mengikut kontrak kerja atau kesesuaian keluarga. Sebelum berhijrah ke Qatar, sebilangan besar mereka merupakan bekas pekerja di beberapa syarikat ternama Malaysia seperti PETRONAS, Malaysia Airlines (MAS), BERNAMA dan UEM.

Faktor utama yang menarik minat diaspora Malaysia berhijrah ke Qatar adalah kerana purata gaji bulanan lebih tinggi yang mampu diperolehi iaitu bermula sekitar QAR 12,000 hingga QAR 15,000 (kira-kira RM13,000 hingga RM17,000) untuk pekerja berkemahiran biasa, dan dengan gaji asas bagi jurutera dan pensyarah universiti bermula dari QAR 20,000 serta boleh mencecah lebih tinggi, bergantung kepada pengalaman dan tahap kritikal sektor pekerjaan tersebut. Keistimewaan utama yang dapat dilihat apabila bekerja di Qatar ialah tiada cukai pendapatan dikenakan, menjadikan gaji bersih diperolehi lebih tinggi berbanding di Malaysia. Selain itu, banyak syarikat menawarkan pakej ekspatriat yang merangkumi faedah seperti perumahan, pengangkutan, insurans kesihatan, kos pendidikan anak-anak, elaun sara hidup serta tiket penerbangan secara tahunan. Dari segi gaya hidup, ramai ekspatriat Malaysia di Qatar menikmati kualiti hidup yang baik dengan akses kepada pelbagai kemudahan moden termasuklah pusat membeli-belah, restoran antarabangsa dan aktiviti rekreasi. Keseimbangan kerja-hidup juga diutamakan, dengan banyak syarikat memberikan cuti tahunan selama enam minggu serta waktu bekerja yang fleksibel. Diaspora Malaysia di Qatar juga dapat menikmati keistimewaan unik berbanding warganegara yang lain. Antaranya, diaspora Malaysia boleh menukar lesen memandu mereka kepada lesen memandu Qatar tanpa perlu menjalani ujian teori atau praktikal di jalan raya. Keistimewaan ini berlandaskan kepada perjanjian bilateral antara Malaysia dan Qatar yang membolehkan proses penukaran lesen memandu dilakukan tanpa perlu menjalani ujian memandu tambahan melibatkan warga kedua-dua buah negara secara timbal balas (reciprocal). Pada tahun 2016, kerajaan Qatar melalui Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri ketika itu, Sheikh Abdullah Nasser Khalifa Al Thani, telah memberi kelulusan khas kepada rakyat Malaysia untuk menukar lesen memandu Qatar tanpa menjalani ujian memandu. Keputusan ini juga hasil usul yang dibawa Timbalan Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi ketika melawat Qatar dan menyuarakan kesulitan yang dihadapi rakyat Malaysia yang bekerja di Qatar. Keputusan ini juga mencerminkan hubungan erat dan saling menghormati antara kedua-dua negara. Untuk rekod, ekspatriat asing dari negara-negara ASEAN lain seperti Indonesia dan Filipina pula sebaliknya perlu menjalani kelas latihan memandu dan ujian lanjut sebelum dibenarkan memiliki lesen memandu tempatan.

Walaupun kehidupan di Qatar menawarkan banyak peluang dan kelebihan, diaspora Malaysia turut menghadapi beberapa cabaran. Antaranya ialah cuaca yang ekstrem,

dengan suhu musim panas yang boleh mencecah sehingga 50°C, sekali gus menyukarkan aktiviti luar dilakukan dan menuntut penyesuaian gaya hidup yang berkos tinggi termasuk penggunaan pendingin hawa sepanjang hari dan pemakaian pakaian yang sesuai mengikut suhu persekitaran. Dari segi bahasa, walaupun Bahasa Arab adalah bahasa rasmi, ramai diaspora Malaysia perlu menguasai Bahasa Inggeris untuk bekerja dan berinteraksi dalam persekitaran profesional, manakala sesetengah situasi sosial memerlukan pemahaman budaya tempatan. Perbezaan budaya dan norma sosial juga menuntut diaspora Malaysia untuk berhati-hati, contohnya dalam etika berpakaian, dan menghormati peraturan tempatan yang amat ketat berhubung isu alkohol, hiburan awam dan keselamatan. Tambahan pula kerajaan Qatar menetapkan peraturan dan undang-undang yang ketat untuk semua rakyat di sini berkaitan keselamatan jalan raya. Tidak seperti di Malaysia, kerajaan Qatar sangat mengambil serius dalam pematuhan had laju (80km/jam di kebanyakan kawasan), pemakaian tali pinggang keledar, larangan penggunaan telefon bimbit ketika memandu, larangan memotong garisan berkembar serta melanggar lampu isyarat, di mana semua ini diawasi dengan sistem kamera pengawasan trafik yang canggih yang di pasang pada jarak yang dekat di seluruh negara. Selain itu, pengambilan gambar atau rakaman video secara umum tanpa kebenaran juga boleh menimbulkan isu keselamatan dan privasi yang sangat serius, kerana undang-undang Qatar menekankan perlindungan individu dan kawasan sensitif. Pelanggaran peraturan ini, walaupun kecil, boleh membawa kepada denda besar sehingga QAR100,000, penahanan, atau dalam kes ekstrem, deportasi bagi ekspatriat termasuk diaspora Malaysia. Cabaran ini menuntut diaspora Malaysia supaya sentiasa berhati-hati, memahami peraturan tempatan dengan teliti, dan menyesuaikan diri dengan norma sosial dan undang-undang Qatar dengan baik agar kehidupan mereka di sini kekal selamat dan terjamin.

Disebalik penguatkuasaan peraturan dan undang-undang yang amat ketat oleh pihak berkuasa, banyak kelebihan yang diperolehi oleh semua rakyat yang menetap di sini, terutamanya tahap keselamatan rakyat berada pada tahap yang sangat baik. Berdasarkan laporan Indeks Keselamatan dan Jenayah 2025 oleh Numbeo, Qatar mencatatkan indeks keselamatan yang tinggi iaitu 84.1, tempat kedua selepas Abu Dhabi, UAE, sekali gus menunjukkan persekitaran yang sangat selamat. Sebaliknya, Malaysia berada pada 62.7, menunjukkan tahap keselamatan yang lebih rendah. Dari sudut jenayah, Qatar mempunyai indeks jenayah yang rendah iaitu 15.9, manakala Malaysia mencatatkan 37.3, menunjukkan kadar jenayah yang lebih tinggi.

Kesimpulannya, Qatar menawarkan pelbagai kelebihan yang menarik golongan profesional dan kemahiran tinggi untuk bekerja di negara mereka, termasuklah tawaran gaji tinggi tanpa cukai pendapatan, faedah pekerjaan yang komprehensif serta kualiti hidup yang tinggi. Keistimewaan ini menyebabkan ramai profesional Malaysia memilih untuk berhijrah ke Qatar, menyumbang kepada fenomena aliran keluar tenaga pakar (brain drain) di Malaysia. Dijangkakan jumlah ekspatriat Malaysia ke Qatar akan terus meningkat khususnya di sektor minyak dan gas susulan keputusan Petronas pada Jun 2025, mengumumkan cadangan pemberhentian secara sukarela lebih 5000 pekerja atau mewakili 10% kapasiti tenaga kerja syarikat itu sebagai sebahagian daripada proses penstrukturan semula organisasi tersebut. Dengan segala kelebihan dan tawaran yang

menarik bekerja di Qatar, kumpulan ini berpotensi untuk berpindah dan bekerja di Qatar memandangkan syarat utama iaitu profesional berkemahiran tinggi dengan pengalaman di dalam industri sekurang-kurangnya 5 tahun telahpun dipenuhi. Bagi diaspora Malaysia di Qatar, mereka merasakan bahawa peluang di tanah air tidak setimpal dengan kemahiran, kelayakan dan pengalaman yang dimiliki, menjadikan proses repatriasi sebagai satu cabaran. Bagi mengelakkan brain drain yang lebih kritikal di masa hadapan, kerajaan Malaysia dinilai sesuai mempertimbang untuk menyediakan insentif kerjaya yang lebih kompetitif, peluang pembangunan kerjaya yang jelas serta gaji dan faedah yang setanding dengan pasaran kerja antarabangsa. Selain itu, usaha untuk menyediakan persekitaran kerja yang kondusif, fleksibiliti kerja dan sokongan kepada profesional muda akan meningkatkan daya tarikan kembali mereka ke tanah air. Dengan adanya pendekatan strategik ini, Malaysia dapat mengekalkan bakat profesional yang berkemahiran tinggi dan membolehkan diaspora Malaysia yang berpengalaman di Qatar merasa yakin untuk kembali dan menyumbang kepada pembangunan negara.



Gambar menunjukkan sebahagian kecil diaspora Malaysia di Qatar sempena sambutan Hari Kemerdekaan Malaysia yang ke-67.

******Artikel ini merupakan perkongsian Pensyarah yang sedang CTG ke Qatar.

TIPS PENGURUSAN DOKUMEN PERIBADI DAN KELUARGA

*Noraishah Kamarolzaman dan Khalilah Ibrahim
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka*

Pengurusan dokumen ialah proses sistematik yang melibatkan pengumpulan, penyusunan dan penyimpanan maklumat dalam bentuk bertulis, bercetak atau elektronik. Tujuan pengurusan dokumen ini adalah untuk dijadikan rekod atau bukti serta memudahkan kita untuk mengakses sekiranya ada keperluan seperti kecemasan dan sebagainya. Pengurusan dokumen boleh dibuat dalam bentuk salinan fizikal (hardcopy) atau salinan lembut (softcopy) dalam format digital dan disimpan distoran awan (cloud storage).

Dokumen peribadi adalah terdiri dari kad pengenalan, sijil kelahiran, pasport, sijil pendidikan seperti Sijil SPM, Diploma dan Ijazah serta transkrip manakala dokumen keluarga seperti sijil nikah, sijil cerai dan sijil kematian. Dokumen lain yang berkaitan geran rumah, geran tanah, geran kereta, polisi insurans, buku simpanan bank dan resit-resit penting juga perlu disusun dan disimpan di tempat yang selamat untuk pengurusan dan penggunaan pada masa depan sekiranya diperlukan.

Panduan atau tips untuk mengurus rekod peribadi dan keluarga:

1. Asingkan dokumen mengikut kategori seperti kewangan (slip gaji, cukai dan sebagainya), perubatan (rekod kesihatan, rekod temujanji dan sebagainya). Jangan dicampur adukkan.
2. Gunakan label berwarna yang berbeza untuk setiap kategori sebagai contoh biru untuk kewangan, merah untuk perubatan dan seterusnya. Ini memudahkan kita mengemaskini fail dengan mudah.
3. Susun dokumen secara fizikal dan digital. Sediakan rak dan folder yang berasingan untuk dokumen bagi setiap kategori. Untuk penyimpanan secara digital, imbas (scan) dokumen penting dan simpan dalam storan awan (cloud storage). Penyimpanan melalui kaedah digital membantu menjimatkan ruang dan memastikan dokumen sentiasa boleh diakses. Salinan fizikal diperlukan terutamanya untuk penyimpanan dokumen atau sijil asal.
4. Susun dengan kemas dan teratur. Dokumen seperti kad pengenalan, pasport atau buku simpanan bank boleh disimpan dalam fail kecil atau disimpan secara digital supaya mudah dibawa serta menjimatkan ruang penyimpanan. Setiap dokumen dilabel dengan jelas menggunakan tulisan atau pencetak label dengan kemas pada setiap folder untuk memudahkan pencarian apabila diperlukan.
5. Pembersihan dokumen secara berkala. Sentiasa membuat penyemakan secara berkala untuk memastikan pengurusan dokumen kekal kemas dan teratur. Dokumen yang sudah tidak diperlukan atau yang sudah tidak relevan boleh dibuang dengan cara yang betul untuk mengelak kekeliruan.
6. Pastikan semua dokumen diletakkan disatu tempat yang mudah untuk diakses dan diambil terutama apabila berlaku kecemasan atau bencana alam seperti banjir dan sebagainya.

Pengurusan dokumen peribadi dan keluarga yang baik mempunyai banyak kelebihan antaranya menjimatkan masa, mengurangkan kekeliruan, boleh mengakses maklumat dengan pantas, melindungi maklumat peribadi dengan selamat dan membantu menghadapi situasi kecemasan dan penting seperti kecemasan atau menghadapi bencana alam.

WARDEN: REALITI DAN CABARAN DI SEBALIK PINTU ASRAMA

Azrina binti Abu Bakar

Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Melaka

“Kalau tak mampu jadi warden, sila letak jawatan!”

“Warden pun jangan terlepas. Kenapa mereka semua sanggup butakan mata, pekakkan telinga, bisu tak bersuara? Jangan lindungi yang bersalah”

“Saya merayu kepada ibu bapa yang terkesan, jangan sekadar buat laporan polis dan lakukan pendakwaan, tetapi tolong buat saman sivil ke atas institusi tersebut, kepada warden, kepada pegawai yang terbabit kerana mereka patut diheret sekali, pastikan mereka dimiskinkan.”

W.A.R.D.E.N. Menurut *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat*, warden bermaksud orang yang bertanggungjawab menjaga seseorang atau sesuatu.

Sesetengah orang awam dan wakil rakyat ada melontarkan cadangan, hujah atau kritikan mengenai warden dan tugas-tugas warden tanpa pengalaman sebenar dilapangan. Namun, adakah mereka tahu bahawa menjadi seorang warden bukanlah tugas yang sangat mudah?

Sebilangan warden terdiri daripada guru-guru dan pensyarah yang dalam masa sama perlu mengajar, menanda tugasan, menyemak kertas ujian dan peperiksaan, menjalankan kajian, dan pelbagai lagi.

Dengan elaun yang agak rendah, mereka bertugas 24 jam bagi memastikan tugas hakiki dijalankan dengan baik serta kebajikan beratus orang pelajar di asrama terjamin. Bukan itu sahaja, mereka juga sering berhadapan dengan masalah peribadi pelajar dan memberi sokongan emosi selain tugas mereka menjaga disiplin dan keselamatan pelajar.

Ramai warden mengorbankan masa rehat dan keluarga demi pelajar. Baru sahaja ingin melelapkan mata, pintu rumah warden diketuk, aduan datang silih berganti seperti lampu bilik tidak menyala, dompet hilang, pelajar tidak pulang ke bilik dan sebagainya. Jam 2 atau 3 pagi pula menghantar pelajar demam atau sakit ke hospital.

Itu belum termasuk menerima mesej dan panggilan daripada ibu bapa yang risaukan anak-anak mereka di asrama. Lebih mencabar, warden juga perlu berhadapan dengan kes-kes berat seperti kes buli, pengambilan dadah, cubaan membunuh diri akibat tekanan emosi, kes merokok, hubungan seksual, kecurian dan sebagainya. Terdapat juga warden yang berhadapan dengan pelbagai makian dan cemuhan daripada segelintir pelajar yang tidak suka akan ketegasan warden.

Jika berlaku tragedi seperti kes buli atau bunuh diri di asrama, warden sering menjadi sasaran kecaman oleh segelintir pihak. Mereka dituduh tidak amanah dalam menjalankan tugas, makan gaji buta atau hanya mahukan elaun RM300, bersekongkol dengan VIP

atau pelajar senior tanpa pernah memikirkan betapa besarnya pengorbanan dan beban mental yang mereka pikul setiap hari.

Semua warden dipukul rata, seolah-olah semuanya bersalah. Tidak diambil kira bahawa ramai dalam kalangan mereka sebenarnya berjuang dalam diam, dengan niat yang ikhlas untuk melindungi dan membimbing pelajar.

Konklusinya, tugas seorang warden amat berat. Oleh itu, kerajaan harus mempertimbangkan untuk melantik segera warden asrama sepenuh masa daripada kalangan bukan guru atau pensyarah supaya fokus utama dapat diberikan kepada keselamatan dan kebajikan pelajar secara menyeluruh. Warden juga wajar diberikan latihan profesional, sokongan kesihatan mental, dan ganjaran yang setimpal dengan tanggungjawab mereka.

ETIKA PENGGUNAAN APLIKASI KECERDASAN BUATAN (AI) GENERATIF DALAM KALANGAN PELAJAR

¹Siti Fairuz Nurr Sadikan, ²Sulaiman Mahzan, ³Mohd Ab Malek Mohd Shah, ⁴Mohd Rasdi Zaini

^{1,4}Fakulti Perladangan dan Agroteknologi,

²Fakulti Sains Komputer dan Matematik,

³Jabatan Undang-Undang, UiTM Cawangan Melaka

Research Interest Group of Advanced Soft Computing

Kecerdasan Buatan atau lebih dikenali dengan Artificial Intelligence (AI) kini bukan lagi istilah asing dalam kalangan masyarakat, khususnya pelajar masa kini. Jika dahulu AI hanya dibincangkan dalam forum teknologi atau makmal penyelidikan, kini ia boleh diakses dengan mudah melalui telefon pintar dan komputer riba. Penggunaan AI khususnya aplikasi AI generatif ini dilihat telah sebariti dalam kehidupan seharian pelajar sama ada di UiTM Cawangan Melaka kampus Alor Gajah, Jasin mahupun Bandaraya Melaka. Sebahagian pelajar menggunakannya untuk menyemak esei atau laporan tugas, menterjemah teks, menulis kod pengaturcaraan, malah menghasilkan slaid pembentangan. Segala-galanya boleh disiapkan dalam tempoh masa yang singkat iaitu beberapa minit sahaja. Situasi ini mengundang persoalan, bagaimana dengan etika penggunaannya? Adakah pelajar kita benar-benar memanfaatkan teknologi ini sebagai alat untuk menambahkan ilmu, atau sekadar menjadikannya jalan pintas untuk menyiapkan tugas secara “*last minute*”?

Bayangkan seorang pelajar dari Fakulti Sains Komputer yang diberi tugas membangunkan sistem asas pengurusan data. Dengan bantuan alat AI, mereka boleh mendapatkan kod, cadangan algoritma, malah penerangan tentang ralat dalam beberapa saat sahaja. Ini adalah satu kelebihan besar kerana ia mempercepat proses pembelajaran. Namun, tidak semua pelajar menggunakan AI dengan cara yang betul. Ada pelajar yang menyerahkan keseluruhan tugas kepada sistem tanpa memahami logik di sebaliknya. Akhirnya, apabila diuji dalam peperiksaan atau sesi pembentangan, mereka gagal menjawab soalan kerana tidak benar-benar menguasai ilmu tersebut. Situasi ini bukan sekadar menjejaskan prestasi akademik, malah menimbulkan isu integriti. Begitu juga pelajar dari lain-lain fakulti dengan mudah menghasilkan laporan atau analisis data dengan bantuan AI. Namun, persoalan yang timbul ialah adakah mereka memahami kandungan laporan itu, atau hanya menyerahkan hasil laporan yang dijana oleh AI?

Sehubungan dengan itu, kerajaan Malaysia menerusi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah mengeluarkan Garis Panduan Tadbir Urus dan Etika Kecerdasan Buatan Negara (AIGE) yang menekankan tujuh prinsip etika AI iaitu keadilan, keselamatan, privasi, inklusiviti, ketelusan, akauntabiliti, dan manfaat kepada kemanusiaan. Garis panduan ini dijadikan asas peraturan penggunaan AI di Malaysia, termasuk dalam sektor pendidikan. Etika penggunaan AI dalam kalangan pelajar boleh dilihat daripada aspek kejujuran akademik, dimana UiTM sangat menekankan nilai amanah dalam penulisan akademik. Jika pelajar menggunakan AI untuk menulis esei

penuh tanpa menyumbang pemikiran sendiri, maka itu boleh dianggap sebagai satu bentuk penipuan akademik. Sama seperti plagiarisme, penyalahgunaan AI boleh menjejaskan kredibiliti pelajar dan institusi. Belajar bukan sekadar mendapatkan jawapan, tetapi juga memahami proses mencari jawapan. Pelajar yang terlalu bergantung kepada AI mungkin terlepas peluang untuk mengasah kemahiran analisis, penyelidikan, dan penulisan yang menjadi teras pendidikan tinggi.

Terdapat segelintir pelajar yang menggunakan ChatGPT untuk meringkaskan bab buku atau nota kuliah sebelum masuk ke kelas. Walaubagaimanapun, pelajar yang tidak membaca teks asal akan menghadapi kesukaran untuk menjawab soalan yang diutarakan oleh pensyarah. Namun, ada juga pelajar lain yang didapati menyiapkan tugas sepenuhnya dengan bantuan AI. Walaupun kelihatan mudah, kualiti tugas kadangkala tidak sepadan dengan rubrik tugas kerana kurang elemen kemahiran kritis dan analisis. Di sudut lain pula, terdapat pelajar menggunakan slaid yang sepenuhnya dijana AI seperti Gamma. Slaidnya cantik, berwarna-warni, tetapi apabila pensyarah bertanya soalan, pelajar tidak dapat memberi ulasan yang tepat kerana tidak benar-benar memahami isi kandungan yang dihasilkan. Justeru itu, ia menjadi cabaran etika yang perlu ditangani.

Selain itu, terdapat banyak juga aplikasi AI beroperasi dengan mengumpul data peribadi pengguna tanpa pengetahuan. Contohnya, apabila pelajar memuat naik dokumen tugas, nota, atau maklumat peribadi, mereka sebenarnya telah mendedahkan data kepada pihak ketiga. Kesedaran tentang isu privasi ini masih rendah, terutama dalam kalangan generasi muda. Untuk menangani isu ini, pelajar khususnya pengguna aplikasi AI seperti ChatGPT, Gemini, Claude dan lain-lain, perlu terlebih dahulu menukar tetapan bagi melindungi data yang dimuatnaik bagi tujuan mengelakkan data disalah guna.

Walaubagaimanapun, penggunaan aplikasi AI ini tidaklah wajar disekat dan dilihat sebagai pengancam. Sebaliknya, ia adalah alat sokongan yang sangat hebat jika dapat digunakan dengan bijak. Pelajar boleh menjadikan AI sebagai alat rujukan tambahan, bukan pengganti buku teks atau kuliah pensyarah. Selain itu, AI juga boleh menjadi pembimbing teknikal, contohnya untuk menyemak tatabahasa, memberi cadangan struktur esei, atau membantu menyelesaikan masalah pengaturcaraan, dan menjana idea awal sebelum dikembangkan dengan pemikiran kritis sendiri. Apa yang penting ialah kesedaran bahawa AI hanyalah alat. Ia tidak boleh menggantikan usaha, kreativiti, dan integriti manusia. Dalam konteks UiTM, pelajar perlu sentiasa ingat bahawa “Usaha Tangga Kejayaan” bukan sekadar slogan, tetapi prinsip yang menentukan kualiti ilmu.

AI bukan sahaja menjadi simbol kemajuan, tetapi juga ujian kejujuran. Di zaman AI ini, pelajar berpeluang memanfaatkan teknologi sebagai alat untuk membantu pembelajaran. Namun, tanpa etika, semua kelebihan ini boleh bertukar menjadi kelemahan. Akhirnya, kita harus bertanya kepada diri sendiri, apakah nilai sebenar sebuah ijazah? Adakah sekadar kertas dengan nama kita, atau bukti bahawa kita telah berusaha, berfikir, dan menimba ilmu dengan penuh integriti? Etika penggunaan AI bukan sekadar peraturan, tetapi cerminan siapa kita sebagai insan berilmu. Jika kita mampu menjaga batas, AI

akan terus menjadi sahabat setia dalam perjalanan menimba ilmu. Tetapi jika kita leka, teknologi ini hanya akan menyerlahkan sisi rapuh kita.

Untuk itu, kesedaran dan pelaksanaan etika dalam penggunaan AI oleh pelajar perlu diperkukuh bagi mengatasi isu terkini yang menjejaskan integriti akademik dan keselamatan data. Dengan bimbingan serta penguatkuasaan garis panduan kerajaan seperti AIGE, pelajar boleh memanfaatkan AI secara beretika demi kecemerlangan akademik dan pembangunan nilai moral yang kukuh.

IBU RATU HIDUPKU, KASIHMU MEMBAWA KE SYURGA

Siti Noraziana Binti Azis

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka

Dalam kehidupan setiap insan, ibu memiliki kedudukan yang sangat istimewa. Ibu bukan sahaja menjadi insan pertama yang mendidik, tetapi juga sumber kasih sayang, kekuatan, dan pengorbanan yang tiada tandingan. Ibu bagaikan ratu dalam kehidupan anak-anaknya, yang sentiasa berkorban tanpa mengharapkan balasan, menjadi sumber kebahagiaan dan kekuatan bagi anak-anaknya. Justeru, pengorbanan ibu hendaklah dihargai sepanjang hayat kerana jasa dan baktinya tidak mampu dibalas dengan apa-apa sekalipun.

Kasih sayang seorang ibu tiada tandingan dan gantinya. Sejak anak berada dalam kandungan lagi, ibu sudah menyayangi dan menjaga dengan penuh perhatian. Setelah lahir, ibu terus mencurahkan kasih sayangnya dengan memberi belaian, jagaan, dan didikan sehingga anak menjadi insan yang berguna. Malah, ibu sentiasa mendoakan kesejahteraan serta kebahagiaan anak-anaknya tanpa mengenal penat dan jemu. Selain kasih sayang, pengorbanan ibu amat besar dan tidak ternilai. Ibu sanggup berpenat lelah mengandungkan kita selama sembilan bulan serta bertarung nyawa melahirkan kita ke dunia. Setelah itu, ibu tidak pernah mengeluh dalam membesarkan anak-anak walaupun terpaksa mengorbankan masa, tenaga, dan wang ringgit. Semua pengorbanan itu dilakukan semata-mata untuk melihat anak-anak hidup dalam kesenangan dan kebahagiaan.

Didikan seorang ibu mampu membentuk peribadi yang mulia serta menjadikan anak insan yang berguna kepada agama, bangsa, dan negara. Sifat sabar, tabah, dan akhlak mulia yang ditunjukkan oleh ibu menjadi contoh teladan yang baik untuk dicontohi oleh anak-anak. Sesungguhnya, ilmu dan didikan yang dicurahkan oleh ibu merupakan bekalan berharga sepanjang kehidupan kita. Sebagai anak, kita perlu menghargai jasa ibu dengan cara mentaati dan menghormatinya. Kita hendaklah sentiasa membahagiakan ibu, sama ada dengan tutur kata yang sopan, tingkah laku yang baik, mahupun dengan memberi bantuan ketika diperlukan. Selain itu, anak juga harus mendoakan kesejahteraan ibu serta membalas kasih sayangnya dengan kasih sayang yang sama. Dengan itu, barulah hidup kita diberkati dan dirahmati Allah.

Ibu adalah insan yang mulia dan tidak ternilai dalam kehidupan kita. Wajarlah kita menyanjung ibu sebagai ratu hidup kerana tanpa beliau, kita tidak akan berada di dunia ini. Keluarga akan menjadi lebih bahagia, masyarakat menjadi lebih harmoni, dan bangsa menjadi lebih mulia apabila kasih ibu dijunjung tinggi. Sebagai anak, menjadi tanggungjawab kita untuk menjaga, menghormati, dan menyayangi ibu sepanjang hayat. Sesungguhnya, kasih sayang seorang ibu adalah anugerah terindah yang tidak dapat digantikan oleh sesiapa pun. Kasih ibu bukan sekadar ungkapan cinta, tetapi adalah jalan menuju keredaan Allah. Dengan menghormati dan menyayangi ibu, seseorang anak sedang membuka pintu syurga buat dirinya. Maka, benarlah pepatah lama, “Kasih ibu membawa ke syurga.”

INOVASI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN: MEMBINA LANDASAN PENDIDIKAN MASA HADAPAN

Norizah Mohamed @ Haji Daud

Akademi Pengajian Islam dan Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka

Perubahan landskap global digerakkan oleh teknologi digital dan kecerdasan buatan menuntut sistem pendidikan melakukan anjakan paradigma yang lebih radikal. Pengajaran dan pembelajaran (P&P) tidak boleh lagi terikat dengan kerangka tradisional yang menekankan penguasaan fakta semata-mata sebaliknya perlu menumpukan kepada penghasilan graduan berfikir aras tinggi, berdaya cipta serta memiliki nilai kemanusiaan sejagat. Dalam konteks inilah inovasi dalam P&P menjadi instrumen strategik yang bukan sahaja memperkaya pengalaman pembelajaran tetapi juga memperkukuh keupayaan negara membina modal insan yang relevan dengan keperluan abad ke-21.

Inovasi pendidikan boleh difahami bukan sekadar memperkenalkan teknologi baru tetapi merangkumi usaha menyusun semula reka bentuk kurikulum, metodologi pengajaran dan strategi pentaksiran supaya selaras dengan aspirasi pembangunan insan. Penggunaan teknologi digital bukan lagi pilihan tetapi prasyarat. Integrasi platform pembelajaran maya, aplikasi kuiz interaktif, analitik pembelajaran serta kecerdasan buatan dalam bilik darjah telah memperluas kaedah penyampaian ilmu. Namun, inovasi tidak terbatas kepada aspek teknologi semata-mata. Kaedah pedagogi seperti pembelajaran berasaskan projek (*project-based learning*), pembelajaran berasaskan masalah (*problem-based learning*) dan pembelajaran servis komuniti (*service learning*) telah terbukti mampu membina kecekapan kognitif, afektif dan psikomotor pelajar secara lebih holistik. Melalui pendekatan ini, pelajar bukan sekadar menguasai teori tetapi turut berupaya menghubungkannya dengan realiti semasa. Tugas yang menuntut pelajar menghasilkan penyelesaian kepada isu masyarakat bukan sahaja mengasah keupayaan analitis mereka tetapi juga menanam nilai empati dan tanggungjawab sosial.

Elemen refleksi pula perlu diberi perhatian sebagai salah satu inovasi pedagogi yang sering dipandang ringan. Melalui jurnal pembelajaran, portfolio digital atau refleksi sendiri, pelajar berpeluang menilai tahap penguasaan dan mengenal pasti ruang penambahbaikan. Inilah asas kepada pembelajaran sepanjang hayat (*lifelong learning*) yang menjadi teras kepada kebolehpasaran graduan. Dalam dunia yang sarat dengan ketidakpastian, hanya mereka yang mampu menilai, menyesuaikan diri, dan memperbaharui kemahiran akan terus relevan. Teknologi tidak boleh dibiarkan mengasingkan manusia daripada nilai sebaliknya perlu dimanfaatkan sebagai wasilah untuk memperkaya kefahaman, meningkatkan interaksi dan meneguhkan akhlak. Pendidikan yang berinovasi tetapi tidak berpaksikan nilai akan melahirkan individu yang bijak tetapi tidak beradab. Sebaliknya, pendidikan yang menggabungkan inovasi dengan nilai kemanusiaan mampu melahirkan generasi yang seimbang dan berdaya tahan.

Impak inovasi ini amat signifikan. Pelajar yang terdedah kepada pendekatan inovatif akan memiliki literasi digital, kemahiran komunikasi dan keupayaan menyelesaikan masalah yang tinggi. Mereka juga lebih bersedia untuk bersaing dalam pasaran kerja global selain

mampu menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat. Pada masa yang sama, pendidik juga memperoleh manfaat kerana inovasi memaksa mereka keluar daripada zon selesa, memperbaharui kaedah penyampaian dan meningkatkan profesionalisme.

Kesimpulannya, inovasi dalam P&P bukan sekadar suatu pilihan tetapi satu keperluan strategik untuk memastikan pendidikan nasional kekal relevan, inklusif, dan berdaya saing. Agenda ini menuntut komitmen menyeluruh daripada semua pihak iaitu pendidik, pelajar, pentadbir dan pembuat dasar. Jika inovasi dilaksanakan dengan penuh kesedaran, berpaksikan nilai dan didorong oleh visi jangka panjang pendidikan negara bukan sahaja akan melahirkan generasi cemerlang dari segi akademik tetapi juga generasi yang mampu menjadi pemimpin berwawasan serta pembawa obor kemanusiaan sejagat.

KASIH SAYANG: CAHAYA PENYULUH KEJAYAAN

Siti Noraziana Binti Azis

Norlela Binti Abas

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka

Kasih sayang merupakan asas penting dalam pembentukan sahsiah dan kejayaan anak-anak. Ia bukan sahaja memberi kesan kepada perkembangan emosi dan rohani, malah turut mempengaruhi pencapaian akademik, sosial, serta masa depan mereka. Anak-anak yang membesar dalam suasana penuh kasih sayang akan lebih yakin diri, berdisiplin, dan bersemangat untuk mencapai kejayaan dalam hidup. Kasih sayang daripada ibu bapa menjadikan anak-anak berasa dihargai dan diterima. Apabila mereka yakin bahawa keluarga sentiasa menyokong, anak-anak akan berani mencuba perkara baharu tanpa rasa takut gagal. Keyakinan diri inilah yang menjadi kunci kepada pencapaian cemerlang dalam pelajaran dan kerjaya kelak.

Anak-anak yang menerima kasih sayang biasanya lebih bermotivasi untuk belajar. Sokongan berbentuk dorongan, pujian, dan perhatian mampu membuatkan mereka lebih tekun menghadapi cabaran akademik. Kejayaan tidak datang hanya daripada usaha keras, tetapi juga daripada semangat yang dibina melalui kasih sayang. Kasih sayang melatih anak-anak menguruskan perasaan dengan baik. Mereka belajar tentang empati, kesabaran, dan toleransi. Anak-anak yang stabil dari segi emosi lebih mudah bergaul dengan rakan-rakan dan guru, sekali gus mencipta suasana pembelajaran yang kondusif. Didikan yang berlandaskan kasih sayang membantu anak-anak memahami nilai moral seperti kejujuran, tanggungjawab, dan disiplin. Nilai-nilai murni ini amat penting kerana kejayaan sebenar bukan hanya diukur melalui kecemerlangan akademik, tetapi juga melalui ketinggian akhlak. Kasih sayang yang berterusan menjadikan keluarga sebagai tempat perlindungan yang selamat. Anak-anak akan lebih selesa berkongsi masalah dan mencari nasihat daripada ibu bapa. Hubungan yang erat ini menjamin perkembangan yang sihat dan menyumbang kepada kejayaan mereka di masa hadapan.

Kasih sayang adalah cahaya yang menerangi jalan menuju kejayaan. Dalam kehidupan, kasih sayang bukan hanya pengikat hubungan antara insan, tetapi juga menjadi sumber kekuatan dalam menghadapi cabaran. Dengan kasih sayang, lahirlah sikap tolong-menolong, hormat-menghormati, dan keikhlasan yang menjadikan dunia lebih damai serta bermakna. Kasih sayang adalah asas dalam membentuk anak-anak yang berjaya, bukan sahaja di dunia malah juga di akhirat. Anak yang dibesarkan dengan kasih sayang akan lebih bersemangat, berakhlak mulia, serta memiliki jati diri yang kukuh. Justeru, ibu bapa hendaklah sentiasa menzahirkan kasih sayang melalui perhatian, komunikasi yang baik, serta sokongan berterusan demi kejayaan anak-anak pada masa hadapan. Marilah kita memupuk kasih sayang dalam diri, keluarga, dan masyarakat, kerana daripada kasih sayanglah lahir kebahagiaan sejati dan kejayaan yang hakiki.

ADAKAH INI SATU KECUAIAN ATAU SIKAP SAMBIL LEWA?

¹Zainab Hj Mohd Zain, ²Sapiyan Kandong, ³Nor Adina Abd Kadir, ⁴Shareenie Shera Abd Hamid, ⁵Mohd Isham Abidin, ⁶Rahayu Mohd Sehat

¹Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Melaka

²Kolej Matrikulasi Melaka, Kementerian Pendidikan Malaysia

³Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka

⁴Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, UiTM Cawangan Melaka

⁵Fakulti Pengurusan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka

⁶Fakulti Perakaunan, UiTM Cawangan Melaka

Sepanjang saya menjaga peperiksaan inilah kali pertama saya bertemu dgn kes sebegini. Kes ini saya fikir sangat jarang berlaku. Tidak terfikir pelajar boleh menjadi begitu cuai atau pelupa? Atau sebenarnya mempunyai sikap tidak peduli? Pagi itu bertempat di Dewan Taming Sari kapasiti pelajar hampir 90 peratus penuh. Kami pengawas peperiksaan dibahagikan kepada kelas-kelas yang berasingan. Pelbagai ragam pelajar yang masuk ke dewan pagi itu. Ada yang nampak bersemangat dan ada yang kelihatan berdebar. Ada juga riak wajah yg tiada menunjukkan perasaan. Di antara ramai-ramai itu, ada beberapa orang pelajar yang tiba lewat dan kelihatan bergegas mencari tempat duduk. Salah seorang pelajar yang tiba lewat itu terus duduk dan menulis nama pada slip kehadiran. Setelah beberapa ketika, dia mengangkat tangan dan memberitahu pengawas peperiksaan yang dia telah duduk di meja dan kerusi yang salah. Pelajar ini terus bertukar ke meja yang sepatutnya iaitu beberapa meja di hadapannya.

Masa terus berlalu. Seorang demi seorang pelajar mengangkat tangan, kertas jawapan dikutip oleh pengawas peperiksaan dan bangun untuk keluar dewan. Jam tepat menunjukkan jam 11.00 pagi, hampir semua calon telah selesai menulis jawapan mereka di dalam skrip jawapan yang disediakan. Sebahagian calon telah pun meninggalkan dewan peperiksaan lebih awal 30 minit sebelum tamat waktu peperiksaan. Pengawas bertugas menjalankan tugas mengutip semua skrip jawapan yang diletakkan di atas meja para calon.

Seorang pengawas yang bertugas cemas dan terkejut melihat kepada satu skrip jawapan yang tiada bernama, no kad matrik mahupun nombor meja. Aduh! Bala apakah ini? Persoalan terus menerebus di dalam kepala semua pengawas dan ketua pengawas. Jawapan telah ditulis dalam skrip jawapan tetapi tiada info yang ditulis dibahagian muka hadapan skrip jawapan. Bagaimana hendak dicari pemilik skrip jawapan ini? Siapa yang pernah mempunyai pengalaman seperti ini? Hmmmmm. Kenapa kes terpencil ini perlu berlaku ketika aku yang menjadi pengawas peperiksaan kali ini. Ya Allah, bantulah hamba mu yang lemah ini untuk mencari pemilik skrip jawapan tidak bernama ini. Setelah berbincang dengan pengawas bertugas yang mengawas di barisan meja bagi calon istimewa tersebut, kami berjaya selesaikan masalah ini. Syukur, berkat kerjasama pengawas peperiksaan yang prihatin, kami berjaya mengenal pasti calon bertuah tersebut. Kami membandingkan tulisan tangan dan pen yang ditulis dalam skrip jawapan

dengan setiap satu skrip kehadiran yang telah diisi oleh calon pada hari tersebut. Alhamdulillah, kami berjaya menjumpainya.

Pengawas bertugas mungkin tidak perasan telah mengutip skrip jawapan yang telah ditinggalkan oleh pelajar di atas meja. Calon peperiksaan pula mungkin cemas, gelisah dan hilang tumpuan ketika menjawab soalan yang sukar. Ataupun, calon masuk lewat hingga kelam kabut semasa menjawab soalan yang diberikan. Akibat mengejar masa yang suntuk, calon terus menjawab soalan yang diberikan dan merancang menulis info peribadi selepas selesai menjawab soalan akan tetapi terus lupa untuk mengisi butiran peribadi di muka hadapan kertas jawapan tersebut. Mungkin. Apapun yang berlaku, setiap pelajar perlu ada rasa tanggungjawab dan seharusnya menyemak semula kertas jawapan sebelum melangkah keluar dari dewan peperiksaan. Tindakan ini akan menentukan masa depan mereka sendiri. Kecuaian atau sikap sambil lewa ini tidak seharusnya berlaku pada mahasiswa dan mahasiswi di sebuah universiti. Waalahualam.

KEPENTINGAN KEMAHIRAN MENAIP DALAM ERA DIGITAL

Syahrina Hayati Md Jani

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA /

Center for Islamic Philanthropy and Social Finance (CIPSF)

Pengenalan

Dalam era mesin taip beberapa dekad lalu, kemahiran menaip dianggap sebagai satu kepakaran yang hanya dimiliki oleh setiausaha, pembantu peribadi, kerani, atau jurutaip profesional. Namun, apabila komputer dan telefon pintar mengambil alih fungsi tradisional itu, ramai yang beranggapan bahawa kemahiran menaip tidak lagi penting. Lebih-lebih lagi dengan kemunculan teknologi seperti *autocorrect*, perisian kecerdasan buatan (AI), dan *voice typing*. Hakikatnya, kemahiran menaip bukan sahaja masih relevan, malah semakin penting dalam dunia kerja dan pendidikan hari ini.

Mengapa Kemahiran Menaip Masih Penting?

Walaupun teknologi semakin canggih dengan adanya kecerdasan buatan (AI) dan sistem automasi, kemahiran menaip masih memainkan peranan yang besar dalam kehidupan akademik dan profesional. Antara sebab utama ia kekal relevan ialah dari segi **produktiviti dan kelajuan**. Menaip pantas dan tepat memberi kelebihan besar dalam menyelesaikan tugas, sama ada menyiapkan laporan, menulis e-mel rasmi, ataupun menyediakan kertas kerja. Kelajuan menaip mampu menjimatkan masa dan meningkatkan produktiviti kerja seseorang.

Selain itu, kemahiran menaip juga penting kerana ia memastikan **ketepatan dan profesionalisme** dalam penyediaan dokumen. Dokumen rasmi perlu disediakan dengan format yang kemas, konsisten, dan bebas daripada kesalahan ejaan. Oleh itu, kecekapan menaip membolehkan seseorang menghasilkan dokumen yang rapi dan mencerminkan imej profesional organisasi. Dari sudut **persediaan kerjaya** pula, kemahiran menaip memberikan kelebihan kompetitif. Bagi sesetengah jawatan pentadbiran, ujian menaip masih dijalankan semasa proses pemilihan calon. Justeru, individu yang menguasai kemahiran ini lebih bersedia dan mempunyai nilai tambah berbanding calon lain, sekaligus meningkatkan peluang mereka dalam pasaran kerja.

Akhir sekali, kemahiran menaip merupakan **asas kepada penguasaan kemahiran digital** yang lebih luas. Apabila seseorang sudah mahir menaip, mereka lebih mudah menguasai perisian pejabat seperti *Microsoft Word*, *Excel*, dan *PowerPoint*. Hal ini membolehkan mereka menumpukan perhatian kepada kandungan tugas atau analisis, tanpa terganggu dengan kesukaran mencari huruf pada papan kekunci.

Kemahiran Menaip dalam Konteks Pendidikan UiTM

UiTM merupakan antara institusi pengajian tinggi yang masih mengekalkan kursus berkaitan kemahiran menaip melalui kursus *Introduction to Document Processing* dan *Document Processing Competencies* dalam program Diploma Pengurusan Teknologi Pejabat (BA132). Ini merupakan satu usaha strategik untuk memastikan graduan UiTM kekal berdaya saing dan relevan dengan kehendak industri. Kemahiran menaip tidak hanya tertumpu kepada aspek kelajuan sebaliknya pelajar dilatih menggunakan teknik

touch typing, iaitu menaip tanpa perlu melihat papan kekunci. Kaedah ini melatih mereka membina memori otot (*muscle memory*) sehingga dapat menaip dengan lebih pantas, tepat, dan konsisten. Latihan berterusan juga membantu meningkatkan tahap produktiviti pelajar dalam menyiapkan tugas akademik, laporan, atau penulisan formal. Tambahan pula, kursus-kursus ini memberi penekanan kepada pemprosesan dokumen profesional. Pelajar bukan sahaja belajar menaip, malah mereka didedahkan dengan kaedah penyediaan dokumen rasmi organisasi seperti surat, memo, laporan ringkas, notis dan agenda mesyuarat, minit mesyuarat serta dokumen-dokumen asas yang berkaitan. Semua dokumen ini diajar mengikut format korporat yang digunakan dalam industri sebenar. Justeru itu, mereka bukan sekadar menaip dengan kepantasan dan ketepatan, tetapi berkebolehan menghasilkan dokumen yang kemas, rapi, dan mematuhi etika profesional.

Seterusnya, nilai disiplin dan ketelitian turut diberikan penekanan. Menaip dengan tepat memerlukan fokus, kesabaran, dan kesedaran terhadap kesilapan kecil yang boleh menjejaskan kualiti dokumen. Oleh itu, nilai ini penting untuk membentuk graduan yang bukan sahaja cekap dari segi teknikal, tetapi juga teliti dan beretika dalam tugas mereka. Selain itu, kemahiran menaip menjadi asas kepada penguasaan teknologi pejabat moden. Dengan asas *keyboarding* yang kukuh, pelajar lebih mudah menguasai aplikasi pejabat seperti *Microsoft Word*, *Excel*, *PowerPoint*, serta perisian kolaboratif berasaskan awan (*cloud-based tools*) seperti *Google Workspace*. Hal ini membolehkan mereka bersedia menghadapi dunia pekerjaan yang menuntut kecekapan digital.

Contoh praktikal, para pelajar yang menjalani Latihan Industri (LI) melaporkan bahawa kemahiran menaip sangat membantu tugas harian mereka. Ada yang ditempatkan di bahagian sumber manusia dan perlu menyediakan surat tawaran kerja serta laporan bulanan dalam waktu yang singkat. Ada juga yang ditempatkan di firma swasta dan diminta menyediakan minit mesyuarat atau jadual projek menggunakan format rasmi organisasi. Situasi seperti ini membuktikan bahawa kemahiran menaip yang dipelajari sejak semester awal bukan sekadar teori, tetapi benar-benar digunakan dalam dunia pekerjaan sebenar. Kemahiran menaip bukan sekadar kemahiran teknikal asas, tetapi sebagai satu elemen penting dalam membina kecekapan digital, profesionalisme, dan daya saing graduan. Melalui kursus yang ditawarkan, pelajar tidak akan ketinggalan dalam memastikan pengetahuan, kemahiran dan kebolehan adalah seiring dengan keperluan teknologi semasa.

Cabaran

Generasi muda yang membesar dengan telefon pintar beranggapan mereka sudah cukup cekap menaip. Namun, menaip di papan kekunci komputer memerlukan teknik yang berbeza, terutama untuk tugas akademik dan dokumen rasmi. Selain itu, kebergantungan kepada teknologi seperti AI atau *voice typing* boleh menyebabkan kelemahan dari segi ketepatan bahasa dan kawalan format dokumen. Manakala, salah faham bahawa kemahiran menaip tidak lagi kritikal menyebabkan sesetengah pelajar kurang memberi perhatian kepada aspek ini.

Untuk menjadikan kemahiran menaip lebih menarik dan sesuai dengan keperluan masa kini, beberapa usaha boleh dipertimbangkan. Antaranya ialah mengintegrasikan latihan

menaip dengan perisian pejabat moden seperti *Google Workspace* dan *Microsoft 365*, serta menambah elemen penyuntingan dokumen digital agar pelajar bukan sahaja mahir menaip, tetapi juga cekap menyusun kandungan. Selain itu, teknologi AI boleh digunakan sebagai alat sokongan tanpa mengabaikan asas kemahiran manual. Bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih santai dan menyeronokkan, pertandingan menaip di peringkat program atau fakulti juga boleh dianjurkan bagi menggalakkan penguasaan kemahiran ini secara lebih kreatif dan berkesan.

Kesimpulan

Kemahiran menaip bukanlah sekadar warisan era mesin taip, sebaliknya ia adalah asas yang menyokong produktiviti, profesionalisme, dan daya saing dalam kerjaya. Dalam dunia digital, keupayaan menaip dengan pantas dan tepat memberikan kelebihan yang ketara kepada pelajar dan graduan. UiTM, melalui kursus berkaitan, memainkan peranan penting dalam memastikan pelajar menguasai kemahiran ini, sekaligus melahirkan tenaga kerja yang cekap, berdisiplin, dan bersedia menghadapi cabaran industri.

**MAJLIS SERAHAN SUMBANGAN BAKUL KASIH RAMADAN 1446H/ 2025: KE
ARAH MELESTARIKAN SEMANGAT KECAKNAAN BERSAMA KOMUNITI**

Mohd Ab Malek bin Md Shah

Jabatan Undang-Undang, UiTM Cawangan Melaka

MERLIMAU, 20 Mac 2025 – Program khidmat masyarakat “Bakul Kasih Ramadan 1446H/2025” anjuran Jabatan Undang-Undang (JUU), UiTM Cawangan Melaka diteruskan buat tahun kedua dengan penuh makna apabila berlangsungnya Majlis Serahan Sumbangan di Sekolah Kebangsaan Datuk Haji Baginda, Merlimau.

Majlis ini telah disempurnakan oleh Koordinator JUU, Encik Mohd Ab Malek bin Md Shah, menerusi serahan sumbangan kepada seramai 10 orang murid Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) sekolah berkenaan.

Sebanyak tiga sesi penyerahan telah diadakan merangkumi serahan Bakul Kasih Ramadan dan duit raya kepada penerima, sumbangan peribadi 60 buah surah Yaasin berserta terjemahan, serta enam buah buku puisi kepada pihak sekolah.

Majlis turut diserikan dengan ucapan ringkas daripada Guru Besar SK Datuk Haji Baginda, Puan Jamaliah binti Abu Bakar serta Koordinator JUU, Encik Mohd Ab Malek bin Md Shah. Kedua-dua pihak turut mengambil kesempatan mengadakan sesi sumbangan berkaitan cadangan program kolaboratif yang dirancang pada masa hadapan. Majlis diakhiri dengan sesi pertukaran cenderahati sebagai tanda penghargaan antara kedua – dua belah pihak.

Menurut En. Malek, program ini merupakan inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang bertujuan menyemai semangat kebersamaan dan kepedulian masyarakat, khususnya dalam bulan Ramadan yang penuh keberkatan. Ia juga diharapkan menjadi langkah memperkukuh hubungan strategik antara institusi pengajian tinggi dan komuniti setempat.

Turut hadir memeriahkan majlis ialah barisan pensyarah JUU, UiTM Cawangan Melaka serta warga sekolah yang terlibat secara langsung dalam menjayakan program tersebut.

En. Malek amat berharap agar jalinan kerjasama erat antara UiTM Cawangan Melaka dan SK Datuk Haji Baginda dapat diteruskan lagi pada masa akan datang demi manfaat bersama.

PELANCONGAN LUAR BANDAR DAN ASEAN 2025: DARI CERITA KOMUNITI KE AGENDA DASAR

¹Nadiah Mahmad Nasir, ²Saida Farhanah Sarkam

¹Fakulti Perniagaan dan Komunikasi, UniMAP

²Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka

Malaysia selaku Pengerusi ASEAN 2025 mengorak langkah proaktif untuk memacu sektor pelancongan luar bandar serantau dengan menekankan keperluan membina masa depan rantau yang lebih inklusif, mampan dan berkeadilan.

Tumpuan tidak lagi hanya kepada bandar-bandar besar atau destinasi pelancongan arus perdana, tetapi turut dirangka untuk mengangkat permata tersembunyi luar bandar. Antara contohnya termasuk kampung tradisi, komuniti pertanian, dan kawasan yang kaya warisan tempatan.

Pelancongan luar bandar bukan sekadar mengetengahkan keindahan alam atau ketenangan desa, tetapi membuka ruang untuk pelancong merasai kehidupan sebenar masyarakat, memahami adat resam, dan menghargai nilai-nilai budaya serta warisan yang diwarisi turun-temurun. Aktiviti seperti penginapan homestay, lawatan ke kebun, bengkel kraf dan penyediaan makanan tradisional dijangka terus diperkasa sebagai daya tarikan utama.

Komitmen Perdana Menteri

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan bahawa ASEAN 2025 menjadi peluang penting untuk membawa suara rakyat desa ke hadapan. Beliau berkata:

“Malaysia tidak mahu sekadar menjadi pemudah cara. Kita mahu memimpin perubahan. Kita akan membawa suara desa ke meja perundingan, kerana kekuatan ASEAN tidak hanya terletak di bandar-bandar besar, tetapi juga dalam komuniti akar umbi yang kaya dengan nilai dan semangat juang.”

– Dato’ Seri Anwar Ibrahim, Bernama, 17 Mei 2024

Beliau turut menyifatkan Sidang Kemuncak ASEAN ke-46 yang berlangsung di Kuala Lumpur sebagai antara yang paling berjaya dalam sejarah ASEAN, apabila Malaysia menjadi pemangkin pertemuan tiga benua besar dalam usaha menyemarakkan ekonomi serantau termasuklah negara-negara anggota ASEAN, negara China dan Majlis Kerjasama Teluk (GCC).

Perlu Dasar Pelancongan Lestari

Bagi menjamin pelancongan luar bandar berkembang secara mampan, Malaysia mencadangkan supaya ASEAN mewujudkan sistem pensijilan komuniti serantau yang menilai kualiti pengalaman pelancong, keaslian budaya dan pematuhan terhadap prinsip kelestarian.

Pelaksanaan dasar ini menuntut kepada kerangka sokongan menyeluruh meliputi pembangunan dasar mesra komuniti, akses pembiayaan mikro, program latihan keusahawanan dan penerapan teknologi sesuai yang mesra pengguna serta mudah diadaptasi oleh masyarakat tempatan.

Teknologi Sesuai dan Peranan Belia

Pendekatan teknologi tepat-guna (*appropriate technology*) perlu diarusperdanakan melalui pembangunan sistem tempahan dalam talian, e-dagang produk tempatan, dan aplikasi maklumat pelancongan. Teknologi ini bukan sahaja tidak membebankan komuniti, bahkan membolehkan mereka memiliki serta menguasainya secara lestari.

Golongan belia tidak terkecuali. Dengan kecenderungan tinggi kepada digital dan media sosial, belia luar bandar dilihat sebagai ejen perubahan yang mampu mempromosikan destinasi melalui vlog, kandungan kreatif dan pelantar digital. Kerajaan digesa memperluas latihan serta menyediakan dana mikro bagi memperkasakan peranan mereka dalam ekosistem ini.

Malaysia Tunjangi Agenda Rantau

Malaysia bercadang memperkenalkan pelan tindakan ASEAN yang merangkumi pembangunan keupayaan komuniti, jaringan serantau, inovasi sosial, keusahawanan wanita dan pelestarian budaya. Ini selaras dengan visi Kepengerusian ASEAN 2025 yang bertemakan “Keterangkuman dan Kemampanan”.

Matlamat akhirnya adalah untuk mengangkat komuniti sebagai rakan kongsi strategik dalam pembangunan pelancongan serantau yang bukan sekadar penerima manfaat pasif sahaja. Apabila pelancongan dikembangkan bersama komuniti, peningkatan pendapatan akan turut disertai penghargaan terhadap jati diri, budaya dan persekitaran.

Pelancongan luar bandar berasaskan nilai, pengalaman dan hubungan manusia merupakan kunci kepada ASEAN sebagai destinasi dunia yang bukan hanya menawarkan pelancongan, tetapi membina tamadun berteraskan kekuatan rakyat.

PEMBENTUKAN IMEJ PROFESSIONAL DAN PENAMPILAN DIRI DALAM PROGRAM 'PROFESSIONALISE YOUR FUTURE'

Noordiana Binti Sukur

Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, UiTM Cawangan Melaka

Pada 13 Disember 2024, BA240 5B telah menganjurkan satu program yang bertemakan penampilan diri dan imej professional - *Professionalise Your Future* bertempat di Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Kampus Bandaraya Melaka. Program ini diadakan bagi memenuhi keperluan kursus HTH558 *Professional Etiquette for Hoteliers* yang mewajibkan para pelajar menganjurkan seminar yang berkaitan dengan salah satu daripada skop kursus tersebut, antaranya; pengurusan sumber manusia, pembangunan peribadi, penampilan diri dan imej profesional, serta tata tertib, adab dan sopan santun. Pihak penganjur telah menjemput Cik Noor Liyana Noor Hariri dari Yana Liyana Agency, seorang konsultan dan perunding imej yang berpengalaman bagi menyampaikan ceramah dan juga mengadakan demonstrasi kepada para peserta yang terdiri daripada para pelajar UiTM KBM Kampus Bandaraya.

Program dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Ketua Projek Shaibatul Hamdi Mohd Nazridi. Seterusnya penceramah memulakan sesi dengan memperkenalkan diri sebelum menyampaikan ceramah yang berkaitan dengan topik penampilan diri dan imej professional. Dalam sesi pertama, beliau menerangkan tentang cara dan bagaimana seseorang mempresentasikan diri secara visual melalui penampilan diri, bahasa tubuh, cara berkomunikasi, dan tingkah laku. Antara aspek berkaitan adalah; kebersihan dan kekemasan, pemilihan pakaian, gaya berpakaian yang sesuai, tanggapan pertama dan bahasa tubuh. Selain itu, dalam konteks imej professional, adalah penting seseorang individu membina sesuatu persepsi dan reputasi yang baik hasil daripada penampilan, sikap, komunikasi dan etika berpakaian di tempat kerja. Pada sesi kedua pula, penceramah menjalankan aktiviti dalam kumpulan yang memerlukan para pelajar menilai dan memahami diri sebelum menentukan jenis imej dan penampilan yang bersesuaian dengan karakter dan personaliti diri. Antara yang menarik dalam sesi ini, peserta belajar mengenal jenis jenis personaliti berdasarkan pemilihan dan gaya berpakaian, antaranya; personaliti klasik, kreatif, santai, dramatik, romantik dan banyak lagi. Seterusnya, sesi soal jawab diadakan bagi menggalakkan interaksi dua hala diantara penceramah serta peserta program. Majlis ditutup dengan ucapan dan penyampaian penghargaan kepada penceramah jemputan Cik Noor Liyana Noor Hariri oleh Penasihat Program, Puan Noordiana Sukur.

Usai program berakhir, pihak penganjur menjalankan tinjauan bagi mendapatkan maklumbalas peserta dan penganjur program. Secara keseluruhan, maklumbalas mendapati program seumpama ini dapat membantu memupuk kemahiran insaniah di kalangan para pelajar dalam aspek peningkatan kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, etika dan moral professional, serta kemahiran kepimpinan.



KP Shaibatul Hamdi Mohd Nazridi sedang menyampaikan ucapan alu-aluan kepada barisan jemputan dan para peserta



Sesi ceramah dan interaksi bersama para peserta program



Para peserta melakukan aktiviti dalam kumpulan

PENDIDIK DALAM JARINGAN: ANTARA ALGORITMA DAN JIWA

Nur Elimtiaz Bin Abidin

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka

"Kita tidak lagi mengajar manusia, kita membentuk kesedaran dalam jaringan yang lebih besar daripada kita sendiri."

Di ruang kuliah yang sunyi, hanya gema suara dan cahaya skrin menjadi saksi. Tiada lagi wajah-wajah yang mengangguk, tiada lagi tangan yang terangkat. Yang tinggal hanyalah ikon kecil; nama tanpa tubuh, suara tanpa gema. Namun di sebalik itu, wujud satu jaringan yang lebih besar, lebih senyap, dan lebih kompleks daripada mana-mana kelas yang pernah dikenal.

Pelajar hari ini bukan sekadar penerima ilmu. Mereka adalah nod dalam sistem global; tersambung kepada maklumat, budaya, dan sejarah yang sedang ditulis semula oleh algoritma dan kecerdasan buatan. Maka, peranan pendidik bukan lagi sebagai penyampai, tetapi sebagai penjaga makna; penyaring antara kebisingan dan kebijaksanaan.

*"Bukan sekadar slide dan nota di layar,
Tapi nyala jiwa yang tak pernah pudar,
Ilmu bukan barang, tapi cahaya yang liar,
Menyuluh gelita, membakar sabar."*

Menjadi pendidik hari ini adalah menjadi jurubahasa antara dua dunia; dunia analog yang penuh sentuhan dan dunia digital yang penuh kemungkinan. Ia menuntut keupayaan untuk mendengar bukan hanya kepada suara, tetapi kepada diam. Kepada apa yang tidak ditanya. Kepada apa yang dicari tanpa sedar.

Dalam dunia pascadigital, keikhlasan menjadi kompas. Pelajar masih dapat merasai kejujuran dalam suara, semangat dalam nota, dan kasih dalam teguran. Teknologi mempercepatkan proses, tetapi hanya manusia menyentuh hati.

*"Dalam dunia maya, suara jadi gema,
Tapi nilai sejati tetap datang dari jiwa,
Bukan sekadar klik, bukan hanya skema,
Tapi sentuhan hati yang hidupkan semesta."*

Pendidikan kini bukan lagi tentang siapa yang tahu lebih banyak, tetapi siapa yang berani bertanya lebih dalam. Dalam dunia yang semakin maya, soalan yang baik lebih berharga daripada jawapan yang segera. Dan dalam setiap soalan yang jujur, masih ada ruang untuk harapan; bahawa ilmu, meskipun dibungkus dalam kod dan piksel, tetap berdenyut sebagai nadi kemanusiaan.

JANJI KITA MEMBINA ANAK BANGSA

Mohamad Shafiei Ayub

Nor Adina Abdul Kadir

Akademi Pengajian Islam dan Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka

Dalam dunia hari ini, anak bangsa berhadapan dengan cabaran baharu yang jauh berbeza daripada generasi terdahulu. Pengaruh media sosial yang tidak terkawal, keciciran pendidikan akibat jurang digital serta gejala sosial seperti hedonisme dan keruntuhan akhlak semakin membimbangkan. Jika tidak dibimbing dengan acuan agama dan budaya yang kukuh, mereka mudah hanyut dalam arus globalisasi tanpa jati diri. Justeru, janji kita membina anak bangsa bukan lagi pilihan, tetapi satu keperluan mendesak untuk memastikan generasi muda tidak kehilangan arah dalam dunia moden yang serba mencabar.

Permulaan yang Suci

Membina anak bangsa adalah satu janji yang menyentuh relung jiwa terdalam janji yang terukir di hati setiap insan yang beriman. Janji ini bukan sekadar kata-kata yang terucap di bibir, tetapi sumpah sakti yang mengikat sanubari kita kepada masa depan yang gemilang. Di atas bahu kecil generasi inilah terletak harapan negara dan kemuliaan agama, seperti bintang-bintang yang menanti fajar untuk bersinar.

Anak-anak yang lahir pada hari ini ibarat kanvas putih yang menanti sentuhan pelukis ulung. Mereka adalah kertas kosong yang menunggu tinta emas untuk menulis sejarah. Dalam kepolosannya, mereka menyimpan sejuta kemungkinan bakal menjadi ulama yang arif, pemimpin yang bijaksana atau insan yang soleh. Namun semuanya bergantung pada sentuhan lembut tangan ibu bapa, bimbingan guru yang ikhlas, sokongan masyarakat yang prihatin dan kepimpinan yang berwawasan.

Firman Allah SWT penuh hikmah mengingatkan kita yang bermaksud: *"Dan hendaklah kamu takut kepada Allah, orang-orang yang seandainya meninggalkan di belakang mereka anak-anak yang lemah, yang mereka khawatirkan terhadap (kesejahteraan) mereka. Oleh itu, hendaklah mereka bertakwa kepada Allah dan hendaklah mereka berbicara dengan perkataan yang benar."* (Surah al-Nisa', 4:9).

Ayat suci ini seperti loceng amaran yang bergema di dada kita jika kita alpa dan lalai, maka kita akan mewariskan generasi yang rapuh, bukan sahaja jasadnya, tetapi juga ruhnya, akalnya dan akhlaknya.

Fitrah Suci dan Tanah Liat Kehidupan

Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud: *"Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah. Maka kedua orang tuanyalah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi."* (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Hadis mulia ini bagaikan cermin yang memantulkan hakikat anak-anak adalah tanah liat suci yang menanti tangan ahli tembikar untuk dibentuk menjadi tempayan yang indah.

Di sinilah kebijaksanaan nenek moyang kita terpancar melalui pepatah emas: *"Melentur buluh biarlah dari rebungunya."* Kata-kata ini bukan sekadar peribahasa, tetapi falsafah hidup yang mendalam. Jika benih yang ditanam itu dipupuk dengan kasih sayang, disiram dengan air ilmu yang jernih, dan dilindungi payung doa yang berkah, maka jadilah ia pokok yang rindang, tempat berteduh bagi sekalian makhluk. Namun jika rebung dibiarkan tumbuh sesuka hati tanpa bimbingan, kelak buluhnya akan bengkok dan tidak mampu berdiri tegak menghadapi ribut kehidupan.

Keseimbangan Ilmu dan Adab

Janji kita yang paling utama ialah memastikan pendidikan anak bangsa berdiri di atas tiang seri yang kukuh keseimbangan antara ilmu dan adab. Ilmu adalah pelita yang menerangi kegelapan jiwa, tetapi tanpa adab sebagai penjaganya, pelita itu boleh bertukar menjadi api yang membakar habis segala-galanya. Para ulama bijak pernah mengingatkan: *"Ilmu tanpa adab ibarat pedang di tangan kanak-kanak berbahaya dan merbahaya."*

Pendidikan sejati bukanlah sekadar melahirkan anak-anak yang cemerlang dalam peperiksaan, yang hafal rumus matematik atau formula sains. Yang kita idamkan ialah insan yang mengenal Penciptanya dengan segenap jiwa, yang menghormati ibu bapa seperti menghormati permata, yang mengasihi sesama manusia seperti mengasihi diri sendiri dan yang menjaga alam ini seperti menjaga pusaka nenek moyang.

Inilah makna mendalam di sebalik ayat pertama yang diturunkan dari langit: Firman Allah SWT yang bermaksud: *"Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang menciptakan."* (Surah al-'Alaq, 96:1).

Membaca di sini bukanlah sekadar menguasai abjad, tetapi membaca dengan mata hati yang terbuka, dengan kesedaran bahawa setiap huruf adalah tangga menuju cahaya Ilahi.

Acuan Emas untuk Generasi Permata

Pepatah lama berkata: *"Bagaimana acuan, begitulah kuihnya."* Anak-anak bangsa adalah hasil seni daripada acuan yang dibentuk oleh tangan-tangan yang penuh kasih keluarga yang hangat, sekolah yang bermakna dan masyarakat yang bertanggungjawab. Jika acuan itu retak dan cacat, mustahil kuih yang dihasilkan akan sempurna. Maka janji kita ialah menyediakan acuan yang berkilau seperti emas, kukuh dengan tiang agama, hiasan dengan budaya yang mulia dan teguh dengan semangat cinta tanah air. Mari kita hayati pantun warisan yang penuh makna:

*Bunga melati harum di taman,
Wanginya terbang ke seantero;
Anak dididik dengan keimanan,
Bangsa terangkat martabatnya jua.*

Tanggungjawab Bersama yang Mulia

Membina anak bangsa bukanlah tugas yang boleh diserahkan kepada satu pihak sahaja. Ia adalah amanah bersama yang menuntut kerjasama semua lapisan masyarakat. Ibu bapa memulakan ukiran di rumah dengan kasih sayang yang tak terhingga, guru meneruskannya di sekolah dengan dedikasi yang murni, masyarakat mengukuhkannya dengan teladan yang baik, manakala pemimpin melengkapkannya dengan dasar yang adil dan berpandangan jauh.

Jika salah satu mata rantai ini putus, maka pembangunan anak bangsa akan terpinchang-pincang. Peribahasa nenek moyang mengingatkan: *"Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh."* Maka janji kita ialah untuk bersatu hati dalam misi suci ini, tiada yang berpaling tadah dari tanggungjawab yang diamanahkan.

Perumpamaan Kapal dan Kehidupan

Rasulullah SAW pernah memberikan perumpamaan yang begitu mendalam tentang kehidupan bersama yang bermaksud: *"Sesungguhnya perumpamaan orang yang teguh berpegang kepada batas-batas Allah dan orang yang melanggarnya adalah seperti satu kaum yang menaiki sebuah kapal. Sebahagian mereka berada di atas dan sebahagian lagi berada di bawah. Maka apabila orang yang di bawah hendak mengambil air, mereka berkata: 'Sekiranya kita tebuk di bahagian kita ini lubang untuk mengambil air, nescaya kita tidak akan mengganggu orang yang berada di atas.' Jika orang yang di atas membiarkan mereka, nescaya semuanya akan binasa. Tetapi jika mereka menahan tangan mereka, nescaya mereka semua akan selamat."* (Riwayatkan al-Bukhari)

Hadis ini melukiskan hakikat masyarakat yang saling bergantung antara satu sama lain. Jika generasi muda dibiarkan menebuk lubang kemaksiatan di bahagian bawah kapal kehidupan, maka seluruh bangsa akan tenggelam dalam lautan kehinaan. Tetapi jika kita semua berganding bahu membimbing mereka ke jalan yang benar, maka keselamatan dan kemuliaan seluruh umat akan terpelihara.

Melawan Arus Materialisme

Janji kita juga adalah janji untuk tidak membiarkan anak bangsa hanyut dalam arus deras materialisme yang merosakkan jiwa. Kita mahukan mereka membesar dengan jiwa yang merdeka seperti burung di angkasa, akal yang tajam seperti pedang berkilat, hati yang lembut seperti embun pagi dan tangan yang sudi menghulur bantuan kepada yang memerlukan.

Kita tidak mahu melihat mereka menjadi manusia robot yang kehilangan jati diri, mudah diombang-ambingkan oleh budaya asing yang meracuni pemikiran. Sebaliknya, kita mahu melihat anak bangsa menjadi insan kamil insan yang seimbang antara akal dan hati, antara dunia dan akhirat, seperti bulan purnama yang menerangi malam.

Allah SWT berfirman dengan tegas yang bermaksud: *"Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah dirimu dan keluargamu daripada api neraka."* (Surah al-Tahrim, 66:6).

Ayat ini adalah peringatan emas bahawa tanggungjawab membina anak bangsa bukan sekadar untuk kehidupan sementara di dunia, tetapi juga untuk kehidupan yang kekal di akhirat.

Penutup yang Mengharukan

Biarlah pantun penutup ini mengalir dari hati ke hati:

*Jika roboh istana Melaka,
Papan di Jawa kita dirikan;
Hilang bangsa tiada berguna,
Anak dibina maruah ditinggikan.*

Inilah janji kita membina anak bangsa janji yang lahir dari lubuk hati yang terdalam, janji yang menuntut pengorbanan yang ikhlas, janji yang akan diwariskan dari generasi ke generasi seperti pelita yang tidak pernah padam.

Jika janji suci ini kita tepati dengan sepenuh jiwa, maka insya-Allah anak bangsa akan menjadi generasi emas yang teguh imannya seperti gunung yang tidak berganjak, luhur pekertinya seperti permata yang berkilauan, tajam akalnya seperti anak panah yang tepat sasaran dan mulia budi pekertinya seperti raja yang adil.

Mereka akan menjadi kebanggaan negara yang membanggakan, cahaya masyarakat yang menerangi dan umat pilihan yang dimuliakan Allah. Tetapi jika janji ini kita khianati, maka anak bangsa akan menjadi generasi yang lemah seperti rumput di padang, hilang maruah seperti emas yang berkarat dan tidak lagi dikenang di persada dunia.

Maka marilah kita perbaharui tekad dengan penuh semangat, bahawa janji membina anak bangsa ini adalah janji hidup yang tidak akan pernah pudar dari sanubari, janji yang tidak akan pernah kita khianati hingga nafas terakhir di dada.

Oleh itu, marilah kita jadikan janji ini bukan sekadar retorik, tetapi sebuah tindakan kolektif. Ibu bapa perlu menanam benih iman di rumah, guru memperkasa pendidikan berteraskan nilai, masyarakat menyediakan persekitaran yang sihat dan pemimpin menggubal dasar yang benar-benar membela generasi muda. Jika setiap lapisan berganding bahu, insya-Allah anak bangsa kita akan lahir sebagai generasi emas yang bukan sahaja berjaya di dunia, tetapi juga mulia di sisi Allah. Inilah janji suci yang harus

kita tepati, agar bangsa ini terus teguh berdiri di persada dunia dengan maruah yang tidak tergugat.

Wallahu a'lam bissawab.

PERCUTIAN SEBAGAI TERAPI DIRI

Siti Noraziana Binti Azis

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka

Kehidupan mencabar yang serba pantas sering kali membuatkan manusia dibelenggu dengan tekanan dan keletihan dalam menjalani rutin harian. Dalam kesibukan tuntutan kerja, tanggungjawab keluarga serta cabaran persekitaran, setiap individu perlu mencari ruang untuk berehat dan menenangkan fikiran. Dalam hal ini, percutian menjadi salah satu cara terbaik untuk mengembalikan kesegaran minda, memperbaharui semangat serta meningkatkan kesejahteraan diri. Percutian bukan sekadar perjalanan untuk berseronok, tetapi juga berfungsi sebagai terapi semula jadi yang mampu memberikan ketenangan jiwa dan membina kembali kekuatan mental bagi menghadapi kehidupan seharian.

Percutian adalah terapi semula jadi bagi merehatkan minda. Apabila kita berada dalam suasana kerja atau rutin harian, otak sering berada dalam keadaan tertekan. Percutian membolehkan kita keluar dari kebiasaan dan menikmati persekitaran yang berbeza. Udara segar di pantai, kesejukan gunung, atau ketenangan desa mampu menurunkan tahap stres dan membuatkan kita lebih tenang. Apabila fikiran berehat, otak mendapat ruang untuk berfikir dengan lebih jelas, seterusnya merangsang minda untuk lebih kreatif dan inovatif. Ramai mendapati selepas bercuti, mereka kembali bekerja dengan idea-idea baru yang lebih kreatif dan lebih fokus dalam menyelesaikan tugas. Percutian juga dapat meluaskan pandangan dan menambah pengetahuan. Dengan mengenali tempat baharu, budaya, dan masyarakat lain, seseorang dapat memperkayakan perspektif dan pengalaman hidup.

Selain itu, percutian dapat membantu meningkatkan kesihatan fizikal dan mental. Pergerakan semasa melancong seperti berjalan, mendaki atau berenang, dapat memberi manfaat kepada tubuh. Pada masa yang sama, ketenangan mental juga membantu menstabilkan emosi serta mengurangkan risiko kemurungan. Percutian bersama keluarga juga dapat mengeratkan ikatan kekeluargaan. Aktiviti bersama seperti berkhemah, berjalan di tepi pantai, atau melawat tempat menarik dapat mencipta memori indah yang meningkatkan kebahagiaan dan mengeratkan kasih sayang. Dengan meluangkan masa menikmati keindahan alam, melawat tempat baharu bersama keluarga tercinta, seseorang mampu mengurangkan tekanan dan meningkatkan kualiti hidup.

Kesimpulannya, percutian adalah terapi diri yang mampu menyegarkan minda dan mendamaikan jiwa. Melalui percutian, seseorang dapat menenangkan emosi dan fikiran, memperkukuh hubungan kekeluargaan serta meningkatkan produktiviti dalam kehidupan seharian. Setiap individu seharusnya menjadikan percutian sebagai satu keperluan demi kesejahteraan diri dan kebahagiaan hidup. Oleh itu, kita wajar menjadikan percutian sebahagian daripada gaya hidup sihat demi mencapai keseimbangan jasmani, rohani dan sosial.

PERLINDUNGAN TAKAFUL: SATU LANGKAH PRIHATIN UNTUK OKU

Khairunnisa' Binti Yussof

Siti Nurul Akma Ahmad

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka

Takaful merupakan salah satu cabang alternatif perkongsian risiko oleh orang ramai dengan berkonsepkan tolong menolong serta tabarru'. Mekanisma takaful ini dapat memberi perlindungan diri kepada mereka yang mengalami ujian kehidupan seperti kemalangan, hilang harga benda, kesihatan atau kebakaran. Antara fungsi lain takaful adalah memberi tenang kepada emosi mental serta mengurangkan kerugian kepada peserta takaful.

Pengkhususan kepada mikrotakaful dapat membuka peluang yang lebih baik kepada golongan yang kurang berkemampuan. Pengenalan kepada skim perlindungan tenang bagi golongan B40 adalah bukti keprihatinan kerajaan dalam membantu golongan tersebut mengatur strategi pengurusan kewangan mereka. Penerimaan terhadap skim tersebut adalah sangat baik dan mendapat perhatian orang ramai.

Golongan sasaran seperti orang kurang upaya (OKU) juga perlu diberi perhatian khusus. Ini kerana golongan sebegini seringkali dinafikan perlindungan takaful berikutan kekurangan yang mereka hadapi. Antara faktor utama operator takaful menghadkan perlindungan risiko kepada golongan oku adalah kerana golongan ini adalah yang tinggi risiko. Antara contoh OKU adalah seperti autism, pendengaran dan penglihatan.

Justeru, pembangunan produk takaful yang memfokuskan kepada OKU adalah sangat diperlukan. Bukan sahaja manfaat nilai perlindungan tetapi mengambil kira Keperluan emosi semasa dengan menyediakan pelan rasional kepada keperluan psikologi peserta takaful OKU khususnya. Hanya beberapa operator takaful yang menawarkan produk perlindungan OKU di Malaysia seperti ETIQA TAKAFUL Dan FWD takaful. Ini memberi gambaran yang signifikan kepada keperluan kepada produk takaful OKU.

Haruslah diperbanyakkan produk takaful bagi golongan sasaran OKU agar keseimbangan pengukuhan pembangunan ekonomi dapat dilaksanakan serta perlindungan yang terbaik dapat dinikmati oleh golongan sasaran ini.

KERJA TANPA HENTI: TEKATAN MODEN DI PEJABAT

Khalilah Ibrahim, Ainaa Idayu Iskandar

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka

Di era moden serba pantas, kerja bukan lagi sekadar “mencari rezeki”; ritma kerja kini membentuk cara kita hidup, berehat, dan berkeluarga. Data antarabangsa menunjukkan mengapa isu ini mendesak: pada 2024, Malaysia ditempatkan ke-59 daripada 60 negara dalam *Global Life-Work Balance Index* (kedua terbawah), dengan skor 27.51/100 dan purata minggu bekerja 40.8 jam; dapatan ini juga dipetik oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sebagai petunjuk mendesak untuk memperbaiki keseimbangan kerja hidup negara. Statistik ini membimbangkan kerana ia menggambarkan bahawa ramai pekerja di negara ini berdepan tekanan kerja yang serius. Tekanan yang berlebihan bukan sahaja menjejaskan produktiviti, malah boleh merosakkan kesihatan mental dan fizikal pekerja.

Memasuki tahun 2025, kedudukan Malaysia bertambah baik berada di sekitar tangga ke-27 daripada 60, namun purata jam bekerja mingguan 44.7 jam hampir menyentuh had undang-undang buruh tempatan (45 jam/minggu di bawah Akta Kerja 1955 selepas pindaan 2022). Ini menggambarkan bahawa walaupun imej keseluruhan bertambah baik, beban masa kerja kekal tinggi berbanding standard kesejahteraan antarabangsa.

Implikasinya amat ketara pada kesihatan mental. DOSM menekankan bahawa keseimbangan kerja hidup yang baik mengurangkan risiko kemurungan dan kebimbangan, sejajar dengan dapatan tempatan bahawa tekanan kerja berlebihan berkait dengan keletihan kronik (*burnout*). Malah, presiden CUEPACS pernah menyatakan kira-kira 20,000 penjawat awam bersara awal (2017) akibat tekanan di tempat kerja satu isyarat awal betapa mahalanya “harga” ketidakseimbangan kerja hidup.

Trend global turut menekan, merujuk Laporan Microsoft Work Trend Index 2025 mendapati 80% tenaga kerja dunia “tidak cukup masa atau tenaga” untuk menyiapkan kerja, dan sepanjang hari kerja, pekerja diganggu setiap 2 minit oleh mesyuarat, e-mel atau mesej bersamaan kira-kira 275 gangguan sehari. Budaya “sentiasa atas talian” inilah yang menghakis sempadan antara masa kerja dan masa peribadi.

Manakala, angka *burnout* pula berbeza mengikut kajian, tetapi konsisten menunjukkan masalahnya meluas, satu kajian serantau berasaskan populasi (2022, diterbitkan 2024) menganggarkan 58.1% pekerja Malaysia berdepan *burnout*; tinjauan lain pada 2024 melaporkan sehingga 67% pekerja mengalami *burnout*. Walaupun metodologi berbeza, hala tuju datanya jelas ramai pekerja berada di ambang keletihan.

Akhirnya, gambaran besar bagi Malaysia tahun 2025 ialah, kedudukan relatif positif, tetapi jam kerja tinggi, gangguan kerja kerap, dan risiko kesihatan mental meningkat (NHMS turut melaporkan prevalens kemurungan berganda antara 2019 -2023, membabitkan kelompok umur yang sedang/akan menjadi tulang belakang tenaga kerja). Inilah sebabnya rencana ini mengajak majikan dan pekerja bertindak bersama

menyemak polisi, budaya kerja, dan amalan harian agar produktiviti dapat ditingkatkan tanpa mengorbankan kesejahteraan manusia yang menggerakkan organisasi. Keseimbangan kerja hidup yang tidak terurus membawa pelbagai implikasi kepada pekerja dan organisasi. Apabila pekerja dibebani tugas berlebihan, tekanan mental menjadi berlarutan. Stres kronik boleh mencetuskan gangguan kebimbangan (anxiety disorder) dan kemurungan (depression). Menurut laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), lebih 15% pekerja dewasa di dunia mengalami gangguan mental pada tahun 2022, dengan punca utama datang daripada tekanan kerja (World Health Organization, 2022).

Di Malaysia, Tinjauan Kesihatan dan Morbiliti Kebangsaan (NHMS) 2019 mendapati kadar kemurungan dalam kalangan dewasa ialah 2.3%, tetapi meningkat hampir dua kali ganda pada 2023, melibatkan generasi muda yang memasuki alam pekerjaan (Institute for Public Health, 2023). Ini menunjukkan tekanan kerja tanpa kawalan boleh mencetuskan krisis kesihatan mental dalam tenaga kerja negara.

Seterusnya, tekanan kerja yang berpanjangan juga memberi kesan langsung kepada tubuh. Kajian membuktikan pekerja yang mengalami tekanan kronik lebih berisiko mendapat hipertensi (tekanan darah tinggi), penyakit jantung, obesiti, serta gangguan tidur (Leka & Jain, 2019). Kurang tidur menjejaskan sistem imun badan, menjadikan seseorang lebih mudah jatuh sakit. Menurut Persatuan Jantung Malaysia, stres pekerjaan menyumbang kepada peningkatan kes penyakit kardiovaskular dalam kalangan dewasa bekerja. Apabila tubuh sentiasa berada dalam keadaan "fight or flight", hormon stres (kortisol) meningkat, lalu memberi kesan negatif kepada organ dalaman.

Selain itu, pekerja yang menghabiskan terlalu banyak masa di pejabat atau sentiasa terikat dengan tugas akan kurang masa berkualiti bersama keluarga. Situasi ini boleh menimbulkan konflik rumah tangga, rasa terabai dalam kalangan anak-anak, dan seterusnya melemahkan ikatan kekeluargaan. Kajian oleh Allen et al. (2020) menunjukkan bahawa ketidakseimbangan kerja hidup meningkatkan risiko konflik keluarga-kerja (*work-family conflict*), yang akhirnya menjejaskan kepuasan hidup secara keseluruhan. Dalam konteks Malaysia, isu ini turut dikaitkan dengan peningkatan kadar perceraian dalam kalangan pasangan muda yang bekerja, seperti dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM, 2023).

Malah, apabila keseimbangan terganggu, pekerja mudah hilang fokus, kurang bermotivasi, dan tidak lagi berdaya saing. Produktiviti menurun, kesilapan kerja meningkat, dan kreativiti terhad. Kajian Gallup (2022) mendapati pekerja yang mengalami *burnout* tiga kali ganda lebih berisiko membuat kesilapan kritikal dalam tugas. Lebih membimbangkan, organisasi akan menanggung kos besar akibat capaian prestasi rendah, kadar ketidakhadiran tinggi, dan masalah pusing ganti pekerja (turnover).

Hal demikian juga, keseimbangan yang buruk akan membawa kepada *burnout* iaitu keletihan emosi, mental, dan fizikal melampau. Kajian di Malaysia menunjukkan antara 58% hingga 67% pekerja mengalami *burnout* pada 2024 (Md Ghazali et al., 2024; Business Today, 2024). *Burnout* bukan sahaja membuat pekerja kerap mengambil cuti

sakit, tetapi juga menyebabkan ramai memilih untuk meninggalkan pekerjaan. Bagi organisasi, implikasinya besar: kehilangan bakat, kos latihan pekerja baharu, penurunan kepuasan pelanggan, dan reputasi syarikat yang terjejas. Dengan kata lain, apabila pekerja “tidak seimbang”, organisasi juga akan “hilang keseimbangan”.

Tekanan kerja yang semakin meningkat dalam kalangan pekerja di Malaysia berpunca daripada pelbagai faktor, sama ada daripada budaya organisasi, perkembangan teknologi, mahupun keperluan ekonomi semasa. Antara faktor utama adalah dalam organisasi, bekerja lebih masa dianggap sebagai tanda kesetiaan dan komitmen kepada syarikat. Malangnya, budaya ini telah menjadi norma hingga ramai pekerja sanggup mengorbankan masa bersama keluarga demi memenuhi kehendak majikan. Kajian oleh Randstad Malaysia (2023) mendapati 62% pekerja Malaysia kerap bekerja melebihi 45 jam seminggu, iaitu melebihi garis panduan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO). Walaupun dianggap sebagai usaha tambahan, kerja lebih masa yang berterusan meningkatkan risiko burnout dan menjejaskan keseimbangan hidup pekerja.

Di samping itu, dalam sektor jualan, perkhidmatan, dan korporat, penetapan sasaran tinggi sudah menjadi perkara biasa. Pekerja sering kali terpaksa bekerja dalam keadaan tertekan kerana bimbang tidak mencapai Key Performance Indicator (KPI) yang ditetapkan. Situasi ini menyebabkan ramai pekerja hidup dalam kebimbangan berterusan, malah ada yang mengaitkan kegagalan mencapai sasaran dengan ancaman kehilangan kerja. Menurut Laporan Gallup (2022), lebih 44% pekerja di Asia Tenggara melaporkan berasa “stressed a lot of the day” akibat bebanan sasaran dan KPI yang terlalu tinggi.

Tidak dinafikan, kemajuan teknologi komunikasi memang memudahkan urusan kerja, namun dalam masa yang sama ia menimbulkan fenomena baharu iaitu “always-on culture” kerana pekerja sentiasa dihubungi walaupun di luar waktu pejabat. Notifikasi e-mel, mesej WhatsApp kumpulan kerja, atau arahan segera daripada majikan menyebabkan sempadan antara waktu kerja dan peribadi semakin kabur. Kajian oleh Kaur et al. (2022) mendapati lebih 55% pekerja Malaysia mengakui sukar memisahkan kerja dengan kehidupan peribadi kerana gangguan teknologi, sekali gus mewujudkan tekanan mental yang berpanjangan.

Selain itu, wujud juga organisasi yang kurang peka terhadap kesejahteraan pekerja. Polisi fleksibel seperti bekerja dari rumah (work from home), waktu kerja anjal, atau cuti tambahan demi kesihatan mental masih belum dilaksanakan secara menyeluruh. Keadaan ini menyebabkan pekerja berasa tidak dihargai, malah ada yang memilih untuk berhenti kerja kerana mencari syarikat lain yang lebih mesra pekerja. Deloitte (2023) menegaskan bahawa syarikat yang tidak menyediakan sokongan seimbang berisiko kehilangan bakat terbaik, kerana generasi muda kini lebih menekankan aspek keseimbangan hidup berbanding semata-mata gaji yang tinggi.

Oleh itu, masalah tekanan kerja dan keseimbangan kerja-hidup yang semakin meruncing ini tidak boleh dipandang ringan. Ia memerlukan kerjasama daripada kedua-dua pihak,

iaitu majikan dan pekerja, bagi memastikan kesejahteraan mental serta produktiviti organisasi terjamin.

Seperti mana, sebagai majikan memainkan peranan penting dalam mencorakkan budaya kerja di organisasi. Antara langkah utama ialah dengan menggalakkan polisi kerja fleksibel, seperti jadual kerja anjal atau peluang bekerja dari rumah (work from home). Pendekatan ini bukan sahaja memberi ruang kepada pekerja untuk menyesuaikan jadual dengan komitmen peribadi, malah terbukti meningkatkan motivasi serta keberkesanan kerja. Tambahan pula, majikan juga wajar mengurangkan budaya kerja lebih masa yang tidak produktif, sebaliknya menekankan pencapaian hasil kerja berbanding jumlah jam yang dihabiskan di pejabat.

Selain itu, penyediaan program sokongan kesihatan mental dan fizikal perlu diberi perhatian. Contohnya, majikan boleh menyediakan sesi kaunseling, bengkel pengurusan stres, atau kemudahan riadah di tempat kerja. Langkah ini memberi isyarat jelas bahawa organisasi prihatin terhadap kebajikan pekerja. Menurut laporan Deloitte (2023), organisasi yang melaksanakan program sokongan mental menunjukkan peningkatan produktiviti sebanyak 21% dan kadar keluar masuk pekerja (turnover) yang lebih rendah.

Dalam masa yang sama, pekerja juga bertanggungjawab menguruskan diri sendiri dengan lebih bijak. Antara langkah utama ialah pengurusan masa yang berkesan serta menetapkan sempadan jelas antara kerja dan kehidupan peribadi. Sebagai contoh, pekerja boleh menghadkan respon terhadap e-mel kerja selepas waktu pejabat atau meluangkan masa khusus untuk keluarga setiap hari.

Selain itu, amalan gaya hidup sihat amat penting bagi mengurangkan tekanan. Aktiviti seperti bersenam, menjaga pemakanan, serta berehat secukupnya boleh membantu meningkatkan tahap tenaga dan mengurangkan stres kronik. Kajian Kaur et al. (2022) menunjukkan bahawa pekerja yang mengamalkan gaya hidup sihat lebih berdaya tahan (resilient) dalam menghadapi tekanan kerja.

Pekerja juga harus belajar berkata “tidak” terhadap beban kerja berlebihan yang melampaui kemampuan. Ramai individu berasa takut menolak tugas tambahan kerana bimbang dilihat tidak komited, tetapi sikap terlalu memaksa diri akhirnya hanya merugikan kesihatan dan kualiti kerja. Dengan komunikasi yang baik, pekerja sebenarnya boleh menetapkan had kerja yang wajar tanpa menjejaskan hubungan dengan majikan.

Kesimpulannya, tekanan kerja dan keseimbangan kerja-hidup adalah isu yang semakin mendesak di Malaysia. Jika tidak ditangani segera, ia boleh menjejaskan kesihatan mental dan fizikal pekerja, malah dalam jangka panjang turut melemahkan daya saing negara. Oleh itu, majikan perlu lebih prihatin terhadap kesejahteraan pekerja, manakala pekerja pula perlu bijak mengurus diri agar tidak terjebak dengan budaya kerja yang toksik. Kejayaan sebenar bukan hanya diukur dengan pencapaian kerja semata-mata, tetapi juga dengan kebahagiaan hidup yang seimbang.

Sejajar dengan hasrat ini, Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong, menegaskan bahawa kerajaan komited ke arah mewujudkan tempat kerja yang lebih sihat dan manusiawi. Beliau menyebut bahawa pelaksanaan pindaan *Occupational Safety and Health Act 2022* dan Akta Pekerjaan (Pindaan) 2022, berserta latihan lebih 10,000 penyedia *Occupational Mental Health First Aid*, adalah langkah penting ke arah itu. “[Majikan perlu] memastikan tempat kerja selamat dan sihat bukan sahaja dari segi fizikal, tetapi juga keseimbangan kesihatan mental,” katanya dalam satu kenyataan rasmi.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama membina budaya kerja yang menyokong kesejahteraan pekerja dan produktiviti. Dengan kerjasama majikan yang prihatin, disiplin pekerja yang bijak, dan dasar kerajaan yang proaktif, Malaysia berpeluang mempunyai tenaga kerja yang bukan sahaja berdaya saing, tetapi juga bahagia dan sejahtera.

SURVIVAL GRADUAN GENERASI Z: PERSEDIAAN KEWANGAN HADAPI REALITI HIDUP

*Khalilah Ibrahim dan Aqilah Nadiah Md Sahiq
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka*

Setiap tahun, ribuan graduan Generasi Z baharu melangkah keluar dari universiti dengan penuh harapan untuk memulakan kerjaya. Namun, realitinya mereka bukan sahaja berdepan cabaran mencari pekerjaan, tetapi juga cabaran mengurus kewangan. Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM, 2024) menunjukkan kadar pengangguran belia Malaysia kekal sekitar 10.6%, antara tertinggi di Asia Tenggara.

Walaupun ada yang berjaya mendapat pekerjaan, isu kos sara hidup yang semakin meningkat, hutang pendidikan yang masih membelenggu, dan kurangnya literasi kewangan menjadi beban utama yang perlu ditangani (Bank Negara Malaysia, 2024). Malah, tinjauan Credit Counselling and Debt Management Agency (AKPK, 2023) mendedahkan bahawa hampir 47% belia Malaysia mengakui mengalami kesukaran mengurus kewangan peribadi dalam tiga tahun pertama selepas bekerja.

Lebih membimbangkan, trend penggunaan kad kredit, pinjaman peribadi, dan pembiayaan kenderaan dalam kalangan graduan baharu semakin meningkat. Jika tidak dikawal, ia boleh membawa kepada masalah hutang yang berpanjangan dan menjejaskan kualiti hidup. Tambahan pula, gaya hidup moden yang cenderung kepada “lifestyle inflation” seperti membeli gajet terkini, melancong, atau berbelanja melebihi kemampuan mempercepatkan lagi tekanan kewangan yang dihadapi.

Di sinilah pentingnya kesedaran awal tentang pengurusan kewangan peribadi. Graduan bukan sahaja perlu mahir dalam bidang akademik atau kerjaya, tetapi juga celik dalam menguruskan wang. Persediaan yang rapi sejak awal boleh menjadi kunci untuk membina kehidupan yang stabil, bebas hutang, dan lebih sejahtera di masa depan.

Graduan Generasi Z yang baru melangkah ke alam pekerjaan berdepan pelbagai cabaran kewangan yang unik. Antaranya, menurut laporan Bank Negara Malaysia (2024), kos sara hidup di bandar utama meningkat lebih daripada 25% dalam tempoh lima tahun terakhir, menjadikan gaji permulaan graduan sukar menampung perbelanjaan asas seperti sewa rumah, pengangkutan, dan makanan. Selain itu, pinjaman PTPTN kekal sebagai beban utama. Data Kementerian Pendidikan Tinggi (2023) menunjukkan lebih 1.2 juta peminjam masih belum menyelesaikan hutang mereka sepenuhnya, dengan sebahagian besar terdiri daripada golongan muda.

Di samping itu, Generasi Z mudah terdedah kepada fenomena “lifestyle inflation” atau perbelanjaan mengikut trend. Kajian oleh Khazanah Research Institute (2023) melaporkan bahawa hampir 54% graduan muda mengutamakan perbelanjaan gaya hidup berbanding simpanan. Menurut, Tinjauan AKPK (2023) mendapati hampir separuh daripada belia Malaysia kurang kesedaran kepada literasi kewangan, serta tidak mempunyai pengetahuan asas mengenai tabungan, pelaburan, dan pengurusan hutang. Kekurangan ini menjadikan mereka lebih terdedah kepada masalah kewangan.

Bagi menangani cabaran ini, beberapa langkah praktikal boleh diambil oleh graduan. Pertama, graduan perlu membina bajet bulanan yang sistematik. Kaedah yang sering disarankan ialah konsep “50/30/20”, iaitu 50% daripada pendapatan digunakan untuk keperluan asas seperti makanan, pengangkutan, dan tempat tinggal; 30% untuk kehendak seperti hiburan dan gaya hidup; manakala 20% diperuntukkan kepada simpanan dan pelaburan. Amalan ini bukan sahaja membantu mengawal aliran tunai, tetapi juga mengelakkan perbelanjaan boros yang boleh menjerat graduan dalam masalah kewangan jangka panjang. Menurut Bank Negara Malaysia (2024), perancangan bajet yang konsisten mampu meningkatkan keupayaan graduan untuk menyesuaikan diri dengan kos sara hidup yang semakin meningkat.

Selain itu, graduan digalakkan untuk mengutamakan simpanan kecemasan. Simpanan ini sebaiknya merangkumi tiga hingga enam bulan gaji, yang boleh digunakan apabila berlaku keadaan tidak dijangka seperti kehilangan pekerjaan, kecemasan kesihatan, atau kerosakan kenderaan. Dengan adanya dana ini, graduan dapat mengelakkan kebergantungan kepada hutang peribadi atau kad kredit yang mempunyai kadar faedah tinggi. Bank Negara Malaysia (2024) turut menekankan bahawa simpanan kecemasan adalah salah satu asas kestabilan kewangan bagi golongan muda.

Di samping itu, graduan perlu belajar untuk mengelak daripada membuat hutang tidak perlu. Mereka mudah terjebak dengan pinjaman peribadi atau pembelian secara ansuran bagi barangan mewah yang sebenarnya tidak penting. Hal ini membawa kepada fenomena “lifestyle inflation”, iaitu peningkatan perbelanjaan mengikut kenaikan pendapatan. Kemahiran berkata “tidak” kepada tawaran atau kehendak impulsif adalah penting untuk memastikan kewangan kekal sihat dan terkawal (Khazanah Research Institute, 2023).

Akhir sekali, graduan juga perlu berusaha untuk meningkatkan literasi kewangan. Pengetahuan asas tentang pengurusan hutang, simpanan, pelaburan, dan perlindungan kewangan adalah kemahiran penting untuk masa depan. Graduan boleh mengikuti kursus percuma yang ditawarkan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), membaca buku atau artikel kewangan, serta memanfaatkan aplikasi pengurusan kewangan yang semakin mudah diakses pada masa kini. Kajian AKPK (2023) menunjukkan bahawa belia yang mempunyai literasi kewangan lebih baik lebih cenderung membuat keputusan kewangan yang bijak dan kurang terdedah kepada masalah hutang.

Kesimpulannya, Generasi Z kini menghadapi persimpangan penting antara cita-cita tinggi dan realiti kewangan yang mencabar. Masalah seperti kos sara hidup meningkat, beban hutang pendidikan, dan gaya hidup moden yang mengorbankan simpanan boleh menjerat graduan baharu jika tidak diurus dengan bijak. Namun begitu, dengan persediaan awal yang teliti termasuk membina bajet yang teratur, memiliki dana kecemasan, kawalan gaya hidup, dan literasi kewangan yang tinggi graduan mampu membina kehidupan yang lebih stabil dan mapan. Sokongan keluarga, kebijaksanaan majikan, serta dasar kerajaan yang mesra belia menjadi kunci yang memperkukuh asas masa depan mereka.

Seperti yang ditekankan oleh Menteri Kewangan II, YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah, semasa pelancaran *Bulan Literasi Kewangan 2024*, “Bijak dalam pengurusan kewangan sejak muda akan membuka jalan ke kehidupan yang sejahtera dan berdaya tahan.” Penekanan ini bukan hanya nasihat, tetapi juga satu komitmen kerajaan dalam memastikan kemahiran pengurusan kewangan menjadi kekuatan dalam pembangunan generasi muda.

Pada masa yang sama, graduan juga perlu berhati-hati dan jangan mudah terpengaruh dengan tawaran skim cepat kaya, pelaburan tidak sah, atau pinjaman yang menjanjikan pulangan luar biasa. Realitinya, ramai anak muda terjerumus ke dalam perangkap kewangan kerana terlalu teruja mengejar keuntungan segera. Oleh itu, sentiasalah menilai, bertanya, dan mendapatkan nasihat daripada sumber rasmi sebelum membuat sebarang keputusan kewangan.

Akhir kata, marilah graduan-generasi masa depan kita menjiwai falsafah ini: kejayaan bukan hanya diukur melalui gaji atau gelaran, tetapi juga melalui kemampuan untuk menjalani kehidupan dengan aman dan seimbang terurus, tanpa beban, dan bijaksana dalam setiap langkah kewangan.

RUANG KETIGA

Nurhafizah Anis Muhamad Yew

Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Melaka

Di celah-celah ruang antara rumah yang akrab dan meja kerja yang penuh tuntutan, ada satu ruang yang sering kita kunjungi tapi sukar dinamakan. Inilah ruang ketiga, iaitu ruang neutral yang mungkin tidak sehangat kediaman sendiri, tapi pastinya tidak setegas tempat bekerja mahupun dinding-dinding kuliah yang mengikat.

Pada tahun 1989, ahli sosiologi, Ray Oldenburg, memperkenalkan istilah “third spaces”. Dalam terjemahan Bahasa Melayu, “third spaces” digelar ruang ketiga atau ruang sosial ketiga. Menurut Oldenburg, konsep ini terhasil daripada kajian sosiologi dan pengajian pembangunan bandar. Dari hasil penulisan beliau di dalam bukunya yang berjudul “The Great Good Place”, ruang-ruang ini diklasifikasikan sebagai:

1. Ruang pertama → rumah/keluarga (ruang peribadi dan intim)
2. Ruang kedua → tempat kerja atau tempat pengajian (ruang formal dan berstruktur)
3. Ruang ketiga → tempat berkumpul yang bersifat santai, neutral, inklusif, dan terbuka untuk interaksi sosial sukarela

Di Malaysia, ruang ketiga ini wujud dalam pelbagai wajah. Ia mungkin di taman awam di tepi lorong rumah, di mana populasi taman itu berlari melengkapkan kiraan sepuluh ribu langkah. Ia mungkin di kedai mamak, ditemani riuhnya gelak tawa dan manisnya hirupan teh tarik. Mungkin juga di sela rak-rak buku perpustakaan, terselit dalam redup cerita yang dikongsi atas helaian-helaian kertas. Ia mungkin di gimnasium, atau mungkin di tasik buatan. Mungkin sampai ke balai seni.

Ruang ketiga ini tidak memerlukan jemputan. Anda bebas hadir memenuhi ruang yang ada. Inilah ruang neutral yang santai, ruang tanpa hierarki atau formaliti bersaiz sendat, ruang yang suasananya menghubungkan pelbagai latar belakang untuk membina jaringan sosial, berinteraksi tanpa tekanan formal, dan menggalakkan rasa bersatu dengan komuniti.

Di Malaysia, ruang ketiga inilah penjaga keseimbangan jiwa dan fizikal, pemerkukuh insan, dan penyambung keharmonian. Ruang ketiga ini menghidupkan masyarakat setempat, seperti nadi kecil yang menyambungkan degup besar negara.

Pendek kata, ruang pertama itu intim, ruang kedua itu tuntutan, dan ruang ketiga itu pilihan santai. Ruang-ruang ini bukan untuk dipertandingkan atau ditukar ganti, tapi perancangan pembandaran yang sejahtera harus mengiktiraf simbiosis ruang-ruang ini yang saling melengkapi.

KERABU BERONOK SAJIAN EKSOTIK PULAU LANGKAWI, KEDAH

Fauzunnasirah Fazil & Zaity Akhtar Mukhtar

Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, UiTM Cawangan Melaka

Pulau Langkawi ialah sebuah pulau pelancongan terkenal di peringkat nasional dan antarabangsa. Pulau Langkawi diberi nama jolokan “Permata Kedah” (The Jewel of Kedah) kerana peranannya sebagai pemacu utama sektor pelancongan Negeri Kedah dan juga Malaysia. Nama jolokan Pulau Langkawi sebelumnya termasuk “Pulau Bebas Cukai”, “Legendary Langkawi” dan “99 Magical Islands” merupakan antara inisiatif kerajaan negeri dalam merencanakan aktiviti promosi pelancongan pulau ini.

Kegiatan ekonomi penduduk di Pulau Langkawi majoritinya bergantung kepada industri pelancongan yang merangkumi pelbagai sektor termasuklah pengangkutan, perhotelan, agensi pengembaraan, beli-belah, makan minum, dan sebagainya. Selain aktiviti membeli-belah barangan bebas cukai yang lebih murah harganya dan tarikan pantai serta alam semula jadi, Pulau Langkawi juga unik dengan sajian tempatan citarasa ‘utara’. Lebih unik lagi, sajian eksotik yang hanya terdapat di Pulau Langkawi iaitu kerabu beronok. Orang Kedah (di tanah besar) sendiri pun ada yang tidak pernah makan atau pernah tahu kewujudan sajian ini.

Seperti sajian kerabu yang lain seperti kerabu ikan, perut, siput dan sebagainya, kerabu beronok juga berasaskan ulam-ulaman dan bahan-bahan rempah yang sama. Namun, kelainannya terletak pada bahan utama kerabu beronok iaitu pada beronok itu sendiri. Beronok (nama lainnya kentang laut atau lintah gergasi) merupakan sejenis spesies haiwan hidupan air masin (laut) dengan nama saintifiknya *Acaudina Molpadioides* daripada kumpulan gamat (Misrani, 2020). Rupa bentuk beronok adalah menyerupai gamat, tetapi teksturnya lebih lembut dan agak seperti agar-agar.

Habitat beronok ialah di kawasan berselut (lumpur) di sekitar pantai di pinggir Padang Matsirat, Langkawi iaitu di Pantai Hujung Airport dan Pantai Pasir Berdunggu. Apabila air surut, penduduk tempatan Pulau Langkawi beramai-ramai turun ke dalam selut untuk ‘gagau’ (mencari) beronok. Pada musim gagau beronok, ianya seperti pesta untuk orang tempatan terutamanya sebelum Pantai Hujung Airport dikomersilkan sebagai lokasi tarikan Laksa Ikan Sekoq (seekor).

Walaupun spesies beronok juga hidup di kawasan perairan lain di Malaysia terutamanya sekitar Semenanjung, namun sehingga kini kerabu beronok hanya boleh didapati di Pulau Langkawi. Terdapat sekumpulan pelajar institusi pengajian tinggi di Johor membuat kajian khasiat beronok yang dijumpai di Sungai Muar (Abu Yamin, 2022) dan berkemungkinan kerabu beronok juga akan dikomersilkan menjadi produk hidangan istimewa di Muar pada masa akan datang.

Jadi, orang Kedah mengapa tidak segera ambil peluang mengangkat kerabu beronok dan komersilkan menu ini sebagai menu eksotik, *authentic* dan ikonik Negeri Kedah. Pengusaha restoran dan kedai makan di negeri ini boleh menambah kerabu beronok ke dalam senarai menu jualan. Malahan, kerabu beronok mampu menjadi menu dicari-cari oleh *food hunters* di Kedah yang secara tidak langsung dapat menyumbang kepada peningkatan kemasukan pelancong Kedah. Di era komunikasi digital ini, pelbagai platform boleh digunakan dan dimanfaatkan untuk menjadikan kerabu beronok sebagai produk pelancongan gastronomi dan menu identiti Kedah.

Resepi ringkas kerabu beronok

Ramuan: Beronok dihiris nipis, daun ulam (pucuk gajus, selom, atau pegaga) dihiris halus, kerisik, beras yang disangai keperangan dan dimesin kering menjadi serbuk, bawang merah dimayam halus, sambal kelapa (kelapa parut ditumbuk atau dimesin kering bersama cili kering, serai dan sedikit belacan), garam, dan buah mangga muda dicincang halus.

Cara-cara: Gaulkan bawang merah, sambal kelapa, kerisik dan garam. Kemudian masukkan dan gaul rata mangga dan beronok. Selepas itu, taburkan serbuk beras dan ulam, gaul rata. Jika ingin rasa lebih pedas, tambahkan serbuk lada atau cili padi.



Gambar: Jualan kerabu beronok di restoran di Pulau Langkawi (kiri); Kerabu beronok (tengah); Beronok (kanan)

SMART CLASSROOM: BENARKAH IA RELEVAN?

Salehah Hamzah

Fakulti Sains Komputer dan Matematik, UiTM Cawangan Melaka

Apabila kita mendengar istilah “*smart classroom*” yang wujud dalam universiti awam atau pun swasta khususnya adakah ia berupa seperti sebuah ruang realiti maya dalam dunia 3D yang dapat membawa sesebuah pengajaran topik kursus menjadi lebih nyata? Ataupun adakah ia seperti bilik kelas yang biasa tetapi mempunyai kemudahan projektor yang sofistikated, kemudahan smart tv, kerusi meja yang agak moden rekabentuk nya bukan seperti ruang kelas di sekolah menengah di tambah lagi dengan kemudahan talian internet yang laju beserta dengan sistem kehadiran ke kelas yang sistematik? Walaubagaimanapun, persoalan yang lebih penting: adakah kemudahan kelas seperti ini merupakan sesuatu yang relevan di semua universiti, ataupun ia adalah pameran teknologi yang terkini oleh universiti-universiti bertaraf “*ranking*” yang patut di nikmati oleh para pelajar mereka?

“*Smart classroom*” atau bahasa Melayunya bilik kelas pintar atau pun bilik kuliah pintar, merupakan satu perubahan yang dilakukan terhadap kelas tradisional yang sering menjadikan pelajar bersikap pasif dan tidak berminat untuk mendengar kuliah. Secara asasnya ia adalah ruang pembelajaran di mana teknologi digabungkan dengan proses pengajaran. Ia bukan sekadar meletakkan komputer dan projektor dalam bilik kelas tersebut tetapi mempunyai ruang pembelajaran yang bercirikan elemen pantas dan elemen interaktif dari segi peralatannya papan putih interaktif, “Smart TV”, tablet untuk pensyarah, speaker untuk kursus lisan serta mempunyai elemen data pelajar secara awam untuk mewujudkan persaingan antara pelajar melalui kaedah yang di panggil sebagai sistem “*leaderboard*” iaitu paparan prestasi pelajar dari semasa ke semasa. Dengan itu, mana-mana pelajar yang lemah prestasinya dapat dikenalpasti dengan lebih cepat dan pensyarah dapat mengawal dan membimbing pelajar-pelajar tersebut bagi peningkatan ilmu yang perlu di perbaiki. Seterusnya, bilik kelas pintar akan menjadikan pelajar lebih aktif dan menerima maklumat dan ilmu pengajaran dengan lebih cepat dengan cara menyediakan aplikasi seperti buku teks digital yang Latihan-latihan tutorial melibatkan kemahiran yang kompleks yang dapat memberikan kefahaman kepada pelajar dengan pantas.

Akhirnya bila bercerita tentang suasana kelas pintar ini, kedengaran bunyinya sangat manis dan mengagumkan dan sangat relevan pada zaman digital kini. Pasti para pelajar kita pelajar di UiTM akan menjadi teruja dgn perubahan berbanding dengan berada dalam kelas tradisional. Di Universiti-universiti luar negeri, bilik kelas pintar ini, bukanlah satu perkara yang boleh dibanggakan teknologinya. Ia berupa seperti teknologi yang biasa sahaja di mata mereka. Tidak seperti di UiTM. Tak mengapa, kita iyyakan sahaja teknologi bilik kelas pintar mereka. Hakikatnya kita di sini perlulah jujur. Semua kemudahan bilik kuliah yang di sediakan ada kosnya yang tersendiri terutama pada universiti seperti UiTM yang wujud pada setiap negeri nampak seperti tidak realistik untuk menyediakan kemudahan tersebut di semua cawangan walaupun ia adalah relevan. Usahkan nak mewujudkan kelas pintar, menambah bilangan bilik kelas dan menyediakan

peralatan asas seperti projektor dan “smart TV” pun masih lagi berdepan dengan masalah kekangan bajet.

Namun, persoalan yang utama di sini bukan sekadar bajet, tetapi faktor geografi yang adakah benar, kemudahan seperti bilik kelas pintar ini dapat menjamin sepenuhnya kesungguhan semua pelajar semasa dalam kelas dan menukar pemikiran mereka menjadi seorang yang lebih bijak, boleh berfikir secara kritis apabila belajar dalam bilik kelas pintar? Adakah pengetahuan pelajar akan menjadi lebih berkembang? Apa pula pandangan pihak pensyarah? Adakah semua pensyarah sudah bersedia dengan perubahan dalam penggunaan teknologi kelas pintar tersebut untuk menyediakan bahan pembelajaran yang sesuai dengan keperluan teknologi dalam bilik kelas pintar? Adakah pensyarah semua sudah bersetuju dan menerima yang kelas tradisional tidak lagi relevan pada masa sekarang? Dalam hal ini, latihan daripada pihak pakar untuk melatih pensyarah turut menyumbang kepada penambahan kos.

Sekadar mengambil sedikit contoh di UiTM Melaka, adakah analisis telah di buat untuk mengetahui keupayaan dan kecekapan pelajar serta pensyarah apabila mereka menggunakan bilik kelas pintar yang telah sedia ada? Adakah pensyarah tidak mempunyai sebarang masalah ketika menggunakan kemudahan di bilik kelas pintar?

Akhir kata, persoalan mengenai benarkah ia relevan di UiTM Melaka adalah bergantung kepada kesediaan para pensyarah yang menjadi watak utama dalam bilik kelas pintar tersebut kerana tanpa mereka, sehebat mana pun teknologi yang di sediakan, ianya tidak akan berguna kalau bukan ada manusia yang mahu bertanggungjawab terhadap bilik kelas tersebut. Lebih tepat lagi, relevan yang di maksudkan, iaitu sebarang kemudahan yang bernilai tinggi seperti bilik kelas pintar ini, sudah tentu ada harga yang patut di tanggung oleh penggunanya. Ya, kelas itu menjadi pintar bukan lah disebabkan teknologi yang disediakan semata-mata tetapi teknologi itu mampu menyuntik pelajar untuk menaikkan prestasi mereka setara sepertimana mereka menggunakan teknologi tersebut. Itulah harapan setiap pensyarah pada setiap pelajar mereka.

TARIKAN SKIM “BELI SEKARANG, BAYAR KEMUDIAN (BNPL)”

Intan Liana binti Suhaime, Siti Rohana binti Daud, Nani Shuhada binti Sehat, Jumaelya binti Jogeran

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka

Skim “Beli Sekarang, Bayar Kemudian” (BNPL) dilihat sebagai alternatif pembayaran yang memudahkan pengguna melakukan pembelian secara ansuran tanpa faedah (Business Today Malaysia, 2024). Walau bagaimanapun, kemudahan ini mewujudkan cabaran serius seperti perbelanjaan tanpa kawalan, peningkatan beban hutang, yang seterusnya boleh membawa kepada krisis kewangan mikro di kalangan pengguna muda terutamanya. Berbanding manfaat jangka pendek, implikasi jangka panjang terhadap kedudukan kewangan individu adalah lebih membimbangkan.

Perubahan Tabiat Perbelanjaan dan Hutang Berlebihan

BNPL mendorong pengguna untuk berbelanja lebih daripada kemampuan kerana proses kelulusan yang pantas dan ketiadaan pemeriksaan kredit yang ketat. Kesannya, pengguna acapkali gagal menganggotakan jumlah ansuran terkumpul merentas pelbagai platform yang mengakibatkan beban kewangan sukar diurus (Smith & Brown, 2023). Di Malaysia, sebanyak 29 juta transaksi BNPL direkodkan pada suku pertama 2024, meningkat lebih 80% berbanding tahun sebelumnya (Business Today Malaysia, 2024). Lonjakan ini menunjukkan kebergantungan pengguna terhadap kemudahan kredit yang berpotensi membawa kepada masalah hutang tidak berbayar dan risiko muflis pada usia muda.

Risiko Kepada Generasi Muda

BNPL mendapat sambutan besar daripada generasi milenial dan Gen Z yang mempunyai literasi kewangan rendah (Tan & Lee, 2022). Kecenderungan untuk bersikap membeli secara impulsif dan mempunyai keinginan gaya hidup mewah menambah risiko hutang. Fenomena ini boleh membawa kepada masalah kewangan jangka panjang, termasuk kegagalan membayar komitmen asas seperti pinjaman perumahan dan pendidikan. BNPL beroperasi dalam ruang kawal selia yang longgar dan bukan seperti produk kredit tradisional yang tipikal. Ketidadaan garis panduan ketat membuka ruang kepada amalan pemberian kredit yang tidak bertanggungjawab (Financial Consumer Alert, 2024) dan memenuhi ruang kapitalis. Negara-negara seperti United Kingdom dan Australia telah mula memperkenalkan peraturan baharu untuk mengawal selia BNPL bagi melindungi pengguna daripada hutang yang berlebihan (Jones, 2023). Malaysia juga sepatutnya mengambil langkah serupa untuk mengelakkan implikasi buruk terhadap kestabilan ekonomi domestik dan serta kesan jangka masa panjang pada masyarakat.

Umumnya BNPL menawarkan kemudahan pembayaran yang fleksibel, tetapi ia juga membawa risiko kewangan yang besar jika tidak dikawal dengan baik. Peningkatan hutang isi rumah, perubahan tabiat perbelanjaan, dan kekurangan kawal selia menjadi isu utama yang memerlukan perhatian. Pendidikan literasi kewangan dan penggubalan dasar kawal selia adalah langkah kritikal bagi memastikan skim ini tidak menjejaskan kestabilan kewangan pengguna untuk jangka masa panjang.

PELANCONGAN EKO DI TASIK DAYANG BUNTING, LANGKAWI, KEDAH

Zaity Akhtar Mukhtar, Fauzunnasirah Fazil

Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, UiTM Cawangan Melaka

Negeri Kedah terkenal dengan gelaran Negeri Jalapang Padi, namun tarikan pelancongan tertumpu kepada peranginan iaitu Pulau Langkawi. Antara tarikan popular di pulau ini yang wajib dilawati ialah Tasik Dayang Bunting, yang terletak di Pulau Dayang Bunting. Tasik ini dikenali kerana banyak perkara, termasuk keindahan landskap alam semula jadi, cerita legenda, dan lokasinya yang unik. Tasik ini menjadi antara tarikan penting di Langkawi yang sering dikunjungi oleh pelancong dari dalam dan luar negara.

Keunikan lagenda dan kecantikan alam semulajadi menjadikan Tasik Dayang Bunting sebagai salah satu ikon tarikan pelancongan Malaysia di peringkat antarabangsa, terutamanya setelah mendapat pengiktirafan sebagai salah satu Taman Geologi Dunia. Pulau Langkawi merupakan tapak Geopark yang ke-52 di dunia di dalam senarai Geopark Global oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO). Antara faktor yang menjadikan Tasik Dayang Bunting sebagai tempat pelancongan yang menarik dan penting di Kedah ialah:

Mitos Puteri Hamil

Walaupun ada yang tidak pernah berkunjung ke Tasik Dayang Bunting, tetapi berkemungkinan mereka pernah dengar kisah dongeng Dayang Bunting. Tasik Dayang Bunting amat dikenali dengan kisah lagenda dan mitos “Dayang Bunting” yang bermaksud “Puteri Hamil”. Menurut cerita rakyat, seorang puteri bernama Dayang Sari telah kehilangan bayinya yang meninggal dunia sebaik sahaja dilahirkan. Puteri tersebut telah meletakkan bayi tersebut di dalam tasik ini, yang dipercayai memiliki kuasa mistik untuk membantu wanita yang sukar hamil. Legenda ini menambahkan daya tarikan misteri dan magis kepada Tasik Dayang Bunting, menjadikannya tempat yang menarik bagi pelancong yang tertarik dengan cerita rakyat dan mitos. Sehingga kini, masih ramai pengunjung yang datang ke sini dikalangan pasangan suami isteri yang belum mempunyai Cahaya mata datang untuk mandi dan minum air tasik ini sebagai salah satu ikhtiar untuk hamil.

Keunikan Lanskap Alam Semula Jadi

Tasik Dayang Bunting dikelilingi oleh hutan hujan tropika yang rimbun dan bukit-bukit batu kapur yang menjulang tinggi, menjadikannya destinasi yang sangat menarik bagi pencinta alam semulajadi. Pembentukan bukit-bukit di sini menyerupai figura tubuh seorang wanita mengandung yang sedang berbaring. Bukit-bukit ini membentuk kepala, dada, perut mengandung, hingga ke hujung kaki. Kebiasaanya, pemandu bot akan berhenti di tengah-tengah laut ketika menghampiri jeti Tasik Dayang Bunting untuk memberi kesempatan kepada pengujung untuk melihat bentuk ini wanita berbaring ini.

Tambahan pula, air tasik yang tenang dan jernih mencipta suasana damai yang memukau, menarik ramai pelancong yang ingin menikmati keindahan panorama dan kehijauan alam semula jadi.

Tasik Air Tawar di Pinggir Lautan Air Masin

Keunikan geografi Tasik Dayang Bunting yang merupakan tasik air tawar yang berkeluasan tiga padang bola sepak yang terletak di dalam sebuah pulau yang dikelilingi oleh laut. Walaupun tasik ini dikelilingi laut, tetapi air tasik tidak masin. Lanskap tasik ini terbentuk oleh bukit-bukit yang membentuk satu bulatan kawasan dan di Tengah-tengahnya menjadi tempat tadahan air hujan. Fenomena tersebut menjadikan tasik ini sebagai sebuah pulau tasik air tawar di tengah-tengah laut. Fenomena alam yang luar biasa ini juga menarik minat pelancong luar dan dalam negara serta pengkaji alam sekitar sehingga tasik ini dikenali sebagai destinasi pelancongan yang unik di Pulau Langkawi.




Gambar 1: Pemandangan dari pelantar terapung di Tasik Dayang Bunting

Rekreasi Pelancongan Eko

Terdapat pelbagai aktiviti rekreasi berbentuk pelanconga eko yang boleh dinikmati oleh pengunjung di Tasik Dayang Bunting. Antaranya seperti terapi ikan keli, berkayak, berenang, dan berjalan-jalan di sepanjang laluan hutan di sekitarnya. Sedikit tips yang ingin Penulis kongsi untuk pembaca yang berminat untuk berkunjung ke tasik ini, iaitu sebaik tiba di jeti Tasik Dayang Bunting, teruskan memakai jaket keselamatan yang dibekalkan oleh bot yang anda naiki. Jadi, pengunjung tidak perlu lagi menyewa jaket keselamatan untuk berenang dan mandi-manda di tasik ini. Selain itu, sewaan kayak juga disediakan bagi pengunjung yang berminat untuk berkayak di tasik ini.

Jika takut mandi-manda atau berkayak, pengunjung boleh duduk bersantai-santai di pelantar jeti tasik sambil mencelup kaki ke dalam tasik. Ikan-ikan di tasik akan muncul menggigit-gigit kaki pengunjung. Aktiviti ini dinamakan sebagai terapi spa ikan. Sepsis ikan yang paling banyak di sini ialah ikan keli. Jangan risau, ikan keli di sini amat jinak dan gigitan ikan tidak sakit, hanya rasa lembut, lembik, dan mungkin sedikit rasa geli. Tidak hairanlah jika terdengar bunyi riuh-rendah ketawa dan menjerit-jerit seronok pengunjung yang beraktiviti spa ikan ini.



Gambar 2: Aktiviti spa ikan (kiri); Pengunjung bermandi-manda di tasik (kanan)

Secara keseluruhannya, Tasik Dayang Bunting adalah sebuah destinasi yang menggabungkan keindahan alam, legenda tempatan, dan keunikan geografi. Semua ini menjadikannya penting sebagai tarikan pelancongan yang mempromosikan bukan sahaja Pulau Langkawi, tetapi juga Negeri Kedah sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia. Sebagai salah satu Tapak Warisan Geologi Dunia, Tasik Dayang Bunting juga memainkan peranan penting sebagai salah satu medium dalam usaha pemeliharaan, pemuliharaan dan pendidikan mengenai warisan geologi dan biodiversiti Pulau Langkawi secara khususnya dan juga khazanah negara secara amnya. Nilai-nilai ini amat penting kepada para pengunjung dan pakar-pakar yang menjurus kepada bidang geologi dan konservasi alam sekitar.

Tidak ketinggalan, tarikan pelancongan yang lain yang terdapat di sekitar Tasik Dayang Bunting seperti Gua Langsir dan Pulau Beras Basah membolehkan pelancong melawat beberapa tempat menarik dalam satu perjalanan. Kepelbagaian tarikan ini menjadikan lawatan ke Tasik Dayang Bunting lebih menarik dan berbaloi kerana caj perkhidmatan bot adalah antara RM25-35 seorang bergantung kepada pakej dan musim lawatan. Kemasyhuran Tasik Dayang Bunting juga dapat menyumbang kepada ekonomi tempatan melalui aktiviti pelancongan. Ia memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat, terutamanya dalam sektor perkhidmatan seperti panduan pelancong, pengangkutan, dan penginapan.

WAKAF SEPANJANG ZAMAN

Wan Musyirah Wan Ismail

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka

Wakaf merupakan salah satu instrumen penting dalam Islam yang berperanan besar dalam pembangunan masyarakat. Ia bukan sekadar ibadah, bahkan menjadi sumber kekuatan ekonomi dan sosial yang membawa manfaat kepada umat. Dari segi istilah, wakaf bermaksud menahan harta daripada sebarang bentuk jual beli, pewarisan, atau hibah, serta mengekalkan manfaatnya untuk kegunaan masyarakat. Hal ini menjadikan wakaf sebagai satu bentuk amal jariah yang berterusan. Amalan wakaf telah wujud sejak zaman Rasulullah SAW lagi. Baginda sendiri pernah mewakafkan sebidang tanah untuk membina masjid, diikuti oleh para sahabat yang mewakafkan kebun, telaga dan harta lain demi kepentingan umat.

Kepentingan wakaf amat jelas kerana ia mampu menghubungkan aspek spiritual dengan aspek material. Seseorang yang berwakaf memperoleh ganjaran pahala yang berpanjangan, manakala masyarakat pula menikmati manfaat dari harta tersebut. Wakaf juga menjadi alat pengukuhan ekonomi umat Islam. Harta yang diwakafkan boleh diurus dan dijana hasilnya untuk membiayai pendidikan, kesihatan, kebajikan, dan pembangunan infrastruktur.

Sejarah membuktikan bahawa institusi wakaf telah memainkan peranan penting dalam tamadun Islam. Universiti al-Azhar di Mesir, misalnya, bertahan ratusan tahun kerana dibiayai oleh dana wakaf yang kukuh. Universiti tersebut bukan sahaja menjadi pusat pengajian Islam yang masyhur, tetapi juga melahirkan ramai ulama, cendekiawan, dan pemimpin yang menyumbang kepada perkembangan ilmu pengetahuan dunia. Kejayaan al-Azhar menunjukkan bahawa sistem wakaf mampu menjamin kelangsungan pendidikan tanpa bergantung sepenuhnya kepada dana kerajaan atau individu. Malah, banyak sekolah, perpustakaan, hospital, dan pusat kebajikan lain dalam sejarah Islam juga dibangunkan hasil daripada wakaf. Hal ini membuktikan bahawa wakaf bukan sekadar ibadah, tetapi juga sebuah instrumen sosioekonomi yang menyokong kesejahteraan masyarakat dari generasi ke generasi.

Selain itu, wakaf juga melahirkan budaya tolong-menolong dalam masyarakat. Ia mengikis sifat tamak dan menggalakkan sifat pemurah serta prihatin terhadap keperluan orang lain. Melalui amalan wakaf, seseorang diajar untuk melihat harta bukan hanya sebagai milik peribadi tetapi juga sebagai amanah yang boleh memberi manfaat lebih besar kepada masyarakat. Ini menanamkan nilai solidariti, ukhuwah, dan rasa tanggungjawab sosial dalam diri umat Islam. Apabila budaya ini diamalkan secara meluas, ia dapat mengurangkan jurang sosial antara golongan kaya dan miskin, sekali gus membina masyarakat yang lebih seimbang, harmoni, dan berdaya saing. Wakaf menjadi bukti bahawa kesejahteraan tidak hanya terletak pada pencapaian individu semata-mata, tetapi turut bergantung kepada sejauh mana kita mampu berkongsi rezeki dengan orang lain.

Dalam konteks moden, wakaf tunai telah diperkenalkan bagi memudahkan umat Islam menyumbang. Tidak lagi terhad kepada tanah atau bangunan, kini wang tunai juga boleh diwakafkan untuk pelbagai projek kebajikan. Wakaf mempunyai kepentingan besar dalam mengurangkan beban kerajaan. Dengan dana wakaf, banyak kemudahan awam seperti sekolah, hospital, dan rumah anak yatim dapat dibangunkan tanpa hanya bergantung kepada sumber negara.

Kepentingan wakaf turut terserlah dalam aspek pendidikan. Banyak institusi pengajian tinggi Islam dahulu dibiayai oleh wakaf sehingga mampu menyediakan pendidikan percuma kepada pelajar miskin. Tradisi ini kini diteruskan di Malaysia melalui pelbagai skim wakaf pendidikan yang diwujudkan oleh institusi pengajian tinggi dan badan agama. Sebagai contoh, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) menubuhkan Tabung Wakaf Pendidikan untuk membantu pelajar asnaf dan golongan berpendapatan rendah melanjutkan pengajian. Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pula melaksanakan inisiatif Wakaf Ilmu bagi menampung kos biasiswa, pembangunan akademik dan penyelidikan. Malah, beberapa Majlis Agama Islam Negeri turut menubuhkan dana wakaf pendidikan yang memberi bantuan kewangan serta kemudahan asrama kepada pelajar yang memerlukan. Usaha-usaha ini membuktikan bahawa wakaf bukan sekadar legasi sejarah, tetapi masih relevan dan terus berkembang dalam sistem pendidikan moden Malaysia, sekali gus menjadi pemangkin mobiliti sosial serta pengurangan jurang pendidikan dalam kalangan masyarakat.

Wakaf juga memberi kesan positif kepada kesihatan masyarakat. Hospital wakaf yang ditubuhkan mampu memberikan rawatan pada kos rendah, malah ada yang percuma untuk golongan yang tidak berkemampuan. Selain pendidikan dan kesihatan, wakaf turut memberi manfaat dalam menyediakan keperluan asas. Misalnya, wakaf telaga pada zaman dahulu membekalkan sumber air bersih kepada masyarakat.

Dalam dunia yang semakin moden, wakaf boleh dipelbagaikan melalui teknologi digital. Aplikasi mudah alih dan platform kewangan Islam kini memudahkan umat Islam untuk berwakaf secara lebih cepat dan telus.

Kepentingan wakaf juga dapat dilihat dalam konteks pembangunan komuniti. Projek-projek wakaf membantu memperkukuh ikatan sosial, mengurangkan jurang kemiskinan, dan membina masyarakat yang lebih harmoni. Lebih daripada itu, wakaf menanam rasa tanggungjawab dalam diri umat Islam. Setiap harta yang dimiliki bukan sekadar untuk kegunaan peribadi, tetapi juga boleh menjadi sumber kebaikan untuk masyarakat.

Wakaf adalah instrumen yang mampu menjana pahala berkekalan. Selagi harta wakaf itu dimanfaatkan, pahala akan terus mengalir kepada pewakaf walaupun mereka telah meninggal dunia. Kepentingan wakaf juga dapat dilihat dalam menjaga kelestarian harta. Dengan menahan harta daripada dijual atau diwarisi, ia memastikan aset tersebut terus dimanfaatkan generasi demi generasi.

Di Malaysia, institusi wakaf semakin diperkasakan oleh pihak berkuasa agama negeri. Pelbagai usaha dijalankan untuk memodenkan pengurusan wakaf agar lebih efisien dan

memberi manfaat lebih besar kepada masyarakat. Namun begitu, kesedaran masyarakat terhadap wakaf masih perlu dipertingkatkan. Ramai yang beranggapan wakaf hanya melibatkan harta besar, seperti tanah dan bangunan, namun hakikatnya wakaf tunai boleh dilakukan walau hanya dengan nilai RM10. Sekecil jumlah wang yang dikumpul, bakal memberi impak besar jika dikumpulkan.

Kesimpulannya, wakaf bukan sekadar ibadah sunat, tetapi merupakan mekanisme pembangunan umat Islam yang menyeluruh. Ia meliputi aspek spiritual, ekonomi, sosial dan pendidikan, menjadikan wakaf sebagai kunci kesejahteraan masyarakat sepanjang zaman.

ADAB DAN ILMU PERLU SEIRING

*Zatul Himmah Abdul Karim, Nor Maslia Rasli Samudin
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka*

ILMU adalah sesuatu yang amat penting malah mungkin pengukur kepada tahap kebolehan seseorang ketika menempuh alam pekerjaan kelak. Tanpa ilmu juga, setiap amal ibadat kita mungkin tidak cukup sempurna atau tidak dikira. Ia seperti perkara yang sia-sia dilakukan kerana amal tanpa ilmu adalah seperti debu yang berterbangan lalu hilang dibawa angin.

Kerana itulah ilmu sangat dititikberatkan dalam kehidupan kita. Sejak dari kecil, kita dihantar ke sekolah malah ibu juga telah mendidik kita sejak kita di dalam kandungan lagi. Betapa pentingnya ilmu sehinggakan tahap ilmu kitalah juga akan membimbing kita ke jalan yang benar di mana Islam sangat menuntut kita untuk menuntut ilmu sehingga ke liang lahat. Ayat Al-Quran yang pertama disampaikan kepada Nabi Muhammad SAW juga adalah *'iqra'* bermaksud *'bacalah'*.

Namun ilmu tanpa adab boleh merosakkan insan yang berilmu. Para ulama dan cendekiawan dahulu sememangnya mempelajari adab bertahun lamanya sebelum mereka mempelajari ilmu yang lain. Ini kerana, penuntut yang tidak beradab tidak akan menampakkan dia itu berilmu tinggi. Ilmu dan adab adalah seperti badan dan nyawa. Tidak akan hidup dan berguna ilmu seseorang itu jika dia tidak beradab.

Dalam sebuah hadis, Rasulullah SAW bersabda: *"Tiada yang lebih berat dalam timbangan seorang Mukmin pada hari kiamat daripada keindahan akhlak. Dan ALLAH benci kepada orang yang keji mulut dan kelakuan."* (Hadis Riwayat at-Tirmizi dan Abu Daud).

Benarlah, sebaik-baik perhiasan di dunia adalah akhlak mulia. Malangnya ramai orang pada hari ini berlumba-lumba menggali banyak ilmu hingganak terlupa mempelajari adab hingga terhakis susilanya. Tidak salah sebenarnya untuk mencapai pengetahuan tinggi tetapi usah sesekali lupa dengan budi bahasa dan pekerti yang molek.

Namun di zaman teknologi yang semakin rancak ini, generasi berilmu dilihat bagai melupakan adab walupun tingginya ilmu di dada. Suatu ketika dulu heboh sikap pelajar yang ghairah melampiaskan ketidakpuasan hati terhadap institusi pendidikan yang dianggap menyusahkan dan tidak memahami masalah mereka ketika belajar dalam situasi pandemik. Kini viral pula kisah pengajar yang tidak dapat mengawal emosi menggunakan bahasa kurang elok terhadap pelajar.

Sering dilihat media sosial menjadi tempat menyebarkan sesuatu secara cepat. Jika dulu mungkin seperti tidak kedengaran isu-isu seperti ini dibangkitkan. Namun inilah normal kini yang seperti tiada lagi batasan untuk sesuatu perkara yang tiada tapisan terus tersebar luas tanpa disoal siasat terlebih dahulu. Inilah keadaan dunia kini yang penuh dengan fitnah. Sukar menentukan yang benar dan yang tidak. Lebih masalah jika sesuatu

perkara ditimbang dan diujah sebelum ilmu dan akal ditunjangkan ketika amal dilakukan. Inilah natijahnya jika ilmu tidak disertakan dengan adab.

Adalah lebih baik berfikir dahulu sebelum melakukan atau menyatakan sesuatu. Apa lagi di zaman kini yang terlalu mudah keburukan itu atau kebaikan itu disalah ertikan. Seseorang yang terpelajar seharusnya tidak akan janggal adabnya. Tidak kiralah dalam tutur kata, perbuatan malah emosinya. Memberi ilmu seharusnya dengan cara yang berhikmah dan membangun manakala penerima ilmu seharusnya terima dengan tenang agar ilmu itu tinggi keberkatannya kelak.

Bukan tiada pengajar yang bekeng ketika mengajar. Namun saya yakin niatnya hanyalah satu untuk memastikan ilmu diberi itu bermanfaat kepada pelajarnya. Bukan tiada pelajar yang sukar menerima ilmu atau sukar mencapai jangkaan pengajar yang sudah pasti menjadi cabaran buat si pengajar.

Namun yakinlah kerana kekurangan itulah maka mereka memilih kita untuk menyampaikan ilmu yang dicari. Ajarlah dan tegurlah seadanya. Jangan mudah melatah sehingga lupa bahawa lidah itu lebih tajam dari pisau. Mampu membunuh jiwa yang murni. Jangan pula menjadi penyebab kepada dendam di hati. Sekali lagi adab itu adalah tunjang kepada pengajar dan pelajar dalam mencari ilmu. Sebagaimana kuatnya semangat ulama terdahulu belajar ilmu adab sehingga berpuluh tahun lamanya adalah kerana mahukan ilmu yang dicari itu berkat dan boleh dimanfaatkan.

Bukannya hanya sebagai tanda tingginya darjat atau besarnya pangkat seseorang sehingga boleh melupakan adab dan hormat dalam menyampaikan sesuatu. Berfikirlah dulu sebelum menulis atau berkata-kata. Rasional dahulu sebelum berkongsi sesuatu terutama di media sosial kerana padahnya mungkin tidak dapat dibayangkan. Adalah lebih baik ketidakpuasan hati itu disalurkan ke saluran yang betul agar masalah dapat ditangani dengan lebih berhemah. Saling menghormati itu penting kerana itulah bukti seseorang itu berilmu malah beradab mulia. Itulah orang yang paling dilihat di sisi Allah.

Kenapa adab penting?

Kesepaduan sosial: Etika dan adab membantu menggalakkan interaksi dan perhubungan harmoni dalam kalangan individu. Dengan mematuhi norma sosial, orang dapat memupuk perpaduan, rasa hormat dan pertimbangan terhadap orang lain.

Hormat dan pertimbangan Adab menyampaikan rasa hormat kepada orang lain. Tingkah laku sopan dan pertimbangan terhadap perasaan dan sempadan orang ramai menyumbang kepada masyarakat yang lebih hormat dan empati.

Kejayaan profesional dan peribadi: Memahami dan mengamalkan etika yang baik boleh memudahkan hubungan positif dalam kedua-dua tetapan peribadi dan profesional. Ia membawa kepada komunikasi lebih baik, rangkaian dipertingkatkan dan peluang yang lebih besar untuk kerjasama.

Mengkomunikasikan rasa hormat dan prihatin: Adab dan tatasusila berfungsi sebagai menyampaikan rasa hormat, prihatin dan bertimbang rasa terhadap orang lain. Perbuatan mudah seperti menggunakan bahasa sopan, menyatakan rasa terima kasih dan menunjukkan pertimbangan boleh membuat perbezaan ketara dalam cara individu dilihat dan dihargai.

Pencegahan dan penyelesaian konflik: Mematuhi etika dan tingkah laku sosial yang betul boleh membantu mengelakkan salah faham dan konflik. Ia menyediakan rangka kerja untuk menyelesaikan perselisihan faham atau menangani rungutan secara sivil.

Kepekaan budaya dan keterangkuman: Etika dan adab boleh menjadi panduan mengemudi perbezaan budaya dan menggalakkan keterangkuman. Memahami dan menghormati pelbagai adat dan tradisi boleh membantu memupuk masyarakat yang lebih inklusif dan memahami.

IMPAK ECOTOURISM KEPADA PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI MELAKA

Nurhafizah binti Mohd Zolkapli

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka

Melaka sangat dikenali sebagai negeri bersejarah yang kaya dengan warisan budaya dan keindahan semula jadi, kini giat memanfaatkan potensi *Ecotourism* sebagai pemangkin pembangunan ekonomi yang lestari. *Ecotourism*, atau pelancongan berasaskan alam sekitar, merujuk kepada aktiviti pelancongan yang memelihara alam semula jadi sambil memberi manfaat kepada komuniti setempat. Di Melaka, pendekatan ini bukan sahaja memperkukuh sektor pelancongan, malah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan berimpak tinggi.

Melaka menerima lebih 11 juta pelancong setakat Ogos 2025, dengan hasil pelancongan mencecah RM12.05 bilion. Sebahagian besar daripada jumlah ini disumbangkan oleh pelancongan alam sekitar seperti pelayaran sungai, lawatan ke kawasan hutan paya bakau, dan aktiviti agro-pelancongan. Ecotourism membolehkan komuniti luar bandar menjana pendapatan melalui penginapan homestay, jualan produk tempatan, dan perkhidmatan pelancong.

Terdapat pelbagai kesan ekonomi secara langsung menerusi aktiviti-aktiviti ecotourism yang dijalankan seperti peningkatan hasil jualan produk kampung seperti madu kelulut, batik, dan makanan tradisional. Selain itu ianya memberi peluang pekerjaan dalam bidang pemandu pelancong, pengusaha bot Sungai, dan fasilitator untuk program-program atau bengkel alam sekitar. Aktiviti-aktiviti ini juga dapat mengurangkan penghijrahan belia ke kawasan bandar melalui peluang ekonomi di kawasan luar bandar.

Kerajaan negeri Melaka memperuntukkan RM11.9 juta bagi pembangunan ecotourism khususnya di daerah Jasin dan Alor Gajah, termasuk pembinaan jeti, bot pelancongan, dan restoran terapung. Pelaburan ini bukan sahaja meningkatkan daya tarikan pelancongan, tetapi juga merangsang aktiviti ekonomi setempat seperti pembinaan, logistik dan perkhidmatan.

Melaka kini dikenali sebagai gerbang utama pelancongan negara, dan penganjuran acara seperti Hari Pelancongan Sedunia 2025 (WTD2025) serta pelancaran Tahun Melawat Malaysia 2026 di negeri ini memperkukuh reputasi Melaka di peringkat antarabangsa. Ecotourism menjadi tarikan utama kepada pelancong yang mencari pengalaman autentik dan lestari, sekali gus meningkatkan kadar penginapan dan perbelanjaan pelancong.

Ecotourism selari dengan Dasar Pelancongan Negara 2020–2030 yang menekankan pelancongan lestari sebagai teras pembangunan ekonomi. Melalui aktiviti seperti pelayaran sungai, lawatan ke ladang organik, dan program pemuliharaan hutan, Melaka menyumbang kepada ekonomi hijau yang mengimbangi pertumbuhan dengan pemeliharaan alam sekitar. Ianya juga memberi manfaat termasuklah mengurangkan kos pemulihan alam sekitar melalui pelancongan beretika. meningkatkan nilai hartanah di

kawasan ekopelancongan dan membantu menjana pendapatan berterusan tanpa eksploitasi sumber semula jadi.

Kesimpulannya, program ecotourism yang dilaksanakan di negeri Melaka bukan sekadar tarikan pelancongan, tetapi satu strategi ekonomi yang menyatukan kelestarian, pemberdayaan komuniti, dan pertumbuhan inklusif. Dengan sokongan kerajaan negeri, pelaburan strategik dan penglibatan aktif masyarakat, sektor ini berpotensi menjadi pemacu utama ekonomi Melaka yang berdaya tahan dan berimpak tinggi.

CERPEN

ABAH, AKU TAHU

Hamidah binti Jalani

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka

“Ina, Abah minta maaf. Abah hanya mampu sekolahkan Ina sampai SPM sahaja. Abah tak berdaya menanggung lebih daripada itu. Adik-adik Ina masih ramai yang bersekolah.”

Aku terdiam. Pandangan kosongku jatuh pada wajah adik-adikku yang masih menuntut ilmu.

Aku tahu Abah tidak pernah berniat menghancurkan harapanku untuk menyambung pelajaran. Mana ada ibu bapa yang tidak mahu melihat anaknya berjaya? Namun kerana kekangan kewangan, aku akur menangguhkan cita-citaku. Bukan bermakna aku harus menguburkan impian itu, hanya perlu ditunda sebentar. Ya, seketika sehingga aku mampu mencari pekerjaan untuk membantu Abah terlebih dahulu. Jika ada rezeki, pelajaran itu akan tetap aku sambung juga, lambat atau cepat. Itu janji pada diriku, itu impian yang tidak pernah padam.

Peristiwa itu menjadikan aku lebih matang. Aku tidak marah pada keputusan Abah, tidak juga menyalahkan takdir. Sebaliknya aku belajar, tidak semua yang kita mahu akan hadir sekelip mata. Untuk meraih sesuatu, perlu ada jerih perih dan usaha gigih. Itulah yang Abah ajar sejak kecil. Abah mendidik kami dengan kesungguhan, walau hidup serba sederhana tanpa kemewahan. Namun, aku bersyukur kerana dikurniakan seorang Abah yang berhati besar sentiasa mendahulukan anak-anak dalam apa jua keadaan.

Kini, hampir sepuluh tahun peristiwa itu berlalu. Aku berdiri sebagai pensyarah di UiTM Cawangan Melaka. Adik-adikku pula ada yang bergelar guru, berkhidmat dalam kerajaan, dan mengusahakan perniagaan sendiri. Sudah lapan tahun Abah pergi meninggalkan kami. Rindu ini tidak pernah surut. Semoga Allah menempatkan Abah bersama orang-orang yang beriman. Amin.

BANDAR MILIK SEMUA

*Anis Athira Syahirah Saifuddin, Juritah Misman
Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Melaka*

Di Kampus Bandar Maju, sekumpulan sahabat dalam Kelab Inovasi Bandar sedang berbincang menyelesaikan satu isu semasa: mengapa sukar bagi sesetengah orang mendapatkan rumah mampu milik di bandar seperti KL dan Pulau Pinang?

Norazman, presiden kelab, memulakan mesyuarat.

“Baik semua, mari kita cari punca kenapa ramai keluarga sukar nak memiliki rumah.”
Nizam bertanya, “Kita fokus pada golongan B40 saja ke? Keluarga berpendapatan rendah?”

“Ya,” jawab Farhana. “Mereka ni kerja biasa saja dan mereka guna hampir separuh gaji cuma untuk membayar sewa rumah! Memang susah.”

Diana bertanya, “Adakah ini cuma masalah wang? Atau bandar dibina untuk orang kaya saja?”

Fiqa mengangguk, “Kedua-dua faktor ini kot. Orang rasa macam tak diterima, hidup di bandar tapi tak rasa macam tinggal kat tempat sendiri.”

Rahim bergurau, “Macam bayar harga bandar, tapi tidur macam kat kampung!”

Semua ketawa.

Mereka mula cari idea. Farhana melontar idea, “Kalau kerajaan beri insentif kepada pemaju yang bina rumah mampu milik?”

Nizam tambah, “Atau kerajaan dan syarikat perumahan buat kerjasama kongsi kos.”

Fiqa senyum, “Saya suka idea begini. Bagaimana pulak kalau komuniti yang reka sendiri rumah masing-masing. Logik tak?”

Rahim tersengih, “Dan cukai kondominium mewah, guna duit tu bantu keluarga miskin.”
Diana beri amaran, “Bagus tapi pemaju kadang lupa janji bila dah dapat permit.”

Norazman tulis kat papan putih, “Kita kaji dan nilaikan idea-idea ini: 1) mampu milik, 2) adil, 3) cepat siap, dan 4) mesra alam.”

Nizam mencelah, “Saya nak tambah idea. Saya sarankan kita guna teknologi hijau macam panel solar. Setahu saya rumah yang dipasang panel solar boleh menjimatkan kos jangka panjang.”

Fiqa menambah, “Masyarakat kita perlu bersosial dan bercampur sesama komuniti sekitar supaya mereka tidak merasa keseorangan.”

Mereka kemudiannya berbincang dan meneliti kebaikan dan keburukan setiap idea yang ada. Kemudian, mereka bersetuju dan merumuskan beberapa idea utama untuk dibentangkan pada pihak berkuasa iaitu:

1. Memberi ganjaran kepada pemaju yang bina rumah untuk keluarga B40.
2. Melibatkan penduduk dalam proses mereka kawasan rumah masing-masing.
3. Mengguna teknologi hijau untuk jimat tenaga.
4. Memastikan kerjasama telus dan jujur.

Mereka semua mengambil maklum tentang tugas masing-masing. Rahim dengan semangat menjerit, “Saya buat slogan kita: Rumah Untuk Semua, Bukan Untuk Elit Saja!” Norazman tersenyum, “Bagus! Tunjukkan orang muda boleh buat perubahan.”

CEMERKAP

Ijlal Saja

Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Melaka

Jam menunjukkan 11.48 malam. Rumah sunyi, hanya bunyi kipas dan detik jam mengisi ruang. Dr. Hani, penat, masih di meja kerja, tersandar dengan pen merah di tangan, dibebani oleh kelelahan fizikal dan emosi. Di ruang tamu, anak perempuannya Amani telah tidur. Amani, berumur enam tahun, tidak lambat atau lemah, cuma berbicara lebih perlahan dan menyerap dunia dengan cara berbeza, penuh makna dan perhatian.

Petang sebelumnya, Hani dipanggil oleh guru taska. Amani menunjukkan potensi besar dalam seni, tetapi jarang bergaul dan bercakap. Kata-kata guru itu menusuk hati Hani, menimbulkan rasa bersalah, adakah dia terlalu tenggelam dalam dunia kerjayanya sehingga lalai memahami dunia anak sendiri?

Malam yang sama, anak lelaki sulungnya, Ahmad, mendekatinya. Matanya merah, masih terluka dengan kemarahan Hani malam sebelumnya kerana gagal menyalin nota. Ahmad memaklumkan bahawa dia sudah menyiapkan tugas, dan Hani hanya mampu memeluknya sambil mengakui kejayaan sebenar bukan di atas kertas, tetapi pada semangat yang tidak menyerah.

Selepas anak-anak tidur, Hani duduk di tepi katil Amani. Lukisan comot di dinding, satu garis panjang dan bulatan kecil, menggambarkan emosi Amani. Ketika ditanya, Amani menjawab, "Lukis mummy... Amani... scary." Kata-kata itu menampar hati Hani. Anaknya sedang melukis perasaan yang terpendam, dan Hani sedar dia sudah terlalu jauh.

Malam itu, dia menulis warkah bukan untuk sesiapa, tetapi sebagai janji kepada dirinya sendiri. Bahawa jika dunia tidak nampak keistimewaan anak-anaknya, dia akan menjadi mata yang terus percaya. Bahawa mereka bukan lemah, cuma unik. Dia belajar bahawa anak-anak ibarat pelita, bukan untuk dipaksa menyala, tetapi dijaga dengan kasih dan sabar hingga mereka bersinar pada waktunya sendiri.

Jam menunjukkan 12:32 pagi. Kerja belum selesai, namun hati Hani tenang. Dalam kesibukan mengejar KPI, dia menemui kembali makna sebenar kehidupan dalam pelukan anak-anaknya yang mengajarnya tentang sabar, kasih, dan erti sebenar kejayaan.

**CEMERKAP - terburu mahu segalanya tepat,
tapi selalu tersasar di tempat paling penting:
di hati mereka.**

DI SEBALIK CABARAN, TERSERLAH KEKUATAN

Maymunah Ismail

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka

Pandemik pernah menguji kita semua. Guru, pelajar, dan ibu bapa sama-sama merasai kesannya. Sebagai pendidik, aku belajar satu perkara penting dimana setiap cabaran yang hadir sebenarnya melahirkan kekuatan baharu.

Masih segar di ingatan, seorang pelajarku, Amir, berkata dengan nada tenang, “Madam, internet di rumah sering terputus. Jadi saya terpaksa duduk di kedai makan berjam-jam, semata-mata untuk masuk kelas.” Aku terdiam. Dalam kepayahannya, Amir tidak memilih alasan. Dia memilih untuk berusaha.

Seorang lagi pelajarku, Siti, pernah berbisik, “Telefon saya rosak, Madam. Saya pinjam telefon ayah. Kalau ayah keluar kerja, saya tak boleh sertai kelas...” Wajahnya penuh rasa bersalah, tetapi aku melihat keberanian dalam dirinya.

Saat itu aku tersedar, inilah wajah perjuangan zaman kini. Kalau dahulu pejuang menggadai nyawa demi kemerdekaan, kini anak-anak kita berkorban keselesaan dan masa demi menuntut ilmu. Tugas kita sebagai guru ialah membimbing, memahami, dan memberi semangat.

Aku lalu berpesan kepada mereka: “Jangan pernah berputus asa. Cabaran memang datang silih berganti, tetapi usaha, kesabaran, dan doa akan membuka pintu kejayaan.”

Beberapa minggu kemudian, Amir menghantar tugas lengkap walau perlu menulis semula kerana masalah capaian. Siti pula berjaya membentangkan kerja kumpulan hasil bantuan rakannya. Melihat usaha mereka, aku yakin — inilah benih ketabahan yang akan melahirkan generasi hebat.

Sebagai guru, aku belajar bahawa nilai murni bukan sekadar diajar di bilik darjah. Ia lahir daripada empati, keprihatinan, dan keikhlasan kita mendidik. Usaha kecil pelajar, jika disambut dengan bimbingan guru, mampu menjadi kunci kejayaan yang lebih besar.

AKU PROTON E.MAS 7: SUARA ELEKTRIK MALAYSIA

¹Mohammad Bastyian Mahmud, ²Khalilah Ibrahim

¹Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, UiTM Cawangan Negeri Sembilan

²Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka

Namaku **Proton e.MAS 7**. Aku lahir dari kilang Proton, hasil usaha dan impian besar rakyat Malaysia yang mahu melihat negara ini melangkah gagah dalam dunia automotif moden. Setiap skru, setiap wayar, dan setiap lekuk pada tubuhku bukan sekadar komponen ia adalah doa, cita-cita, dan kerja keras insan-insan di sebalikku. Aku bukan hanya besi dan bateri; aku adalah **tanda perubahan**, lambang bahawa Malaysia mampu berdiri sebaris dengan negara maju dalam industri automotif hijau. Aku bangga memperkenalkan diriku: **SUV segmen C, model elektrik sulung Proton**, dibangunkan bersama rakan teknologiku, Geely dari China. Gabungan kepakaran tempatan dan antarabangsa menjadikan aku lebih dari sekadar sebuah kenderaan aku adalah perkahwinan antara pengalaman, inovasi, dan harapan masa depan.

Namaku dipilih penuh makna **e.MAS**, singkatan daripada *Elektrik Malaysia*. Nama itu bukan hanya label, tetapi janji. Ia membawa simbol **emas** yang berharga, lambang kekuatan, dan nilai yang tidak ternilai untuk generasi mendatang. Aku adalah emas hijau yang bakal melakar sejarah, permata baru Proton yang akan mewarnai jalan raya Malaysia dengan kelestarian. Setiap kali lampu mataku menyala, aku merasakan semangat ribuan rakyat Malaysia yang percaya pada kemajuan. Setiap kali rodaku berpusing, aku seolah-olah membawa bersama impian negara **untuk bebas daripada pergantungan minyak, untuk bernafas dengan udara lebih bersih, dan untuk melangkah ke masa depan yang lebih lestari**.

Suatu hari, aku berhenti di sebuah stesen pengecas di lebuh raya. Di sebelahku sudah berdiri anggun **Tesla Model 3** dari Amerika. Badannya putih berkilat, dengan logo “T” yang sering jadi perhatian manusia. “Selamat datang, kawan baru,” spanya. “Aku Tesla, selalu jadi tumpuan kerana namaku sudah terkenal di seluruh dunia.” Aku tersenyum. “Aku Proton e.MAS 7, wakil Malaysia. Aku mungkin baru lahir, tapi aku percaya aku akan membawa perubahan besar.” Tak lama kemudian, datang **BYD Atto 3** dari China. Gayanya ceria, penuh tenaga muda. “Wah, makin ramai kita di sini. Tahukah kamu, BYD sudah jadi pengeluar EV terbesar di dunia tahun lalu? Tapi aku gembira melihat Malaysia kini ada anak bangsa sendiri, Proton, yang sudah berani melangkah.”

Di sisi lain, **Hyundai Ioniq 5** dari Korea meluncur masuk. Dia tampak elegan, penuh ciri futuristik. “Kami dari Korea percaya masa depan automotif mesti lestari. Aku lihat Malaysia ada potensi besar dengan kereta tempatan seperti Proton e.MAS 7, kamu pasti akan memimpin di rantau ini.” Tak lama selepas itu, datang **Neta V**, juga dari China, kecil dan murah, sering jadi pilihan anak muda. “Aku mungkin bukan sehebat Tesla atau secanggih Hyundai, tapi aku disukai ramai kerana hargaku mampu milik. Di Malaysia, semakin ramai pelajar universiti dan pekerja muda memilihku. Akhir sekali, hadir **Nissan**

Leaf dari Jepun yang paling veteran. “Aku sudah lama wujud di Malaysia, sebelum semua orang sibuk bercakap tentang EV. Aku tahu betapa sukarnya memulakan langkah awal. Proton, aku bangga kau kini menjadi sebahagian daripada keluarga kami.” Aku berasa terharu. Di situ, kami semua Proton dari Malaysia, Tesla dari Amerika, BYD dan Neta dari China, Hyundai dari Korea, dan Nissan dari Jepun berdiri sebaris, berkongsi tenaga di stesen pengecas.

Sambil menunggu bateri kami penuh, kami berbual. Tesla berkata dengan bangga, “Tahukah kamu, rakyat Malaysia semakin berminat dengan kami? Walaupun harga agak tinggi, ramai mahu rasa teknologi *Autopilot*.” BYD menyampuk, “Ya, tetapi jangan lupa Malaysia kini ada lebih **20,000 unit EV berdaftar pada tahun 2024**. Itu peningkatan lebih 200% berbanding 2022. Banyak di antaranya adalah aku, BYD Atto 3, kerana aku lebih mampu milik.” Neta ketawa kecil. “Betul! Aku pun semakin digemari. Orang muda suka kereta kecil sepertiku. Walaupun jarak bateriku tidak sejauh Tesla, aku tetap jadi pilihan kerana hargaku rendah.” Aku Proton e.MAS 7 mencelah dengan suara yakin. “Tetapi kita semua tahu, cabaran terbesar kita bukan sekadar harga. Ia tentang **stesen pengecas**. Setakat 2023, Malaysia hanya ada **1,246 stesen pengecas EV**. Kalau dibandingkan dengan berjuta kereta petrol dan pam minyak di setiap bandar, kita masih jauh ketinggalan.”

Hyundai mengangguk. “Itulah yang sering terjadi kita perlu beratur panjang, terutama pada musim perayaan. Tetapi aku percaya Malaysia sedang bergerak ke arah yang betul. Dasar Automotif Nasional 2020 mahu menjadikan negara ini **hab serantau EV menjelang 2030**.” Nissan Leaf tersenyum tenang. “Aku sudah lihat perubahan ini sejak dahulu. Dulu aku dianggap pelik. Kini, semakin ramai yang faham pentingnya mobiliti hijau. Proton, kehadiranmu sebagai kereta nasional pertama EV sangat bermakna. Kau bukan sekadar kereta, kau simbol keyakinan negara.” Aku berasa sebak mendengar kata-kata itu. Aku tahu tugasku bukan ringan. Aku perlu membuktikan Proton mampu bersaing dengan gergasi dunia.

Di stesen itu juga, kami mula berbicara tentang apa yang menjadikan kami istimewa. Tesla tersenyum bangga. “Aku terkenal kerana teknologi **Autopilot** yang membolehkan pemandu berehat seketika. Aku juga dianggap sebagai simbol gaya hidup moden.” BYD Atto 3 menambah dengan riang, “Aku mungkin tidak semewah Tesla, tetapi **bateriku tahan lama** dan hargaku lebih mesra poket. Sebab itulah ramai rakyat Malaysia mula memilihku.” Hyundai Ioniq 5 menyambung dengan tenang, “Aku pula sering dipuji kerana **rekabentuk futuristik dan ruang dalaman yang luas**. Aku sesuai untuk keluarga moden yang mahu kelainan.” Aku, Proton e.MAS 7, berdiri tegak penuh yakin. “Aku membawa nama Malaysia. **Aku kereta elektrik pertama Proton**, lahir daripada usaha rakyat sendiri. Aku mungkin baru, tapi aku simbol kebangkitan industri automotif negara.”

Kami saling berpandangan. Walaupun berbeza asal usul, kami tahu setiap daripada kami ada kekuatan tersendiri. Namun, suasana tiba-tiba menjadi sunyi. Neta V bersuara

perlahan. “Tapi... kenapa masih ramai belum memilih kita? Mengapa jalan raya masih penuh dengan kereta petrol?” Tesla menghela nafas panjang. “Kerana harga kita masih mahal. Di Malaysia, kebanyakan EV dijual lebih RM100, 000. Tidak semua keluarga mampu memilikinya.” Nissan Leaf, yang lebih berpengalaman, menyampuk dengan bijaksana. “Selain harga, ramai juga ragu-ragu dengan **jarak bateri**. Mereka takut terkandas di tengah jalan. Lagi pula, **stesen pengecas masih sedikit**. Setakat 2023, hanya ada sekitar 1,246 stesen di seluruh negara. Itu belum mencukupi.” Aku Proton e.MAS 7 mengangguk perlahan. “Ya, aku tahu cabaran itu besar. Tapi kita sedang berada di awal perjalanan. Perlahan-lahan, lebih ramai akan faham dan memilih kita.”

Ketika cas kami hampir penuh, aku termenung seketika. Aku lihat sekeliling motor berasap, lori besar, kereta petrol yang sibuk di jalan raya. Aku terfikir, *bilakah masa depan ini akan tiba?* Tesla berkata, “Di negara asal aku, infrastruktur sudah jauh lebih baik. Tapi aku percaya Malaysia akan mengejar. BYD menambah, “Ya, dengan pelaburan syarikat seperti **Gentari (anak syarikat Petronas), TNB**, dan pihak swasta lain, stesen pengecas pantas akan semakin banyak dibina.” Hyundai tersenyum, “Kita semua mungkin datang dari negara berbeza, tapi misi kita sama mengurangkan asap, menyelamatkan bumi.” Aku Proton e.MAS 7 menatap mereka semua. “Kawan-kawan, aku mungkin baru di dunia ini, tapi aku percaya aku membawa harapan untuk Malaysia. Aku tidak keseorangan. Bersama kalian, kita akan menjadi suara elektrik yang mengubah jalan raya negara ini.”

Ketika kami tenggelam dalam renungan, tiba-tiba terdengar bunyi lembut dari arah pintu masuk stesen. Sebuah **motor elektrik** meluncur masuk, tubuhnya kecil tetapi bergaya. “Kawan-kawan. Aku mungkin tidak sebesar kalian, tapi aku juga pejuang jalan raya hijau,” katanya ceria. Kami menoleh penuh minat. Motor itu meneruskan, “Aku digunakan ramai penghantar makanan dan penunggang di bandar. Cajku murah, penyelenggaraanku mudah, dan aku membantu anak muda bekerja tanpa menambah pencemaran udara.” Aku tersenyum melihatnya. “Walaupun kecil, jasamu besar. Kau membuktikan bahawa perubahan tidak semestinya datang dari yang besar. Kau adalah wira senyap di kota.” Kami semua mengangguk. Kehadiran motor elektrik itu membuatkan keluarga kami terasa lebih lengkap.

Malam itu, selepas semuanya selesai dicas, kami bergerak meninggalkan stesen. Aku memandang ke langit malam Malaysia, penuh bintang. Aku berkata dalam hati, *“Aku Proton e.MAS 7. Aku lahir dari Proton untuk menjadi pelopor EV Malaysia. Tetapi aku tidak keseorangan. Bersama Tesla, BYD, Hyundai, Neta, dan Nissan, kami adalah keluarga baharu kereta elektrik yang akan mengubah wajah jalan raya.”* Kami meluncur bersama di lebuh raya, enjin senyap tanpa asap. Angin malam menyapa lembut, seolah-olah turut meraikan kehadiran kami. Kami mungkin dari negara berbeza, tetapi kami membawa suara yang sama: **masa depan yang lebih hijau, lebih bersih, dan lebih lestari**. *“Kami bukan sekadar kereta. Kami adalah suara elektrik Malaysia. Namun begitu, kami datang bukan untuk bersaing, tetapi untuk bersama-sama membawa harapan.”*

Ketika deru senyap tayar kami menyentuh jalan raya tanah air ini, aku terasa sesuatu yang lebih besar sedang bermula. Hari ini kami hanya segelintir, tetapi esok ribuan, mungkin jutaan. Jalan raya Malaysia tidak lagi akan diselimuti asap hitam, sebaliknya dipenuhi tenaga baharu yang lebih mesra bumi. Aku Proton e.MAS 7, anak watan pertama dari Proton, lahir untuk masa depan Malaysia. Bersama sahabat-sahabatku, aku berjanji akan terus meluncur membawa cahaya perubahan. Kerana setiap perjalanan kami bukan sekadar tentang destinasi ia tentang **menulis sejarah baharu untuk bumi, untuk negara, dan untuk generasi yang akan datang.**

KESUKARELAWAN MENUNTUT PENGORBANAN

Maymunah binti Ismail

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka

Pandemik Covid-19 telah mengubah cara hidup kita semua. Sebagai pensyarah dan penasihat Kelab Sukarelawan Zakat (SUZA), aku juga tidak terkecuali daripada cabaran ini. Mesyuarat dan perbincangan yang dahulu berlangsung secara bersemuka kini hanya dijalankan secara maya. Namun, semangat kesukarelawan tidak pernah padam.

Dalam satu mesyuarat, aku bertanya, “Aida, bagaimana progres sumbangan Raya untuk Sekolah Lendu?”

“Madam, kita ada kekangan tenaga. Ramai ahli masih di rumah,” jawabnya dengan nada risau.

Aku termenung seketika, lalu beberapa pelajar yang berada di kolej tampil membantu. “Jangan bimbang madam, kami sanggup turun padang. Kami akan ajak rakan lain untuk sama-sama membungkus barangan.”

Ada juga pelajar dari jauh bersuara, “Madam, kami mahu turut serta, tapi jarak menghalang. Kami akan bantu secara maya.”

Aku tersenyum dan berkata, “Tidak mengapa. Semua orang ada peranan, sama ada dekat atau jauh. Asalkan kita ikhlas, usaha sekecil apa pun tetap besar nilainya.”

Akhirnya, beras, minyak, gula, biskut dan barangan lain siap dibungkus. Wajah anak-anak yatim dan golongan kurang upaya yang menerima sumbangan itu cukup membuat hati kami terharu. Saat itu aku sedar, kesukarelawan bukan sekadar aktiviti kelab, tetapi madrasah kehidupan.

Kesukarelawan mengajar erti pengorbanan, kasih sayang, dan kepedulian. Bila kita menghulur tangan kepada yang lemah, kita sebenarnya sedang menguatkan jiwa sendiri. Bila kita menggembirakan orang lain, Allah akan melapangkan hati kita dengan kedamaian.

REZEKI DALAM BEG KUNING

Khalilah Ibrahim, Noraishah Kamarol Zaman

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka

Buka telefon di hujung jari,
Pesanan masuk tak henti-henti.
Dunia kini serba digital sekali,
Niaga online jadi pilihan terkini.

Zaman sekarang, semuanya sudah beralih ke skrin. Kalau dulu orang sanggup beratur panjang di kedai, kini cukup tekan hujung jari, barang sampai depan pintu. Itulah kuasa dunia secara atas talian (*online*) laju, mudah, dan *trending*.

Aku sedar, kalau terus leka, aku akan ketinggalan. Semua orang sudah mula menjual *online*. Dari makanan, pakaian, kosmetik, hinggalah servis yang dulu hanya ada secara fizikal, kini semuanya bergerak dalam talian. Aku fikir, "*kenapa aku tidak ikut sama? Kalau dunia dah berubah, aku juga mesti berubah.*"

Bermula sebagai seorang influencer kecil-kecilan, akhirnya aku melangkah ke dunia perniagaan *online*. Dan siapa sangka, langkah itu mengubah kehidupanku.

Bisikan kata semangat terdetik di hati, "*kalau orang lain boleh, kenapa aku tak boleh?*" Itulah bisikan hati kecilku beberapa tahun lalu.

Pada awalnya, aku bukanlah seorang peniaga. Aku hanya seorang *influencer* kecil-kecilan yang suka berkongsi konten santai di media sosial. Setiap hari aku muat naik gambar makanan, produk penjagaan diri, atau sekadar video lawak spontan. Tidak pernah aku sangka, satu langkah kecil itu membuka pintu besar dalam hidupku dunia perniagaan *online*.

Dunia semakin berubah. Semua orang mula membeli belah secara *online*. Dari barangan dapur hingga pakaian, semuanya boleh didapati di hujung jari. Aku melihat rakan-rakan influencer lain yang mula menjual produk sendiri.

"*Eh, kalau aku buat pun boleh laku kot?*" fikirku sambil ketawa kecil. Pada mulanya aku hanya cuba-cuba, jual barang kecil yang aku sendiri suka pakai. Tidak sangka ada juga yang berminat membeli. Dari satu pesanan jadi sepuluh, dari sepuluh jadi seratus. Ruang tamuku yang dulu lapang, kini dipenuhi parcel yang menunggu untuk dipos.

Dalam perniagaan sekarang memang pantas berubah. Kalau dulu, berniaga hanya di pasar malam atau kedai tepi jalan, kini hampir semua orang beralih ke platform digital. Dari Shopee, Lazada, TikTok Shop, sehinggalah ke Instagram dan Facebook semuanya menjadi ruang niaga yang terbuka luas. Malah ada orang yang tidak pernah berniaga secara fizikal, boleh terus berjaya hanya dengan menjual melalui telefon pintar.

Aku melihat sendiri kadar peningkatan peniaga online semakin tinggi. Kalau tahun-tahun dahulu orang segan membeli dalam talian kerana risau ditipu, kini hampir semua urusan boleh dilakukan hanya di hujung jari.

Klik sahaja gambar barang yang disukai, masukkan ke troli maya, bayar, dan tunggu posmen datang membawa parcel kuning yang dinanti.

Mudah sungguh.

Lebih menarik, urusan pembayaran pun sudah sangat mudah. Kalau dulu terpaksa ke mesin ATM atau beratur panjang di kaunter bank, kini semuanya boleh dibuat dalam beberapa saat sahaja.

E-wallet, online banking, malah ada aplikasi yang membenarkan bayar secara ansuran tanpa kad kredit. Semua ini menjadikan berniaga *online* lebih menarik, lebih fleksibel, dan lebih *trending* untuk semua lapisan masyarakat.

Aku fikir dalam hati, *“Kalau aku tidak mula sekarang, aku akan ketinggalan jauh. Orang lain sudah melangkah, masa depan sedang bergerak laju ke depan.”* Dari situlah aku kuatkan semangat, daripada seorang *influencer* yang hanya suka-suka buat konten, aku melangkah lebih berani menjadi peniaga *online*.

Tokoh yang paling menginspirasikanku ialah Khairul Aming. Aku kagum dengan kejujuran dan ketekunannya. Dia buktikan bahawa berniaga *online* bukan sekadar menjual, tetapi membina hubungan dengan pelanggan. Dari situlah aku belajar berniaga mestilah ikhlas, barulah orang percaya.

Semenjak serius berniaga, kehidupanku jadi penuh warna. Aku dapat ramai kenalan baharu, pelanggan setia yang bukan sekadar membeli, malah menjadi sahabat maya. Ada yang berkongsi kisah hidup mereka, ada yang sekadar singgah meninggalkan komen baik: *“Terbaik servis kak, cepat sampai barang!”* Kata-kata sebegini ibarat vitamin semangat untukku.

Namun tidak semua manis. Ada juga komen yang pedih. Pernah seorang pelanggan tulis: *“Barang tak sama macam gambar!”* Aku hanya mampu tersenyum kelat, lalu menjawab sopan, “Mungkin sebab filter kamera, kak.” Dalam hati, aku ketawa kecil kalau semua nampak sama macam realiti, hilanglah kerja *influencer*!

Musuh?

Oh, itu juga aku tidak dapat elak.

Dalam dunia *online*, ada yang ikhlas, ada juga yang iri hati. Pernah aku disindir di media sosial kononnya produkku tidak asli. Saat itu, aku hanya mampu menarik nafas panjang. Nasib baik aku diajar oleh keluarga: *“Kalau betul kita jujur, biarlah masa yang buktikan.”*

Salah satu kenangan paling manis dalam hidupku ialah saat aku diumumkan sebagai Tokoh *Influencer* Harapan. Aku hampir tidak percaya namaku dipanggil naik ke pentas. Dari seorang yang dulu hanya suka-suka buat video, akhirnya aku berdiri di atas pentas menerima pengiktirafan. Aku lihat wajah keluargaku di bawah pentas, bersinar dengan bangga. Air mata syukur hampir menitis.

Anugerah ini bukan sekadar trofi yang kupegang, tetapi menjadi lambang bahawa usahaku selama ini tidak sia-sia. Ia menambahkan semangatku untuk terus berjuang dalam dunia perniagaan *online*. Aku berjanji pada diri sendiri, ini hanyalah langkah permulaan masih banyak ruang untuk belajar, masih luas peluang untuk digapai.

Lebih daripada itu, anugerah ini juga menjadi inspirasi kepada rakan-rakan peniaga lain. Ramai yang menghantar mesej ucapan tahniah, malah ada yang berkata, "*Kalau awak boleh, kami pun mesti boleh!*" Aku tersenyum membaca kata-kata itu. Aku sedar, kejayaanku bukan hanya untuk diriku, tetapi juga untuk membakar semangat orang lain.

Antara kebaikan yang kurasai selepas menerima anugerah ini ialah aku mendapat keyakinan baharu. Pelanggan semakin percaya, jenama perniagaanku lebih dikenali, dan pintu-pintu kerjasama semakin terbuka luas.

Aku juga berpeluang menghadiri bengkel dan seminar perniagaan, bertemu dengan usahawan-usahawan hebat yang selama ini hanya kutonton di media sosial.

Yang paling indah, anugerah itu membuat keluargaku lebih percaya bahawa pilihan hidupku ini benar-benar berbaloi. Jika dahulu ada suara yang berkata, "*Berniaga online boleh ke hidup?*", kini mereka melihat sendiri hasilnya.

Doa dan restu mereka mengiringi setiap langkahku, dan aku yakin keberkatan itu yang membuatkan rezekiku tidak pernah putus.

Namun, hidup ini tidak pernah lurus jalannya. Aku pernah ditipu pembeli yang licik. Dia kata sudah bayar, siap hantar resit palsu. Aku pun hantar barang dengan penuh percaya. Rupa-rupanya aku terkena *scammer*.

Hatiku hancur, bukan kerana barang, tetapi kerana manusia sanggup menipu demi kepentingan sendiri. Dari situ aku belajar, dalam perniagaan *online*, kita mesti berhati-hati. Jangan mudah percaya tanpa bukti jelas.

Selain itu, ada juga hari-hari getir bila *parcel* rosak semasa penghantaran. Pelanggan marah, aku pula terpaksa menanggung kerugian. Memang terasa ingin putus asa, tetapi doa dan restu keluarga menjadi penguat.

Ibuku sering berpesan: "*Rezeki tak pernah salah alamat. Kalau hari ini rugi, esok Allah ganti dengan lebih baik.*" Kata-kata itu bagaikan minyak yang kembali menyalakan pelitaku.

Aku berniaga bukan sekadar kerana duit. Ia bermula dengan suka-suka, tetapi akhirnya aku sedar inilah rezeki yang Allah aturkan.

Setiap kali aku hampir jatuh, keluargalah yang menghulur tangan. Mereka membantu membungkus barang, menghantar ke pejabat pos, malah memberi kata semangat saat aku letih. Tanpa mereka, aku mungkin sudah berhenti lama dahulu.

Dunia semakin digital. Aku yakin perniagaan *online* akan terus kekal dan relevan. Selagi manusia mencari kemudahan, selagi itu dunia maya akan jadi pasar besar yang tidak pernah tidur. Bagi aku, cabarannya bukan sekadar bersaing, tetapi bagaimana menjadi peniaga yang jujur dan konsisten.

Untuk adik-adik atau kawan-kawan yang baru mahu mula berniaga *online*, pesananku cuma satu: jangan mudah putus asa.

Mula dengan kecil, lama-lama ia akan berkembang. Jangan malu belajar daripada orang lain, dan jangan cepat berasa diri sudah pandai. Untuk pembeli pula, hargailah usaha peniaga. Jika barang lambat sampai, mungkin posmen tersangkut di jalan. Jika barang ada sedikit cacat, tegurlah dengan baik. Ingatlah, di sebalik skrin telefon ada manusia yang bersungguh-sungguh mencari rezeki halal.

Kini, bila aku imbas kembali perjalanan ini, aku tersenyum sendiri. Dari seorang *influencer* yang suka-suka, kini aku seorang peniaga online yang serius. Hidup ini memang penuh cabaran, tetapi di sebalik susah, ada manisnya.

Selagi ada usaha, doa, dan restu keluarga, insya-Allah rezeki akan datang tanpa disangka. Pesanku kepada diri sendiri dan semua: “Berniaga bukan hanya soal untung, tetapi soal kejujuran, keikhlasan, dan keberkatan. Jadikan perniagaan *online* ini bukan sekadar *trend*, tetapi jalan untuk memberi manfaat kepada orang lain.”

Aku pernah jatuh, aku pernah kecewa, malah aku pernah hampir menyerah.

Tetapi setiap kali aku rebah, aku belajar sesuatu yang baharu. Kerana dalam hidup ini, jatuh itu biasa, bangkit itu luar biasa dan itulah pegangan yang akan terus aku bawa. Kepada semua peniaga baharu, jangan takut mencuba dan jangan gentar gagal. Dalam dunia perniagaan, kegagalan hanyalah guru.

SI COMEL DI LORONG SUNYI

Noor Rafhati Romainha

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka

Di sebuah lorong kecil berhampiran pasar lama, seekor kucing jalanan berwarna putih bercampur tompok kelabu sering kelihatan. Bulunya kusut, namun matanya yang bulat bercahaya seolah menyimpan seribu cerita. Penduduk sekitar menamakan dia, *Si Comel*.

Setiap pagi, Si Comel akan berjalan perlahan-lahan menyusuri kaki lima kedai sambil mengiau kecil, seakan meminta belas kerana perutnya masih belum terisi sejak semalam. Ada yang sudi melemparkan sisa ikan goreng, ada pula yang sekadar menghalau. Walaupun begitu, Si Comel tidak pernah marah. Dia hanya akan duduk diam, menunggu dengan sabar. Sedar dirinya hanyalah seekor kucing jalanan.

Suatu hari, seorang kanak-kanak bernama Umar ternampak Si Comel sedang menggigil kesejukan di bawah meja gerai. Hujan lebat turun sejak tengah hari. Tanpa berfikir panjang, Umar menghulurkan sepotong roti dan menutup tubuh kecil itu dengan tuala lama yang dibawanya. Si Comel menggeselkan pipi ke tangan Umar seolah mengucapkan terima kasih.

Sejak hari itu, Umar kerap datang ke lorong tersebut. Dia membawa bekas kecil berisi nasi dan ikan. Setiap kali bertemu, Si Comel akan berlari-lari anak menyambutnya. Hubungan yang terjalin antara anak kecil dan kucing jalanan itu membuatkan orang ramai mula tersentuh hati. Peniaga pasar yang dahulu hanya melihat tanpa peduli, kini turut menyumbangkan sedikit makanan.

Lama-kelamaan, Si Comel tidak lagi kelihatan kurus dan kusut. Bulunya semakin bersih, tubuhnya makin sihat. Lorong sunyi yang dahulu dipenuhi sisa dan sampah kini berubah menjadi tempat yang penuh dengan kasih sayang. Kehadiran seekor kucing jalanan telah mengajar manusia erti prihatin.

Bagi Umar pula, Si Comel bukan sekadar kucing biasa. Dia adalah sahabat yang sentiasa setia menunggu, dan bukti bahawa sedikit belas kasihan mampu mengubah sebuah kehidupan.

KISAH PUTERI BALQIS DAN KAMPUS

¹Faizah Eliza Abdul Talib, ²Juridah Misman, ³Zainab Hj Mohd Zain, ⁴Nik Narimah Nik Abdullah

^{1,2}Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Dengkil

^{3,4}Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, UiTM Cawangan Melaka

"Puteri, kau dengar tak apa aku cakap ni?" tegur Ika sambil tersenyum, ketika kami berjalan di sepanjang laluan yang dipenuhi pokok rendang menuju ke kelas. Aku hanya tersenyum kecil, menyelak rambut yang ditiup angin. Dalam hati aku terfikir betapa tenangnya suasana di sini. Angin sepoi-sepoi, dedaunan yang bergoyang perlahan, dan kucing-kucing yang comel berkeliaran — rasanya seperti berada di dunia lain yang menenangkan.

Sebenarnya, salah satu perkara pertama yang membuatkan aku jatuh hati dengan kampus Alor Gajah, Melaka ialah persekitaran semula jadinya yang bersih dan damai. Di mana-mana sahaja kelihatan pokok-pokok hijau yang menyejukkan mata, dan udara yang segar tanpa pencemaran. Setiap kali berjalan ke kelas, aku akan berhenti sejenak menikmati bunyi daun ditiup angin.

Oh! ye. Kucing-kucing terbiar pon sangat manja kat kampus ni! Ada begitu banyak kucing comel yang berkeliaran di sekitar kampus. Kadang-kadang, bila aku duduk berehat kat bangku, seekor kucing akan datang menghampiri seperti meminta dibelai. Dan aku, seorang "pencinta kucing" semestinya akan melayan kucing.

Dulu, aku sangat gugup untuk tinggal kat kampus ni. Sebagai seorang introvert, aku bimbang kalau-kalau aku tidak dapat menyesuaikan diri atau tidak berjaya mencari kawan yang serasi. Namun, semuanya berubah secara perlahan.

Semasa minggu orientasi, aku mula mengenali beberapa rakan yang kini menjadi antara orang yang paling rapat denganku di kampus. Kami belajar bersama, saling membantu apabila ada yang tidak faham pelajaran, dan bekerjasama dalam menyiapkan tugas berkumpulan. Aku sangat menghargai setiap detik bersama kawan-kawan kelas dan juga kampus. Aku berharap semoga hubungan kami akan kekal.

Seterusnya, makanan — cinta kedua ku selepas kucing!

Satu perkara yang aku suka tentang kampus ini adalah tentang mudahnya cari makanan! Aku tak perlu keluar kampus untuk mencari makanan yang sedap. Terdapat pelbagai gerai dan kafe di dalam kampus yang menjual makanan yang enak dan murah, sesuai dengan bajet pelajar. Lepas kelas, aku boleh terus beli makanan kegemaran seperti nasi lemak atau Milo ais, sebelum masuk kelas seterusnya.

Tapi yang paling aku tunggu-tunggu adalah hari hujung minggu.

Setiap hari Sabtu dan Ahad, kampus akan dipenuhi dengan food truck yang menjual pelbagai jenis makanan — dari pasta berkrim, burger “juicy”, hingga minuman warna-warni cawan besar. Hahaha! Aku pernah mencuba lima jenis makanan food truck dalam satu hari bersama Ika. Kami gelak besar sambil menikmati makanan. Bagi aku, itu bukan sekadar ‘jalan-jalan cari makan’, tapi satu pengembaraan rasa.

Akhir sekali, perkara yang paling aku suka adalah langit dan suasana alam.

Bagiku, langit senja di kampus memang unik. Warna keemasan, merah jambu, ungu dan oren bercampur membentuk satu lukisan alam semula jadi yang menakjubkan. Pada waktu malam pula, langit dipenuhi bintang yang berkelip-kelip, sesuatu yang jarang aku dapat lihat kat kampung halaman di Shah Alam. Bulan pula kelihatan bulat sempurna dan bersinar terang.

Pernah pada satu petang, selepas hari yang panjang dan melelahkan, aku duduk seorang diri di bangku sambil melihat matahari perlahan-lahan terbenam di ufuk barat. Suasana itu sangat tenang, dan aku berbisik dalam hati, “Langit macam ni cuma ada kat sini.” Itulah kehidupan ku di kampus — pokok dan kucing, kawan dan makanan, langit senja dan bintang malam. Dan sejauh nya, waktu-waktu sebegini aku rasa bersyukur, Alhamdulillah - persis macam sang puteri menikmati kehidupan belajar di kampus.

DUNIA SATU LAGI
Bok Check Meng
Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Melaka

Tak sangka semasa perhimpunan ini, mereka paling banyak bercerita tentang Chunling. Begitu dekat dengan Sungai Muar, selebar dua jalan. Pada waktu malam, mereka mengalihkan dua kerusi dari rumah dan duduk bersebelahan di balkoni kecil, berasa seolah-olah duduk bersama di kandang gelanggang. Bunyi ombak boleh didengari di sana; melalui cahaya bulan yang sedikit, anda juga boleh melihat bunga putih mekar di pantai dalam air hitam.

Ini adalah kali pertama dalam hidup mereka bahawa mereka duduk dan melihat laut bersama-sama seperti ini, dan melihat ombak terbang pergi seperti bayang-bayang sebaik sahaja ia mekar. Tetapi mereka semua berusia lebih dari empat puluh tahun; Chunling lebih tua, rambutnya kelabu, dan dia duduk sekitar setengah tahun.

Chunling masih ingat dengan jelas Guixiang mengalami kemurungan selepas bersalin, dan seluruh dunia gelap. Pada masa itu, Lebuhraya Utara-Selatan masih belum dibuka, jadi dia menaiki bas jarak jauh semalaman ke selatan, dan tinggal di rumahnya selama tiga bulan, dan pada masa yang sama bertindak sebagai pengasuh ibu dan anak perempuan mereka. Pada masa itu, ia adalah jisim daging yang sangat kecil, lemah dan hampir tidak ada tulang, seperti sosok manusia yang diuli secara kasar dari tanah liat. Setelah menerima nafas Tuhan, ia kini seorang ibu.

Beehong yang berusia tiga puluh selalu memanggil Chunling "ibu baptis", tetapi sebenarnya mereka tidak begitu rapat. Salah satunya ialah jaraknya terlalu jauh, Chunling tidak terlalu sering melihat wajah Guixiang kerana masih dipisahkan oleh generasi, dan nampaknya kanak-kanak itu membuka matanya selepas lahir, dan tempoh memberontak bermula. "Ibu, kamu hanya boleh bercakap tentang Jesus."

Bagaimana dia boleh bercakap tentang Jesus? Dia tidak lebih daripada makhluk yang tidak berdaya, tetapi sentiasa berdoa di antara doa. "Sebab aku rindu melihat kamu, untuk memberikan kepadamu karunia rohani, supaya kamu menjadi kuat."

Dia minum cuka sari epal yang dicampur dengan air putih, Guixiang meminum bir dalam tinnya, dan Tuhan menuangkan mata-Nya seperti bir ke dalam awan, memenuhi lautan. Dalam situasi ini, mereka semua merasakan bahawa perlu ada muzik, tetapi tidak ada.

Mereka bercakap tentang lagu yang mereka suka dengar sebelum ini, dan kemudian mendapati ramai penyanyi yang menyanyikan lagu-lagu itu telah meninggal dunia, dan sebahagian daripada mereka seolah-olah telah hilang ke dalam sungai.

Guixiang kemudian bercakap tentang Beehong sekali lagi, mengatakan bahawa dia masih menyukai lagu-lagu pop Korea yang dia tidak faham sama sekali, dan dia juga jatuh cinta dengan orang yang dia telah berbual dengan dalam talian selama beberapa hari dan tidak dikenali sama sekali.

"Siapa sangka dia sebenarnya seorang ibu." Dia tersenyum sumbing sambil menekan-nekan jarinya pada perut tin bir yang kosong sehingga berkerut, seperti orang mengetap gigi dalam tidur. "Sungguh, tembikai kecil itu boleh menyebut 'Mak'. Dia tidak tahu bahawa ibunya juga belum besar."

Chunling hanya tersenyum sepanjang masa, dan saudara-saudari di gereja sering datang untuk berbual dengannya, mengadu kepadanya, dan dihiburkan dengan senyumannya. Guixiang berkata bahawa dia tersenyum seolah-olah dia menjamin bahawa ia akan menjadi cerah selepas hujan, dan itu bukan masalah besar. "Itu kerana anda bernasib baik dan tidak pernah menghadapi sebarang masalah sebenar."

Apabila Guixiang berkata begitu, dia terfikir tentang Chunling yang sudah sangat matang di masa mudanya. Keluarganya menjual kasut, dan terdapat sebuah kedai lama di Jalan Abdullah, yang menjual kasut kulit asli. Pada masa itu, terdapat dua deretan rumah kedai yang panjang di Jalan Abdullah, dan beberapa daripadanya mempunyai tingkap kaca dari lantai ke siling. Kasut-kasut digilap dengan sempurna, nombor yang tertulis pada tanda harga kecil sangat mengejutkan. Ketika itu, Guixiang merasakan keluarga Chunling berada dalam keadaan yang baik, dan harga sepasang kasut cukup untuk mereka sekeluarga makan dan minum selama dua tiga minggu.

Guixiang bekerja sambilan tahun di kedai kasut itu. Selepas lulus tiga peperiksaan sekolah rendah, ibunya sangat sakit dan tidak boleh bangun dari katil lagi, banyak suntikan dan ubat-ubatan, bergantung kepada gaji yang bapa Guixiang bantu dalam persatuan perikanan, tidak ada anjing ganti dalam keluarga. Anak kucing tidak boleh kenyang makan. Sebelum cuti sekolah yang panjang pada penghujung tahun, bapanya membawanya ke kedai kasut, dan mula bekerja pada hari itu.

Ketika itu hanya seorang pekerja biasa di kedai itu iaitu seorang kakak berbangsa Melayu, Hamidah. Bos menjaga makanan Guixiang dan memintanya naik ke atas untuk makan tengah hari bersama keluarga mereka pada pukul 12:00 tengah hari. Meja persegi boleh dilipat dibuka kepada cahaya dari tingkap (Guixiang sentiasa dipaksa untuk duduk di sudut yang menonjol), dan terdapat tiga hidangan dan satu sup di atas meja, makanan yang dimasak di rumah dari rumah orang lain, jadi Guixiang secara semula jadi mempunyai apa-apa untuk dikatakan; bos dan isterinya. Dia tidak banyak bercakap dengan anak lelaki dan perempuan mereka, dan kadang-kadang bercakap dengan suara yang lembut, seolah-olah dia tidak membuka mulutnya; Guixiang menadah telinganya, tetapi dia hanya boleh mendengar bunyi burung pipit di luar tingkap.

Di antara dua anak bos, Chunling ialah kakak. Dia berada di kelas pra-universiti. Dia berkulit cerah. Dia memakai ekor kuda di belakang kepalanya dan kelihatan segar dengan uniform sekolahnya. Adik lelakinya menghidap sejenis penyakit yang menjadikan wajahnya seperti klon yang mudah diingat tetapi sukar untuk dikenali. Guixiang tidak dapat menahan untuk mencuri pandang kepadanya sepanjang masa, ingin tahu tentang julingnya dan segala jenis tingkah laku degil pada tubuhnya, dan matanya akan sentiasa bertemu mata kakaknya Chunling pada akhirnya.

"Masa tu saya terfikir, kenapa mata lelaki ni bersih sangat?"

Apabila Guixiang berkata demikian, Chunling terfikir tentang seorang kakak di gereja. Lelaki itu kehilangan bola mata dalam kemalangan kereta ketika dia masih muda, dan mata palsu yang dipasangnya kemudiannya sangat realistik. Selepas bertahun-tahun hakis, kulitnya terkelupas, dan dia menjadi balu, dan dia menjadi kelabu. Hanya mata palsu sentiasa jelas.

Kerana Tuhan tiada, ibu terpaksa meninggal dunia dengan tragis di rumah. Penyakitnya mengubah tubuhnya, dan kesakitannya berubah menjadi beribu-ribu semut yang terus membiak, dan menetap di tulangnya yang berlubang, jadi dia tegang sebelum kematian, dan mukanya yang berpusing beku dalam kematian; mulutnya terbuka, separuh-memejamkan matanya, kelihatan ada jeritan nyaring yang tidak kedengaran di udara. Apabila Guixiang dan ayahnya pulang ke rumah, mereka melihat mayat ibunya terbaring di atas katil seperti patung lilin yang jatuh. Katil yang kusut itu dicemari oleh matahari terbenam, dan anak kucing itu duduk di bawah cahaya keemasan, mengeong, dan dengan lembut memberitahu bapa dan anak perempuannya apa yang dilihatnya.

Guixiang dan ayahnya berdiri di tepi katil untuk masa yang lama, seolah-olah tidak dapat membuat keputusan tentang apa yang perlu dilakukan, dan agak tidak percaya bahawa bencana yang telah melanda keluarga mereka selama dua atau tiga tahun yang lalu akan berakhir seperti ini. Mereka menunggu di sana, seolah-olah mereka semua berfikir bahawa orang di atas katil mungkin bangun, membuka mata mereka secara tiba-tiba, mengedutkan anggota badan mereka dan berusaha untuk bernafas, dan mengadu kesakitannya dengan tangisan yang mengerikan itu.

MENGAPA

Fatimah Hashim, Nurul Emyza Zahidi

Fakulti Sains Komputer dan Matematik, UiTM Cawangan Melaka

[Sekolah rendah] Ibu, ada sorang kawan adik kat sekolah tadi kan, mengapa dia tak macam tak berapa pandai Ibu?

Adik.. Setiap manusia itu Allah jadikan berbeza-beza. Ada yang cantik, ada yang kurang cantik. Ada juga yang pandai dan kurang pandai. Yang pastinya, tiada yang sempurna. Maka itu, jangan sesekali mengata orang sebegitu. Kawan adik tu hanya lambat sedikit sahaja tu. Allah nak bagi peluang adik buat pahala dengan tolong kawan tu. Belajar sama-sama. Dapat jugak Adik pahala kan.

[Sekolah menengah] Mengapalah adik kena belajar subjek ni Ibu? Entah bila nak guna entah benda yang belajar ni..

Adik.. belajar bukan semata-mata untuk periksa. Walaupun subjek ni adik tak suka, ada hikmah di sebaliknya. Ia mengajar adik cara berfikir bahawa untuk menyelesaikan sesuatu masalah itu ada pelbagai kaedahnya. Tidaklah semestinya setiap 1 masalah itu, ada 1 sahaja jalan penyelesaian. Macam adik nak pergi sekolah. Selalu naik bas. Tapi, bila tertinggal bas, nak pergi macam mana? Naik la kereta ibu atau kereta ayah. Boleh juga tumpang kereta jiran setaman.

[Universiti] Ibu, jeles la tengok Kawan Adik tu. Dia lawa Bu. Ramai minat dia.

Adik.. semua orang, Allah yang jadikan bukan? Patut ke kita kata ciptaan Allah tu tak cantik? Yang betulnya ialah setiap orang mempunyai kecantikan yang tersendiri bergantung kepada penilaian mata orang yang melihat. Tapi, paling penting apa? Utamakanlah pandangan Allah daripada pandangan manusia. Dengan izin Allah, orang akan melihat kecantikan kita yang sebenar tanpa perlu kita menarik perhatian mereka. Apa itu kecantikan sebenar? Cantik luar dan dalam. Bukan seperti bunga dedap.

[Rumahtangga] Ibu, Adik tak sangka yang setelah berkahwin, suami Adik tidak seperti yang Adik sangkakan.

Adik.. Suami tu dibesarkan bagaimana sebenar-benarnya pun kita tidak tahu. Yang pasti, baik Suami atau pun Adik sendiri, masing-masing punya kekurangan dan kelebihan. Salah satu kunci kebahagiaan rumah tangga adalah dengan komunikasi yang baik dan bertolak-ansur dalam banyak perkara. Sabar itu suatu kemestian. Maklum lah, untuk mencapai keserasian itu bukanlah sehari dua ye. Ingat Allah dalam apa jua keadaan. Jangan mudah mengalah atas kesusahan yang dialami. Pantang menyerah sebelum berjua!

[Suatu Ketika]

Adik.. Ibu telah tiada.

Ibu.. Ibu.. Ibu..... Adik rindu Ibu!

MENTARI TERBIT DI GUNUNG FUJI - HIKMAH DI BALIK HUTAN

Siti Mariam Ali

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka

Aokigahara

Langkah Pertama ke Aokigahara

Pagi itu udara dingin menyapa wajahku, tatkala kenderaan yang aku naiki berhenti di sebuah kawasan hutan yang begitu terkenal, namun penuh misteri — Aokigahara, lebih dikenali sebagai Suicide Forest. Di balik pepohon yang berdiri tegak, dengan akar-akar tua meliar, suasana sunyi membalut bumi. Walaupun matahari sudah meninggi, cahaya seakan terhalang menembusi dahan-dahan raksasa yang saling bertaut.

Segar tapi seram! Begitulah bayangan minda apabila melalui kawasan hutan ini. Aku melangkah perlahan, merasakan tanah yang lembut dan berlumut. Setiap hela nafas seakan berat, bukan kerana oksigen yang tipis, tetapi kerana cerita-cerita yang melekat pada hutan ini. Hutan ini menjadi saksi ribuan jiwa yang memilih jalan kematian di sini, seolah-olah pepohon tua itu menyimpan rahsia bisikan terakhir manusia yang putus asa. Di dada, terdetik firman Allah:

وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ

“Dan janganlah kamu membunuh jiwa yang diharamkan Allah, kecuali dengan alasan yang benar.” (Al-Isra’: 33)

Aku teringat bahawa hidup, walau sesukar mana, tetap milik Allah. Nafas yang keluar dan masuk adalah amanah, bukan hak mutlak kita.

Jejak Menuju Gunung Fuji

Selepas menelusuri sebahagian kecil Aokigahara, aku meneruskan langkah menuju kawasan selatan Gunung Fuji. Bukan dari Shizuoka yang sering digambarkan dalam poskad pelancong, tetapi dari sisi lain yang lebih sunyi, lebih sederhana, dan lebih benar-benar mendekatkan aku dengan keagungan alam.

Gunung Fuji menjulang tinggi, putih diselaputi salju di puncaknya, berdiri sebagai lambang Jepun, tetapi lebih daripada itu bagiku: ia adalah ayat kebesaran Allah yang nyata.

وَالْجِبَالِ أَرْسَلَهَا ۚ مَتَّعِبًا لَّكُمْ وَلَئِنَّمْ

“Dan gunung-ganang telah Dia pasakkan, sebagai kemudahan untukmu dan haiwan ternakanmu.” (An-Nazi’at: 32-33)

Setiap kali aku mendongak ke arah Fuji, aku terasa kecil — betapa rapuhnya manusia, betapa Agungnya Sang Pencipta.

Refleksi Kehidupan & Kematian

Di hutan Aokigahara, manusia mencari kematian. Di kaki Gunung Fuji, manusia mencari kehidupan, keindahan, dan ketenangan. Dua wajah yang bertentangan, tetapi terletak dalam satu ruang bumi yang sama.

Aku termenung: mengapa ada yang sanggup menamatkan hidup? Bukankah Nabi ﷺ telah bersabda:

“Barangsiapa membunuh dirinya dengan besi, maka besi itu akan tetap di tangannya, menusuk perutnya di neraka Jahannam, kekal di dalamnya selama-lamanya. Dan barangsiapa membunuh dirinya dengan racun, maka racun itu akan ada di tangannya, dia meminumnya di neraka Jahannam, kekal di dalamnya selama-lamanya. Dan barangsiapa membunuh dirinya dengan terjun dari gunung, maka dia akan terjun dalam neraka Jahannam, kekal di dalamnya selama-lamanya.” (HR Bukhari & Muslim)

Hadis itu terngiang di telingaku, seakan peringatan buat semua musafir yang melangkah di bumi asing ini. Hidup ini bukan milik kita, tetapi milik Allah. Putus asa bukan jalan keluar, sebaliknya zikir, doa, dan tawakal itulah kunci yang membangunkan jiwa.

Mentari Terbit di Fuji

Ketika matahari mula terbit, cahaya keemasan menyaluti kaki Gunung Fuji. Salju di puncak berkilauan, seperti permaidani cahaya yang ditaburkan dari langit. Aku duduk di sebidang batu, memandang ke atas. Angin dingin menusuk, tetapi hatiku hangat dengan rasa syukur.

Aku teringat ayat suci:

فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا (5), إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا (6).

”Sesungguhnya bersama kesulitan ada kemudahan. Ya, bersama kesulitan itu ada kemudahan.” (Al-Insyirah: 5-6)

Bukankah inilah janji Allah? Bahawa dalam setiap duka ada suka, dalam setiap gelap ada cahaya, dalam setiap luka ada penawar.

Gunung Fuji berdiri seakan saksi bisu, bahawa kehidupan ini bukan untuk berputus asa. Seperti gunung yang tabah menanggung salju musim dingin, begitulah manusia harus menanggung ujian dengan sabar, kerana selepas dingin ada musim bunga, selepas salju ada sakura.

Perjalanan seharian ke Gunung Fuji memberi ibrah besar untuk muhasabah diriku seketika diberi peluang berada di Bumi Matahari Terbit itu. Aku menutup hari itu dengan sebuah doa:

“Ya Allah, jadikanlah hidupku penuh makna, meski singkat. Lindungilah aku dari rasa putus asa, dan tanamkan dalam hatiku cahaya tawakkal. Janganlah Kau biarkan aku tergolong dalam mereka yang hilang harapan lalu memilih jalan yang Kau murkai.”

Dan aku berjanji pada diri sendiri: jika sakura itu mengajarku kefanaan, maka Gunung Fuji ini mengajarku keteguhan. Hidup ini memang singkat, tetapi selagi bernyawa, ia adalah amanah yang mesti dijalani dengan Sabar, Syukur dan Iman.

PENGALAMAN SAYA SEPANJANG PEMBENTANGAN PICASO

Wan Nuralia Humaira Wan Mohd Hisyamuddin, Juritah Misman

Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Melaka

Saya bernama Wan Nuralia, pelajar semester akhir kursus Diploma Bahasa Inggeris. Ini kisah saya pada minggu ke lima belas minggu akademik.

Hari Selasa yang lalu merupakan hari yang telah saya nanti-nantikan selama lima belas minggu—hari pembentangan projek PiCaSo. Projek saya dinamakan *“It’s Giving Healthy Vibes!”*, dan saya hampir tidak percaya bahawa akhirnya saya akan mempersembahkan projek semester akhir LG120 iaitu sebuah e-buku tentang panduan mengekalkan kesihatan bagi pelajar remaja di kampus. Malam sebelumnya, saya hampir tidak dapat tidur. Slaid sudah siap, isi pembentangan sudah saya hafal, dan saya telah berlatih berkali-kali sehingga terasa seperti boleh memberi pembentangan walaupun dalam mimpi. Namun, tangan saya tetap menggigil ketika memilih pakaian pada pagi itu. Saya berdiri di depan cermin dan berbisik pada diri sendiri, “Kau boleh buat ni. Inilah masanya.” Menjelang jam lapan pagi, dewan pameran di perpustakaan kampus sudah dipenuhi dengan suasana meriah. Gerai-gerai mula didirikan, para pelajar kelihatan sibuk ke sana sini, dan energinya sungguh terasa luar biasa. Saya menghias gerai saya dengan infografik yang dicetak kemas, skrin digital kecil tablet saya aktif memainkan video promosi, dan peralatan poster dan risalah berwarna-warni untuk menarik perhatian penilai projek dan juga pengunjung ruang pameran milik saya. Namun, jantung saya tetap berdegup kencang.

Ketika saya sedang membetulkan alas meja buat kali terakhir, rakan saya Aina datang menghampiri. “Hei, kau okay tak? Muka kau macam nak pengsan je,” katanya sambil ketawa kecil. “Aku rasa memang nak pengsan pun,” jawab saya dengan senyuman gementar. “Relaks! Projek kau hebat. Kau dah cukup buat latihan, mesti boleh buat punya Aisyah!” dia menenangkan saya sambil menepuk bahu.

Tak lama kemudian, pemeriksa jemputan dari institusi akademik luar tiba ke gerai pameran saya. Beliau merupakan seorang pensyarah yang kelihatan ramah dengan senyuman ingin tahu. “Selamat pagi. Jadi ini projek ‘It’s Giving Healthy Vibes!’, ya? Saya dah tertarik dari tajuknya lagi,” katanya mesra.

Nada suaranya serta-merta menenangkan saya sedikit. Saya pun memulakan pembentangan saya—pada awalnya dengan suara sedikit bergetar, tapi lama-kelamaan semakin yakin. Beliau mengangguk-angguk, bertanya soalan yang bernas.

“Apa yang menginspirasi awak untuk hasilkan projek ini?” soalnya.

“Sejujurnya, saya amati bahawa ramai juga golongan muda sekeliling saya yang makin terjebak dengan tabiat pemakanan tak sihat. Akibatnya, ramai remaja yang berbadan gempal atau mempunyai berat badan yang melebihi paras normal. Maka nya, saya nak

hasilkan sesuatu E-buku yang ringkas tapi berkesan untuk membantu golongan remaja di kampus kembali memiliki berat badan yang seimbang.”

Beliau kelihatan kagum dan memberikan beberapa cadangan membina: “Kalau awak bercadang nak kembangkan projek ni, cuba libatkan pakar pemakanan bertauliah. Ia boleh meningkatkan kredibiliti kandungan buku panduan kesihatan awak ni.” Saya mengangguk bersungguh-sungguh. “Itu idea yang sangat bagus. Terima kasih, cikgu!”

Selepas itu, panel industri pula datang. Gayanya profesional dan serius. “Okay, tunjukkan apa yang awak ada,” katanya ringkas. Saya menarik nafas panjang dan mula semula, kali ini lebih menumpukan kepada aspek pemasaran dan potensi projek.

Beliau tegas orangnya, tapi turut memberikan idea yang membina. “Kandungan awak bagus, tapi cara penyampaian boleh ditingkatkan. Audiens zaman sekarang lebih suka video berbanding kandungan teks. Kalau nak tarik perhatian, awak kena aktif pos kandungan video awak di TikTok, Instagram, YouTube—semua platform.”

“Saya faham. Saya akan usahakan kandungan multimedia dengan lebih serius,” balas saya. Selepas beliau berlalu pergi, saya akhirnya dapat menarik nafas lega. Selepas detik itu terasa hari berlalu dengan begitu pantas. Rakan-rakan sepengajian juga datang melawat gerai saya untuk sama-sama memberikan sokongan. Pensyarah lain turut singgah bertanya, dan saya terdengar beberapa pelajar berbual tentang gerai saya dengan penuh teruja. Penyelia projek, Cik Jue juga singgah bagi menyampaikan kata-kata sokongan. Syukur Alhamdulillah!

Akhirnya, saya bukan sekadar membentangkan projek—saya juga banyak belajar daripada pengalaman ini. Saya belajar mengurus tekanan, menerima kritikan secara terbuka, dan bercakap dengan penuh keyakinan.

Ketika saya mengemas gerai, saya tersenyum sendirian. “Selangkah lebih dekat dengan diploma,” saya berbisik.

LAIN-LAIN

ESEI NARATIF: "MAKANAN ORGANIK: ANTARA GAYA HIDUP DAN KEPERLUAN"

Harniyati Hussin

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka

Aku teragakap ketika melihat harga sebiji epal organik di pasar raya elit itu—RM12.90. "Ini lebih mahal daripada sepiring nasi kandang," bisikku. Di sebelah rak, seorang wanita berpakaian yoga dengan beg kain berlabel "Save the Earth" memasukkan lima biji ke dalam bakul tanpa sebarang ragu. Matakku beralih ke gerai sayur biasa di luar: timun biasa—RM3 sekilo, timun organik—RM18. "Adakah ini sekadar pilihan gaya hidup, atau keperluan yang dipaksa oleh zaman?" tanyaku dalam hati, memulakan pencarian jawapan yang mengubah pandanganku selama-lamanya.

Gelombang Hijau: Dari Ladang ke Instagram

Aku teringat pertama kali istilah "organik" menyerbu hidupku—melalui iklan influencer di Instagram. "Tanpa racun, lebih sihat, lebih lestari!" Mereka ber-*pose* di tengah kebun urban dengan *smoothie bowl* warna-warni. Tapi, adakah ini sekadar *aesthetic*?

Kunjunganku ke sebuah ladang organik di Kundasang menjawabnya. Encik Samad, petani berusia 60 tahun, menggeleng ketika aku bertanya tentang tren tersebut. "Dulu, semua makanan kami organik—tanpa label mahal. Sekarang, orang kota baru 'tersedar', tapi tanah sudah sakit kerana mereka juga," katanya sambil menyentuh bumi yang retak. Ironinya: kita membayar lebih untuk kembali ke asal.

Dilema Dompot & Diri

"Kenapa tak beli organik saja? Kesihatan itu investasi!" tegur kawanku, Farah, sambil menunjuk detox juice RM25 di tangannya. Tapi, bagaimana dengan Mak Cik Rokiah di PPR yang terpilih antara bayar bilik sejuk atau sebiji tomato RM8?

Aku menguji diri—hidup hanya dengan makanan organik selama seminggu. Hasilnya: dompet Kempis, tapi kesedaran membengkak. Bukan semua yang berlabel "organik" benar-benar suci (aku terjumpa skandal sijil palsu dalam forum petani). Persoalannya: adakah kita membeli kesihatan, atau sekadar guilt-free conscience?

Mencari Makna Sebenar di Sebalik Label

Di sebuah pasar tani di Penang, aku bertemu dengan Dr. Amira, penyelidik kesihatan awam. "Makanan organik bukan tentang superioriti moral," jelasnya. "Ia tentang sistem—adil untuk petani, selamat untuk pengguna, lestari untuk bumi."

Kata-katanya mengingatkanku pada kebun kecil nenek: ulat yang dibiarkan hidup, daun yang dibaja dengan tahi ayam, hasilnya cukup untuk keluarga dan jiran. Itulah organik sebenar—bukan sekadar produk, tapi falsafah hidup yang hilang dalam kemodenan.

Kini, setiap kali aku melihat label "organik", aku tidak lagi terpesona. Aku teringat senyum Encik Samad, kepenatan Mak Cik Rokiah, dan kebun nenek yang tiada sijil tetapi penuh makna. Mungkin pilihan kita bukan tentang *organic vs conventional*, tapi tentang

kesedaran: beli secara lestari jika mampu, hormati mereka yang tidak, dan lawan sistem yang menjadikan makanan sihat sebagai barang mewah.

Epal RM12.90 itu? Aku akhirnya membelinya—sebij—lalu membahagikannya dengan rakan sepejabat. "Mahal, tapi sedap," ujarinya. Aku tersenyum. "Ya, tapi jangan makan nilai moralnya sekali."

Sekadar renungan..

INTERPRETASI SENI DARI BAHAN BOTOL TERPAKAI

Shahariah Mohamed Roshdi

Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Cawangan Melaka



Pelestarian Sumber Air

1 x 1 kaki

Botol, Benang & Canvas

2012-2024

Sebagai seorang seniman seni halus, saya terpesona dengan pelbagai bentuk kehidupan, sama ada yang wujud dalam alam semula jadi atau yang dihasilkan oleh tangan manusia. Dalam karya ini, saya mengambil pendekatan untuk menggunakan bahan-bahan terbuang sebagai medium untuk meneroka idea-idea kreatif yang sarat dengan makna yang mendalam.

Penggunaan botol, terutamanya botol plastik yang telah dibuang menjadi sebahagian daripada tugas saya dalam *Thematic Drawing Studies* di UiTM Jalan Othman, Petaling Jaya sekitar 12 tahun yang lalu. Saya menukar botol-botol ini menjadi elemen estetik yang bukan sahaja mencerminkan kreativiti, tetapi juga berfungsi sebagai simbol terhadap isu-isu seperti pencemaran dan ketergantungan kepada bahan pakai buang. Secara khusus, karya ini merujuk kepada cebisan botol dan benang yang tertanam di dalam lubang (kanvas), yang mana ia merakam gambaran permukaan bumi yang tercemar akibat pembuangan sisa.

Dalam simbolisme ini juga, cebisan botol dapat melambangkan konsep asas pelestarian air. Melalui seni ini, saya tidak hanya ingin menghasilkan karya yang estetik tetapi juga menyampaikan mesej penting mengenai kelestarian dan kesedaran alam sekitar, sambil mengajak penonton untuk menilai semula nilai bahan-bahan yang dianggap remeh dan mendorong ke arah gaya hidup yang lebih lestari.

Cebisan botol dapat melambangkan konsep asas pelestarian air dengan beberapa cara simbolik. Pertama, botol sering dikaitkan dengan air sebagai bekas penyimpanan dan penggunaannya. Penggunaan semula atau kitar semula cebisan botol mencerminkan idea bahawa sumber air harus diuruskan dengan cermat dan tidak dibazirkan. Selain itu, cebisan botol yang sudah pecah atau rosak menandakan kesan negatif akibat sikap membazir dan ketidaksedaran terhadap kepentingan menjaga alam sekitar, termasuk sumber air.

Amalan kita agar bersikap sederhana dalam penggunaan air, tanpa membazir merupakan intipati syariat yang bertujuan agar setiap tindakan dan amalan dilakukan secara lestari, beradab, dan sempurna.

“Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu”
Surah al-Furqan, 67)

Simbolisme ini menekankan bahawa seperti botol yang boleh dikitar semula, air juga merupakan sumber yang perlu dilestarikan melalui tindakan berhemah dan bertanggungjawab. Dengan mengitar semula cebisan botol, ia menyeru kepada penggunaan yang bijak dan lestari, sama seperti air yang perlu dikawal penggunaannya untuk memastikan ia terus tersedia untuk generasi akan datang.

KETELUSAN

Mohd.Shaharudin Sabu

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, UiTM Cawangan Melaka



Besi

106 cm x 13 cm x 43 cm

2022

Manusia adalah khalifah dimuka bumi yang dikurniakan oleh Allah dengan pelbagai keistimewaan dan kelebihan tersendiri dalam menjalani kehidupan sepanjang hayatnya di dunia ini. Antara keistimewaan tersebut adalah Allah telah menganugerahkan akal fikiran yang hanya kepada manusia dan tidak dikurniakan kepada makhluk lain namun sering kali disalahgunakan. Seiring dengan akal, manusia juga dikurniakan nafsu yang sering cenderung kepada sesuatu yang kurang elok seperti ingin menguasai ekonomi,

politik dan sosial hanya untuk menunjukkan kehebatan diri berbanding individu lain. Sepatutnya manusia menggunakan nafsu dan akal dengan seimbang bagi mendapat keredhaan Allah dan kenikmatan dalam kehidupan di dunia dan akhirat nanti.

Malangnya, seringkali kita dapati tetap ada individu yang mengambil kesempatan yang ada semata-mata untuk kepentingan diri sendiri hingga lupa akan agama dan nilai-nilai murni dalam menjalankan tanggungjawab sebagai khalifah.

Pelbagai kaedah termasuk rasuah sanggup digunakan demi mencapai matlamatnya sehingga menafikan hak orang lain. Arca saya ini merupakan suatu metafora terhadap rupa bentuk manusia dalam keadaan yang tidak sempurna sifatnya. Kelihatan ruang-ruang kosong pada badan yang tiada organ dalaman seperti jantung, hati, paru-paru dan sebagainya bagi menunjukkan seseorang yang tidak mempunyai jiwa, tiada pegangan agama dan sifat-sifat baik dalam diri. Terdapat juga juga kesan-kesan tajam dan berkarat pada bentuk itu sebagai mewakili akibat buruk yang mungkin akan dialami kelak.

Kedudukan bentuk badan yang sengaja diletakkan tidak seimbang adalah untuk menjelaskan bahawa individu yang melakukan perbuatan tidak baik seperti menerima atau memberi suapan sebagai upah atau dorongan dalam melaksanakan sesuatu, pasti akan menerima tanggapan tidak baik atau dipinggirkan oleh masyarakat.

Perbuatan sedemikian akan mendatangkan kemudaratan terhadap diri sehingga dapat menjejaskan sesuatu institusi kekeluargaan, masyarakat, ekonomi dan budaya. Jauh lebih besar akibat dari perbuatan jenayah rasuah adalah kemurkaan Allah terhadap sesiapa sahaja yang terlibat dan pasti akan menerima balasan yang pedih jika tidak bertaubat dan mendapat keampunanNya. Oleh itu, kita mestilah mengamalkan dan sentiasa berada dalam ketelusan sepanjang melaksanakan amanah yang diberikan kepada kita demi mencapai keredhaanNya.

PERSAHABATAN TERINDAH

Nur Farahah Mohd Pauzi

Fakulti Perakaunan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka

Perkenalan kami bermula pada tahun 2006, ketika masing-masing masih mencari rentak di bangku pengajian. Dari sekadar rakan sekelas yang bertukar senyuman dan bertukar nota, kami perlahan-lahan menjadi lebih rapat, daripada rakan sekelas kepada rakan serumah, dan akhirnya bertukar menjadi teman sepanjang hayat.

Persahabatan kami bukan tanpa badai. Kami pernah rapat, pernah juga berjauhan hati. Pernah bergaduh kerana hal kecil yang kini jadi kenangan lucu, pernah susah, pernah perit bersama menghadapi hari-hari mencabar sebagai pelajar. Namun begitu, semua itu tidak mematahkan semangat kami. Sebaliknya, ia menguatkan lagi ikatan yang terbina. Ia menjadi bukti bahawa persahabatan yang berkekalan itu wujud, jika dibaja dengan kejujuran, keikhlasan dan doa.

Kami berkongsi pelbagai cerita, tentang keluarga, tentang impian, tentang hati yang kadang kala terluka. Dulu kami berkongsi cerita hati di tengah malam yang sunyi, kini kami mengembara bersama, berkongsi pandangan dan rasa syukur melihat keindahan dunia yang Allah ciptakan. Walau banyak perkara telah berubah, tapi kami masih sama. Hati kami tetap terpaut pada satu nama, sahabat.

Kini, setelah hampir dua dekad, kami masih di sini, lengkap berenam. Masing-masing telah melalui pelbagai fasa hidup, namun persahabatan tetap hidup, walau jarak dan masa memisahkan. Setiap pertemuan semula adalah anugerah, setiap pelukan adalah pengubat rindu. Kami bersyukur dengan persahabatan ini, yang telah membawa kami ke pelbagai tempat indah dan bersama memori yang tidak akan dilupakan. Persahabatan ini adalah hadiah terindah dalam hidup, satu kisah yang akan terus kami simpan dalam hati, sampai bila-bila. Kerana sahabat yang sebenar bukan hanya hadir ketika gembira, tetapi tetap tinggal walau badai melanda.

Dan kami, kami adalah bukti bahawa persahabatan itu, jika benar dan tulus, akan kekal selamanya. Ditujukan khas buat sahabatku dunia akhirat, Nor Azyliana, Izatul Roslina, Nik Elia Farida, Hidayatul Huda dan Siti Hawa.



PERSPEKTIF LAIN : PETROSAINS

¹Noordiana Sukur ²Siti Amalina Mohd Yazid

¹Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, UiTM Kampus Bandaraya Melaka

²Fakulti Sukan dan Rekreasi, UiTM Kampus Perlis

Petrosains, The Discovery Centre yang telah ditubuhkan pada tahun 1999 adalah merupakan sebuah pusat sains interaktif yang terletak di Suria KLCC, Menara Berkembar Petronas. Ia adalah merupakan inisiatif dari syarikat minyak dan gas negara Malaysia, PETRONAS dalam usaha untuk memupuk minat terhadap sains dan teknologi dalam kalangan rakyat Malaysia. Ia menawarkan pengalaman yang menarik untuk semua lapisan umur, dan merupakan salah satu destinasi pembelajaran dan pelancongan pendidikan di Malaysia. Antara tujuan utama penubuhan Petrosains adalah untuk memperkenalkan konsep sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) secara interaktif dan mudah difahami oleh semua lapisan umur. Tambahan pula, Petrosains menggunakan pendekatan pameran yang bersifat pengalaman langsung (*hands-on*) untuk menarik minat kanak-kanak dan pelajar. Antaranya, Dark Ride dimana pengunjung akan menaiki kapsul yang membawa mereka melalui pelbagai pemandangan dan sesuai untuk semua peringkat umur. Selain itu, Geotime Diorama adalah galeri yang membawa pengunjung mengembara ke zaman dinasour di mana terdapat replika T-Rex yang bersaiz besar, gunung berapi meletus dan juga pembentukan bumi. Tarikan interaktif begini dapat menarik pelajar untuk mempelajari tentang geografi, sejarah dan sains bumi dengan cara yang menyeronokkan. Secara ringkasnya, pelbagai aktiviti yang ditawarkan di Petrosains seperti Speed Zone, Galeri Angkasa, Platform Minyak dan Gas yang menggambarkan keadaan di atas pelantar, Maker Studio dan lain lain.

Penulis berkesempatan mengiringi 30 orang pelajar Bahagian 3, Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pengurusan Pelancongan mengunjungi Petrosains dalam satu rangka lawatan akademik di Kuala Lumpur pada Disember 2024 yang lalu. Lawatan ini telah dirancang bagi memberi ruang dan peluang kepada para pelajar untuk membuat kajian dan pemerhatian lapangan secara langsung dalam mengumpul maklumat yang berkaitan dengan aspek pentadbiran, pengurusan dan pengoperasian organisasi, pengurusan sumber manusia, program dan aktiviti pemasaran, pengurusan kewangan, analisis SWOT dan pemerhatian tapak. Selain itu, para pelajar juga memahami isu dan cabaran yang dihadapi, masalah keselamatan dan juga pelaksanaan amalan lestari oleh organisasi.

Menurut Nurul Aini Soffiya binti Mat Zaiti, Setiausaha program ini, antara aktiviti menarik yang dicuba olehnya ketika sesi lawatan tersebut adalah Dark Ride juga dikenali sebagai Energy Capsule, ia merupakan perjalanan simulasi dimana kami berkesempatan menaiki kapsul dan melalui perjalanan melihat sains dan teknologi dibeberapa suasana termasuk terowongan gelap yang dilengkapi dengan efek audio dan visual berkenaan sejarah bumi dan minyak serta perkembangannya dari dahulu hingga kini. Selain itu, berkesempatan merasai pengalaman berlumba dengan simulasi memandu kereta Formula 1 secara maya sangat menarik dan mengujakan. Manakala Ketua Program, Muhammad Hafizuddin bin Azman berpendapat, yang menarik perhatian beliau

ketika lawatan ke Petrosains ialah ketika berada di zone astronomi, kerana cukup kagum dengan reka bentuk dilengkapi dengan teknologi sains yang membolehkan beliau merasai pengalaman berada di luar angkasa.

Walaupun, disebalik aktiviti menarik dan interaktif yang disediakan oleh pihak pengurusan, para pelajar ini berpendapat ada ruang yang boleh ditambah baik oleh pihak Petrosains, The Discovery Centre. Antaranya ; pihak pengurusan boleh menambah dan mempelbagaikan aktiviti khusus untuk para remaja dan dewasa dengan menyediakan aktiviti yang lebih bersifat fizikal. Ia bukan sahaja menambah pengetahuan tetapi dapat menguji kemampuan mental dan fizikal mereka. Ini adalah kerana, aktiviti yang lebih bersifat fizikal yang melibatkan koordinasi seluruh deria tubuh mampu menarik minat golongan ini untuk datang melawat selain mengukuhkan minat mereka untuk menceburi bidang sains dan teknologi dengan lebih formal lagi. Selain itu, Muhammad Hafizuddin mencadangkan pihak pengurusan melakukan penambahbaikan dari sudut perkhidmatan pelanggan, berlakunya kesesakan yang tidak yang tidak dijangka, pihak pengurusan perlu mencari solusi untuk mengatasi masalah ini, seperti mengehendkan masa untuk setiap kumpulan. Selain itu, terdapat aktiviti atau teori demonstrasi yang tidak boleh diguna pakai, mungkin mengalami masalah teknikal dan sebagainya. Sebaiknya pihak pengurusan dicadangkan untuk mengadakan pemeriksaan berkala supaya ia tidak mengganggu tahap kualiti perkhidmatan dan kepuasan pengunjung.

Kesimpulannya, sains dan teknologi bukan hanya gah dan menarik untuk diteroka. Tapi ia merupakan bidang penting dalam membangun sesebuah negara. Seperti kata Edward Teller "sains harini adalah teknologi dimasa hadapan". Usaha mengadakan ruang dan tarikan interaktif seperti ini, memberi pendedahan kepada semua masyarakat tentang salah satu cabang sains dan teknologi haruslah diberi sokongan kukuh oleh semua pihak. Semua aspek penting pengurusan dan pengoperasian ; pentadbiran, sumber manusia, kewangan, pemasaran, juga keselamatan memerlukan perhatian dan perancangan yang menyeluruh dari semua pihak bagi memastikan kewujudan ia dalam masyarakat membawa impak yang diharapkan.



Ruang pameran yang menempatkan pelbagai tarikan dan aktiviti interaktif



Para pelawat bergerak bebas dan menerokai sendiri segala aktiviti yang disediakan



Antara aktiviti interaktif yang menarik minat remaja, ruang simulasi Formula 1

PLUVIOPHILE, SANG PENCINTA HUJAN

Rafidah Abas

Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, UiTM Cawangan Melaka

Pluviophile, istilah yang bunyinya pelik, tapi dekat dengan jiwa sesetengah orang. Gabungan perkataan "pluvia", dari bahasa Latin yang maksudnya hujan, dan "phile" yang dalam bahasa Greek bermaksud pencinta atau orang yang suka akan sesuatu. Jadi secara mudahnya, pluviophile ni bermaksud seseorang yang sukakan hujan.

Menurut psikologi, pencinta hujan ni cenderung introspektif, sensitif, dan suka menyendiri orangnya. Bukan kerana mereka ni anti-sosial, tapi kerana ketenangan itu beri ruang untuk refleksi, menyusun semula jiwa dan kehidupan.

Bagi aku, hujan ni buat kita rasa tenang dan damai, tak macam cuaca panas yang buat kita cepat letih, haus, sakit kepala dan kurang sabar. Bunyi rintik hujan jatuh atas bumbung, bau tanah yang basah, angin sejuk yang menyapa kulit, tengok titisan hujan turun dari tingkap, baring-baring atas katil sambil buat refleksi diri, jamu selera dalam hujan, semua tu bagi pencinta hujan, macam terapi percuma yang Allah anugerahkan untuk kita. Seolah-olah alam pun sedang tarik nafas panjang, dan lepaskan semua beban.

Kalau kita perasan, gaya pemanduan masa tengah hujan pun jadi lebih santai. Susah nak jumpa kereta belakang "cucuk buntut" atau bagi "high beam" tak tentu hala. Semua jadi tenang, sopan dan lebih bertoleransi. Bagi orang Islam, detik hujan mula turun tu sendiri adalah antara waktu mustajab berdoa. Apalagi kalau tengah bermusafir atau sedang berpuasa. Fuh! double, triple bonus. Doa boleh naik laju terus, insya-Allah.

Bila lepas hujan, kita boleh nampak pokok dan tanaman jadi lebih hijau, tanah lembut, udara pun lebih bersih. Ramai orang fikir pelangi hanya muncul selepas hujan panas. Tapi hakikatnya, bila sinaran cahaya dan titisan air cukup serasi, walau hujan lebat sekalipun, kita tetap dapat peluang tengok pelangi. Macam dalam hidup, bila waktu sukar bertemu cahaya harapan, keindahan tetap boleh wujud.

Pernah dengar pasal fenomena Superbloom? Selain Death Valley, banyak juga gurun yang asalnya tandus dan gersang, "tiba-tiba mekar" lepas terima taburan hujan walaupun sedikit. Dari Anza-Borrego, Carrizo Plains, dan Mojave di California; sampai San Felipe di Mexico, Atacama di Chile, dan Namaqualand di Afrika Selatan. Sikit je Allah turunkan hujan, dah boleh jadi 'tiket rahsia' buat bumi tandus tu bertukar jadi padang bunga liar yang indah dan mekar luar biasa! Aiah, macam hidup kita, kadang sikit je perhatian atau bantuan, boleh jadi titik tolak yang buat kita mekar semula.

Macam dalam surah Ar-Rum ayat 48 – 50.. Allah cerita macam mana Dia hidupkan bumi yang mati dengan hujan. Tanah gersang pun boleh subur balik, apatah lagi hati manusia. Jadi, hujan tu bukan sekadar air. Dia bawa harapan. Dan kadang, bawa kehidupan baru. Dalam hujan tu, ada ruang dan peluang untuk kita refleksi diri. Macam dunia tengah 'cuci

diri' dari kotoran semalam. Hujan bukan gangguan, ia satu sistem semulajadi yang Allah hantar untuk pulihkan alam.

Jadi ya, aku pluviophile sebab aku suka apa yang datang bersama hujan— tenang, refleksi, dan harapan. Kerana dalam setiap hujan, ada peluang baru. dan kadang, hanya selepas hujan, kita nampak pelangi dan macam-macam benda yang indah. Macam hujan masa Monsun Timur Laut ni... walau lebat dan kadang bawa bencana, tapi dalam diam, dia juga bawa rahmat.

PROGRAM SULAM ‘SUKA SIHAT : AMALAN PEMAKANAN SEIMBANG’

Nadia Hanim Mohd Wasilan, Noordiana Sukur

Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, UiTM Cawangan Melaka

Pada 24 Mei 2025, telah berlangsung satu sesi lawatan akademik dan program SULAM, “Suka Sihat : Amalan Pemakanan Seimbang” yang dianjurkan oleh para pelajar HM2415A di bawah bimbingan pensyarah Pn Noordiana binti Sukur dan Pn Nadia Hanim binti Mohd Wasilan sebagai penasihat bersama program. Program ini dirancang sebagai salah satu inisiatif para pelajar jurusan Pengurusan Pelancongan untuk memenuhi keperluan kursus *Sustainable Tourism*. Kursus *Sustainable Tourism* ini direka bagi memberi pendedahan kepada para pelajar terhadap isu berkaitan dengan pembangunan pelancongan, sosio-budaya, impak ekonomi dan cabaran industri. Kursus ini juga merangkumi rancangan, pembangunan dan kawalan yang menterjemah prinsip asas dan teori kepada praktikal dalam memastikan kelestarian diantara pembangunan dan aspek fizikal, ekologi dan sosiobudaya. Maka, pemilihan Cameron Highlands, sebagai destinasi perlaksanaan program dilihat bertepatan dengan objektif kursus yang mengetengahkan destinasi pelancongan yang mempunyai pelbagai elemen menarik ; alam, budaya dan ekonomi yang pelbagai.

Seterusnya, program Suka Sihat : Amalan Pemakanan Seimbang ini telah melibatkan penyertaan pelajar orang Asli yang tinggal di Asrama SMK Sultan Ahmad Shah, Cameron Highland. Antara aktiviti yang telah diadakan adalah aktiviti fizikal senamrobik, sesi perkongsian ilmu, dan interaksi murid murid dan penganjur dalam sesi latihan dalam kumpulan yang telah dikelolai oleh para pensyarah dan pelajar HM241. Pengisian program ini adalah bertemakan Matlamat Pembangunan Mampan (2) - Sifar Kelaparan dan Matlamat Pembangunan Mampan (1) - Sifar Kemiskinan

Bertepatan dengan salah satu inisiatif Sifar Kemiskinan dengan usaha memenuhi keperluan asas hidup seperti makanan, tempat tinggal dan pakaian. Serta matlamat utama Sifar Kelaparan yang berkaitan dengan inisiatif bagi menamatkan kelaparan, mencapai jaminan makanan, meningkatkan pemakanan bernutrisi, dan menggalakkan pertanian mampan. Maka, program ini memfokuskan kepada topik makanan dan pemakanan dengan menitikberatkan amalan pemakanan sihat dan seimbang dikalangan individu: terutama kanak kanak dan remaja.

Jawatankuasa program berbesar hati menerima kunjungan Guru Penolong Hal Ehwal Murid, Puan Miyati bt Mohd Lela. Seterusnya, beliau telah merasmikan program dengan diiringi oleh guru guru yang juga merupakan kakitangan asrama; Encik Mohd Hafizuddin bin Dahalan dan Cik Adibah Mahirah bt Abd Latiff.

Program SULAM (*Service Learning Malaysia - University for Society*) ini berjalan lancar, menepati objektif utama bagi meningkatkan pembelajaran pelajar dengan menghubungkan teori dan praktis, juga meningkatkan sahsiah, kemahiran sivik dan kewarganegaraan. Selain itu, ia merintis jaringan universiti dan komuniti melalui kerjasama program dan kesukarelawanan.


Orang Daik pergi ke ladang,
Menanam padi sehingga senja,
Orang baik hati penyayang,
Menanam budi tidak berkira
(DBP,2007)



Persiapan program oleh penganjur, pelajar HM2415A



Sesi perkongsian ilmu oleh Puan Noordiana dan Puan Nadia Hanim



Aktiviti dalam kumpulan bersama pelajar HM2415A



Puan Miyati Mohd Lela sedang menyampaikan kata aluan sempena majlis penutup program



Sesi penyampaian penghargaan daripada kedua dua pihak



Sesi bergambar bersama semua yang terlibat, pihak penganjur, bentadbir sekolah, guru guru dan peserta program yang terdiri daripada penghuni asrama SMK Sultan Ahmad Shah, Cameron Highlands

SHIBUYA – PERSIMPANGAN SERIBU LANGKAH DAN HIKAYAT SEEKOR ANJING SETIA

Siti Mariam Ali

Fakulti Pengurusan Dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka

“ وَأَوْفُوا بِالْعَهْدِ إِنَّ الْعَهْدَ كَانَ مَسْئُولًا ۝٣٤ ”

Dan penuhilah janji; sesungguhnya janji itu pasti akan ditanya (dipersoalkan).”
(Al-Isra’: 34)

Persimpangan Hidup di Shibuya

Tatkala matahari condong ke barat, aku dan rakan-rakan berdiri di sebuah persimpangan yang disebut sebagai paling sibuk di dunia — Shibuya Crossing. Pertama kali di Tokyo yang mana aku berhadapan dengan manusia yang cukup ramai dan sesak namun terkawal! Di hadapan mataku, lautan manusia dari pelbagai arah menyeberangi jalan dalam harmoni yang mengagumkan. Tiada perebutan, tiada keluh kesah, tiada kegusaran, seakan aliran sungai manusia yang bertemu di muara, kemudian berpisah menuju destinasi masing-masing. Lampu merah berganti hijau, ribuan kaki melangkah.

Dalam hiruk-pikuk Kota Metropolitan Tokyo, aku termenung: begitulah hidup manusia berlari mengejar masa, bertemu seketika, lalu berpisah untuk kembali ke jalan masing-masing.

Di suatu sudut, tersergam patung ikonik berbentuk seekor anjing berwarna gangsa. Aku menghampirinya, menyentuh dingin permukaan logam itu dan mengambil peluang mengabadikan potret pengalaman di Tokyo Bersama patung ikonik yang menjadikan tumpuan jutaan pelancong uang berkunjung ke Shibuya. Itulah Hachikō, anjing yang terkenal kerana kesetiannya kepada tuannya, Profesor Hidesaburō Ueno.

Setiap hari, Hachikō menunggu tuannya di stesen Shibuya, bahkan setelah profesor itu meninggal dunia, ia tetap menunggu bertahun-tahun. Kisah itu menggetarkan jiwaku. Seekor haiwan mampu menunjukkan kesetiaan yang begitu mendalam, bagaimana pula dengan kita manusia yang dikurniakan akal dan iman?

Hachikō dan Hadis Kesetiaan

Rasulullah صلى الله عليه وسلم pernah bersabda: “Tidak beriman salah seorang daripada kamu sehingga dia mencintai saudaranya sebagaimana dia mencintai dirinya sendiri.” (HR Bukhari & Muslim).

Kesetiaan bukan sekadar pada cinta, tetapi juga pada janji, tanggungjawab, dan hubungan sesama insan. Hachikō dengan caranya yang sederhana telah mengajarkan manusia tentang makna wafa’ — kesetiaan. Aku teringat juga hadis Baginda صلى الله عليه وسلم tentang menghargai jasa:

“Barangsiapa tidak berterima kasih kepada manusia, maka dia tidak bersyukur kepada Allah.” - Riwayat Abu Daud (4811) dan al-Tirmizi (1954)

Bukankah Profesor Ueno memberi makan dan kasih sayang, lalu Hachikō membalasnya dengan kesetiaan? Maka bagaimana pula kita — adakah kita benar-benar menghargai jasa ibu bapa, guru, dan insan-insan yang pernah berkorban demi kita?

Peringatan di Balik Lampu Neon Tokyo

Namun di sebalik kisah mulia seekor anjing setia, Tokyo juga menampilkan sisi gelapnya. Dari persimpangan Shibuya ini, hanya beberapa langkah menuju lorong-lorong dipenuhi kelab malam, bar, dan tempat hiburan yang melalaikan. Lampu neon yang terang benderang menyembunyikan jiwa-jiwa kosong yang menjadi pelarian dalam mabuk dan tarian. Aku melihat muda-mudi Jepun yang tawa mereka membelah malam, tetapi di mata mereka ada kekosongan. Dunia moden memberi mereka kelimpahan hiburan, namun tidak memberi makna.

Suasana ini menggerakkan jemariku menelaah sebuah hadis Rasulullah ﷺ:

“Tidak akan bergeser kedua kaki seorang hamba pada hari kiamat hingga dia ditanya tentang empat perkara: tentang umurnya untuk apa dihabiskan, tentang ilmunya untuk apa diamalkan, tentang hartanya dari mana diperoleh dan ke mana dibelanjakan, serta tentang tubuhnya untuk apa digunakan.” (HR Tirmizi)

Betapa rugi jika umur yang singkat ini hanya dileburkan dalam arak, muzik melalaikan, dan hiburan tanpa arah. Hidup ini bukan untuk berfoya-foya, tetapi untuk berbakti dan beribadah. Simboliknya mudah, kita perlukan agama sebagai penyuluh Aqidah. Shibuya Crossing mengajarku dua perkara:

1. Hidup ini umpama persimpangan — kita bertemu dan berpisah, tetapi yang kekal hanyalah amal yang dibawa ke akhirat.
2. Seekor anjing mampu mengajarkan kesetiaan, sedang manusia sering lupa pada janji dan jasa.

Malam itu, kutinggalkan Kota muda-mudi Shibuya dengan seribu satu kenangan dan pengalaman. Aku pernah berada di lintasan paling sibuk dunia! Jauh di lubuk kecil hati ini, aku bermonolog sendiri.... “Ya Allah, sungguh dunia ini fatamorgana! Justeru, jadikan aku hamba yang setia pada janji, berterima kasih atas jasa, dan tidak terpedaya dengan hiburan dunia yang melalaikan. Jadikan setiap langkahku bukan sekadar menyeberang jalan fana ini, tetapi menuju jalan abadi yang Kau redai.”

*Idea karya digarap ketika penulis berada di Tokyo, Jepun menjalankan penyelidikan bersama rakan penyelidik Geran Penyelidikan The Sumitomo Foundation, Japan (2024 Fiscal Year)

**UNIVERSITI UNTUK MASYARAKAT DALAM PROGRAM
'MELESTARIKAN TIOMAN : SEBUAH PERJALANAN DEMI PEMBERIAN'**

*Noordiana Sukur, Nadia Hanim Mohd Wasilan, Afiq Bin Mohd Rawi
Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, UiTM Cawangan Melaka*

Projek SULAM (*Service Learning Malaysia – University for Society*) atau “Universiti Untuk Masyarakat” adalah merupakan suatu inisiatif pembelajaran berasaskan perkhidmatan yang menghubungkan institusi pengajian tinggi dengan komuniti setempat oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Tujuan inisiatif ini adalah untuk memberi pengalaman pembelajaran yang menghubungkan teori dan praktis dengan penyelesaian permasalahan sebenar dalam komuniti.

Menyambut baik matlamat ini, seramai 19 orang pelajar Bahagian 6, Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pengurusan Pelancongan, dan seorang pensyarah dari Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan telah mengadakan satu program bersama komuniti di Sekolah Kebangsaan Mukut pada 13 Jun 2025 yang lalu. Bertepatan dengan kursus Pelancongan Mampan (*Sustainable Tourism*) yang diambil oleh pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pengurusan Pelancongan ini, program “Melestarikan Tioman : Sebuah Perjalanan demi Pemberian” dirancang sebagai salah satu usaha dan inisiatif bagi menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals-SDG*). Mendapat maklumbalas dan kerjasama yang baik daripada komuniti sasaran, warga Sekolah Kebangsaan Mukut, Pulau Tioman, maka pihak penganjur merangka satu pengisian program yang selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan 1 dan 2 iaitu Sifar Kemiskinan dan Sifar Kelaparan. (*SDG 1 & 2 – Zero Poverty & Zero Hunger*). Bersesuaian dengan kepakaran dan kemampuan pelajar dan pensyarah FPHP, maka program menfokuskan kepada makanan, dan amalan pemakanan seimbang dan bernutrisi. Seterusnya, pengisian program adalah untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan kanak-kanak sekolah tentang kepentingan pemakanan seimbang dan gaya hidup sihat sebagai langkah awal dalam menangani masalah kekurangan zat makanan dan malnutrisi.

Program ini telah disertai oleh lebih 20 orang murid-murid SK Mukut, Pulau Tioman dari peringkat pra-sekolah sehingga ke Tahun 6. Pihak penganjur berbesar hati menerima kehadiran barisan pentadbir dan guru guru bagi sama sama memeriahkan program yang berlangsung dari pada pukul 3 petang itu. Program ini telah dirasmikan oleh Tuan Muhammad Afiq bin Sulaiman, selaku Guru Penolong Kokurikulum. Turut menyerikan lagi majlis perasmian pembukaan program adalah GPK HEM SK Mukut, Pn Siti Mardhiyah Bt Mansor dan barisan guru guru SK Mukut yang sangat menyokong penganjuran program ini. Seterusnya, program diteruskan dengan sedikit perkongsian ilmu dan pengetahuan tentang makanan dan amalan pemakanan sihat, melalui sketsa, kuiz dan juga interaksi bersama komuniti SK Mukut. Penglibatan aktif para peserta dapat dilihat dalam aktiviti berkumpulan, permainan “Bingo Makanan Sihat” di mana pelajar-pelajar dapat menguji ilmu pengetahuan disamping mengasah kemahiran berkomunikasi serta kerjasama berpasukan. Majlis diakhiri dengan sesi penyampaian hadiah kepada peserta paling aktif, dan kumpulan terbaik. Para penganjur juga berbesar hati mewakili

warga UiTM Kampus Bandaraya Melaka menyampaikan sumbangan berupa makanan seperti biskut dan air kotak susu berperisa, serta barang keperluan sekolah kepada 28 orang pelajar SK Mukut, Tioman.

Muhammad Hafiz Bin Mohd Nizam Prushothman selaku Ketua Projek berpendapat, program ini berjaya mendapat sokongan dan sambutan daripada komuniti tempatan, justeru ia dapat dilaksanakan dengan jayanya. Selain itu, banyak ilmu yang diperolehi ketika menganjurkan program ini, terutama cara dan formaliti ketika berkomunikasi dengan beberapa agensi yang terlibat, diantaranya Jabatan Pendidikan Negeri Pahang, operator penginapan dan juga pihak sekolah. Manakala Penasihat Program, Pn Noordiana binti Sukur berharap bahawa jalinan kerjasama yang telah dibina diantara FPHP dan komuniti Kg Mukut, Tioman (SK Mukut dan juga warga kampung SK Mukut) dapat dipereratkan lagi dengan mengadakan pelbagai bentuk aktiviti dan program kerjasama antaranya; lawatan akademik, program khidmat masyarakat, kursus atas talian (online) dan sebagainya.

Kesimpulannya, jalinan kerjasama diantara universiti dan masyarakat ini diharapkan dapat meningkatkan ilmu pengetahuan serta membentuk sikap kepedulian terhadap komuniti setempat bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, prihatin dan sejahtera. Seperti peribahasa “hidup kayu berbuah, hidup manusia biar berjasa”



Sesi perasmian dan ucapan aluan program oleh Tuan Muhammad Afiq bin Sulaiman, selaku Guru Penolong Kokurikulum



Sketsa amalan pemakanan sihat dan seimbang oleh penganjur program, pelajar HM2416C



Sesi interaksi oleh pensyarah dan pelajar FPHP bersama para peserta, pelajar SK Mukut



Aktiviti berkumpul, Bingo Pemakanan Sihat



Sesi penyampaian hadiah dan sumbangan kepada para peserta, pelajar SK Mukut



TAMAT
SEKIAN





ILHAM KAMPUS

EDISI KEEMPAT

IDEA, KONSEP & TERBITAN:

Unit Buletin, Jurnal dan Penerbitan Universiti (JPU),
Bahagian Penyelidikan & Jaringan Industri (PJI),
Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka

